

BACHTIAR DJAMILY

BAGAIMANA UMNO MELINTASI KRISIS

- 91843

CHERMA RAFLESWATY

NO: 2, LORONG 5/15 C, PETALING JAYA SELANGOR, MALAYSIA

Cetakan pertama May 1976

529, 95951

- 91843

Di Ceta Percetakan Polygr, ec Sdn. Bhd. No. 1, Jalan Simpang, Taman Overseas Union, Batu 5, Jalan Klang, Kuala Lumpur. TAL: 58835

> 3 0 SEP 1978 Perpustakaan Ne

KANDUNGAN ISI

INDONESIA

- A. KENAPA SAYA TULIS BUKU INI?
- B. APAKAH UMNO AKAN PECAH LAGI?
- C. KORUPSI ATAU RASUAH D. KEHANCURAN PARTAI NASIONAL DI
- E. GERAKAN ISLAM BERORGANISASI DI INDONESIA
- F, PERPECAHAN PARTAI DI INDIA PAKISTAN DAN BANGLADESH
- G. BAGAIMANA UMNO MELINTASI MAUT? H. UMNO DAN PILIHANRAYA
- I. KEPEMIMPINAN DATUK HUSSEIN ONN



KENAPA SAYA TULIS BUKU INI?

Pada bulan May 1972, ketika Allah Yarham Tun Razak melawat Tanah leluhurnya daerah Bugis dan oleh rakyat di sana beliau dianugerahi gelar LA TATTA AMBARALA DAENG MANESSA dan Toh Puan Raha diberi pula gelar WE BUNGAWALIE, saya telah menyusun sebuah buku berkenaan riwayat hidup Tum Razak sebagai Negarawan yang handal dan tahan lama dan sebagai ahli politik yang lincah dan usangat ulet.

Judul buku itu saya beri nama TUN RAZAK LA TATTA AMBARALA DAENG MANESSA, yang kalau selesai dicetak akan menjadi sekitar 250 muka tebahwa.

Bung Adam Malik seorang wartawan veteran yang jadi Menteri Luar Negeri Indonesia ketika lawatan Tun Razak itu berakhir dalam suatu kesempatan bercakap kepada saya: "Nah, ini satu peluang yang baik untuk Saudara menyusun cerita tentang Tun Razak!"

Saya tersenyum, tapi pikiran saya jadi bergeliga dan selesailah buku itu dalam waktu yang sangat singkat, kerana saya tidak henti-hentinya sejak tahu 1948, mengikuti pergolakan dan perkembangan dalam negeri ini dengan penuh minat dan kebanggaan.

Manakala buku itu selesai saya susun, saya menemui Menteri Luar Negeri Adam Malik dan mamintak pertimbangannya untuk memberi tulisan Sepatah Kata dalam buku berkenaan Tun Razak itu. Bertarikh 8hb Jun 1972, saya menerima

SEPATAH KATA dari Menteri Luar Negeri Republik Indonesia Adam Malik (Tun) yang kemudian naskah

buku Tun Razak itu saya bawa ke Malaysia.

Fincik Abdullah Majid Setia usalia Akhbar Pim Tun Razak adalah kenalan dan sahabat saya sejak lama. Kepadanya saya tulis surat dan saya sertakan maskah Tun Razak itu, dengan harapan sujuya Tun Razak sudi memberikan kata sambutannya ataupun nasihat beliau dalam corak japapun tentang buku yang saya susun berkenaan diri beliau condisi.

Bulan May penghujung bulan itu, saya dalam perjalanan keberapa negara Asia memenuhi jemputan dari kerjaan-kerjaan yang berkenaan dalam kedudukan saya sebagai wartawan. Maka saya berharap kepada Tun Razak melalui Encik Abdullah Majid, bahwa sekembalinya saya dalam perlawatan itu, mudahmudahan harapan saya sudah akan terkabul dengan sewajaranya.

Akhir bulan Jun 1972, saya itina kembali di Kuala Lumpur dan saya menemui Enek Abdullah Majid dipejahatnya. Laksana ayam jantan patah terkulai kepalanya akibat berlaga digelanggang yang kena panas terik, saya berhadapan dengan sahabat saya Abdullah Majid yang mengembalikan maskhah tiu kepada saya dengan ucapan, bahwa TUN RAZAK belum bersedia memberikan sembarang sambutan satas sesuatu buku dan karangan yang menyentuh diri dan perjuangan beliau sendiri, tapi kalau hendak terus diterbikan di luar Malaysia, di Indonesia misalnya, terpulanglah kepada saudara, demikian Encik Abdullah Majid berkata.

Walaupun demikian reaksi yang saya terima, saya berusaha dengan cepat menormalkan gerak jantung saya. Ini bukan untuk pertama kali saya mengarang buku tentang orang kenamaan. Buku SUHARTO ANAK PAK TANI JADI PRESIDEN karangan saya telah diterbitkan oleh Utusan Melayu dan mendapat sambutan baik dari pembaca, juga dapat perhatian yang khas dari Presiden Suharto sendiri, begitu pula dari Ibu Tien Suharto - isteri Presiden Republik Indonesia itu.

Sebelum itu, sava telah mengarang buku tentang SUKARNO DITENGAH-TENGAH WANITA yang diterbitkan oleh Pustaka Sari Kuala Lumpur,

yang sudah habis laku seperti goreng pisang.

Buku karangan saya MENEROPONG KEPE-MIMPINAN SUHARTO-NASUTION yang diterbitkan oleh Purnama Publications Singapura ditahun 1968, di samping habis terjual dalam waktu yang singkat, juga telah diteriemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan disiarkan oelh Bulletin Digest Operasi di Jakarta. Begitu pula buku saya BAGAIMANA

MELAWAN SUBVERSIVE KOMUNIS dierbitkan oleh Nusanta Enterprise Kuala Lumpur, mendapat sambutan baik, pun telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, disiarkan dalam Digest Operasi Daily Bulletin di Jakarta.

Dari jumlah 35 buah buku yang telah selesai saya karang, di samping beberapa buah telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, beberapa buah di antaranya sekarang sudah diulang cetak kedua dan ada yang sudah dalam cetakan ketiga.

Jadi saya tidak kecewa, saya dapat memahami sikap Tun Razak yang belum bersedia memberikan sambutan di atas sebuah buku yang berkenaan dengan diri beliau sendiri.

Sava ulangi, saya tidak kecewa, saya tidak kesal, sava faham!

Untuk sekadar pengetahuan pembaca, Sepatah Kata Menteri Luar Adam Malik bertarikh 8hb Jun 1972 dalam ejaan lama itu, baik juga saya sertakan menyiarkannya dalam buku ini.

SEPATAH KATA

Tun Razak — Perdana Menteri Malaysia adalah salah seorang peninipin, jaga memegang dan memainkan peranan penting dan besar di-kai Tenggara chususnja dan dalam dunia internasional umumnja, dalam usaha2 perdamaian dan demokrasi umka kepentingan umat manusia jang besar djumlahnya itu.

Adalah sangat menarik perhatian, bahwa Tun Razak dalam perdjuangannja sebagai P o litis i selama lebih 12 tahun dan sebagai N e g a r a w a n selama lebih 17 tahun, boleh dikatakan tidak pemah mengalami pasang surut kepertjajaan, bahkan kepertjajaan kepada beliau semakin bertambah2. Sedikit sekali hal jang demikian, ditemukan dalam riwajat pemimoh2 lajan didunia ini.

Oleh sebab itu, usaha Saudara Bachtiar Djamily, menjusun sebuah buku tentang Tun Razak dengan titel

"TUN RAZAK LA TATTA AMBARALA DAENG MANESSA" saja sambut baik, karena saja pertjaja, bahwa dalam buku ini tentu diungkap-kan banjak hal² penting jang bersangkutan dengan perdjuangan Tun Razak, menunt sorotan pena pengarangnja, begitu pula hal² jang ada hubungannja dengan keserasianperdjuangan kedua bangsa dan negara di-Asia.

Kerana sikap penjajah terhadap diri saya tahun 1955, maka saya kembali ke Indonesia, namun sejak itu sampai kehari ini, saya tak pernah luput mengikuti dan memperhatikan segala macam perkembangan sejak Malaya sampai kepada Malaysia menjelang usianya 19 tahun sebagai negara Merdeka.

Dari sejak Malaysia Merdeka, karangan-karasaya yang bersifat menyokong perkembangan kemajuan negeri ini, masih terus disiarkan dalam Utusan Melayu, Utusan Zaman, Utusan Malaysia, begitu juga dalam Mastika. Dalam majallah Dewan Masyarakat terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, saya juga diberi tempat yang khas. Sedangkan dengan penerbitan Syarikat DIAN Kota Bharu Kelantan, yang menerbitkan Majallah DIAN dan SANTAJIWA, saya boleh dikatakan mendapat ruangan tetap selama beberapa tahun terakhir ini.

Kenapa saya menulis buku ini?

Saya adalah orang melarat, orang miskin, tetapi peluang yang saya peroleh dinegeri ini dari tahun 1948-1955, telah membuat saya jadi orang terkenal, jadi orang ternama ke mana-mana, bahkan sebahagian orang menyebut saya telah jadi "orang penting."

Itu bukan sekedar temberang lapuk atau laksana orang jual koyok. Saya utarakan semuanya itu, sebagai kesedaran, bahwa saya boleh berjaya dalam hidup, sejak dari tukang jaja suratkbabar di Kuala Kangsar dengan bantuan dan keraliman Allah Yarham Encik Yahya Ariff dan pembantu beliau Encik Omar Noordin, pada suatu hari kemudian, saya telah menjadi wartawan dan pengarang yang terkenal di Asia, paling sedikit di Indonesia, paling itak dilengkongan anak-isteri dan saudara-mara saya sendiri.

Kalau saya sudah pernah menerbitkan 4 buah akhbar harian sekali terbit, dua harian pagi dan dua

harian petang, sudah pernah pula mengarang buku lebih dari 30 buah, sudah pula ada yang diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa asing, itu adalah kerana nasi negeri ini yang saya makan sedap dan memberi berkah, air yang saya minum di Tanah Melayu ini jernih dan memberi hasrat hidup yang gemilang kenada saya.

Kalau saya telah dapat peluang menghadiri konperensi yang bersifat international, seperti Seminar Akhbar di Saigon, sidang One Assembly di Manila dan di New Delhi dan lain-lain di mana saya berjumpa dengan berbagai pakar dunia, semuanya adalah kerana karir saya dimulai berkembang dinegeri ini.

Dengan kebodohan saya, dengan pelajaran saya yang tida layak, saya telah melawat lebih 50 negara didunia ini, telah bertemu dengan orangorang terkemuka sejak dari Presiden dan Perdaha Menteri sampai kepada diplomat dan wartawan serta rakyat jelata, dan sayapun telah pergi kemedan perang Vietnam beberapa kali. Semuanya itu kerana kenikmatan yang saya terima dari negeri ini ketika karir saya bermula.

Kenapa saya tulis buku ini?

Awal bulan Mac tahun 1976 ini, seorang sahabat saya yang jadi Menteri dizaman Tunku jadi Perdana Menteri, bertanya tentang nasib naskah buku Tun Razak yang pernah saya susun itu. Belalu sebagai sahabat lama berkata, biarpun sudah banyak orang menulis tentang Tun Razak, tapi kalau Saudara Bachtiar Djamily yang mengarangnya lagi, mungkin membawa pandangan lain, mungkin lebih objektif. Demikian kata sahabat saya ita

Setelah saya balik-balik semula naskah Tun Razak itu, saya berasa memang tidak ada yang perlu saya robah, tapi apakah akan baik sambutan masyarakat, kerana suasananya sudah melewati masa ber-

Saya mengadakan perjalanan ke Kota Bharu Kelantan menjadi ahli penal dalam Hari Puisi Malaysia Kelima bersama-sama dengan sahabat lama yang banyak menolong saya dulu, iaitu Usman Awang alias Tongkat Warrant.

Dijbukota negara ini, saya pergi melawat Ibu Pejabat UMNO, saya berjumpa dengan Ustaz Osman Abdullah, sahabat lama saya, seperti saya juga bersabahat dengan Ustaz Baharuddin Latif dan Ustaz Osman Hamzah.

Saya kenal baik dengan Datuk Senu Abdul jadi Dutabesar Malaya yang pertama ke Indonesia. Saya bersahabat baik dengan Datuk Abdul Samad Idris sejak tahun 1951 dan beberapa orang rekan dan teman sejawat saya, sudah menjadi orang-orang besar dan terhama, memegang peranan penting dalam keraiaan atayun partai dan masyarakat.

Tan Sri Jaafar Albar misalnya, bukanlah orang baru dimata saya, beliau sudah saya kenal baik sejak dari beliau jadi salah seorang penting diibu pejabat UMNO di Johore. Di sana juga saya banyak dapat kesempatan bertemu dengan Tunku dan Dr. Ismail.

Encik Mazlan Noordin, Abdullah Hussein, Asra dan Fatimah Murad, Usman Awang dan Awamil Sirkam, Wijaya Malaya adalah mereka yang banyak membantu saya dalam berbagai macam hal, ketika kami berkumpul di Onan Road 24, penerbit Majallah Bintang dibandar Singapura.

Öleh sebab itu, jika saya hendak tuliskan semua Bogitu pula Datuk Asri Haji Muda, Utatz Jamahiri, Ustaz Haji Yusuf Arrawi dan banyak lagi, Ustaz Abdul Mutabib Azmie dan Encik Daud Yatim serta keluarganya, begitu pula Ustaz Khaidir Khatib Setia Usaha Politik Menteri Besar Kelantan, akan membuat saya berurai air mata mengenang masa silam, kerana terlalu banyak manusia yang telah membantu saya dinegeri ini, sehingga saya berjaya dalam hidup sebagai seorang pengarang dan wartawan, begitu pula sebagai penerbit yang telah 28 tahun lamanya.

Apa yang hendak saya katakan?

Terimakasih, Syukur Alhamdulillah dan saya meminta maaf jika di antara mereka yang telah bejasa dalam hidup saya, tidak tersebutkan namanya dalam

buku ini, sebab terlalu banyak jumlahnya.

Allah Yarham Syeikh Haji Mohammad Zain bekas Mufti Perak dan Allah Yarham Syeih Thahir bakas Mufti Perak dan Allah Yarham Doktro Burhanuddin Elhulaimy dan Allah Yarham Ustaz Haji Ahmad Fuad, adalah orang-orang besar yang telah memberi isi kepada rohani dan jasmani saya, di samping abang saya Datuk Mohammad Ali Zaini bekas Ketua Dewan Undangan Negeri Perak, yang senasib sepenanggungan dengan saya.

Semoga Allah melimpahi kita semua, rakhmat dan kurnianya yang tiada berkeputusan, Amiin!

Bagaimana UMNO MELINTASI MAUT?

Judul dari buku ini, bukanlah buah pikiran saya, tetapi beberapa orang pemimpin UMNO sendiri yang memberikannya kepada saya. Judul itu sendiri membayangkan MELINTASI, artinya UMNO tidak bubar, tidak pecah, tetapi ia berjaya MELINTASI maut. Yang hendak saya uraikan, bagaimana caranya UMNO melintasi maut itu.

Begitu besar kepercayaan sebagian pemimpin UMNO memberi saya judul buku ini. Tapi saya telah 28 tahun jadi wartawan dan Pengarang, saya pernah 7 tahun jadi penerbit, maka saya tidak terburi-buru dengan judul yang menimbulkan penuh tanda tanya itu, boleh jadi menimbulkan kegemparan dan salah faham

Gan saian tanam.

Saya berkonsultasi dengan sahabat-sahabat saya di dalam dan di luar UMNO, diibukota dan ditempat lain, saya bermenung dan saya memegang mesin tulis, maka menarilah iari saya di atas mesin tulis.

Saya kemukakan contoh kebesaran Partai Nasiona Indonesia yang besar, yang hancur luluh akhir kelaknya setelah pecah berkicai-kicai. Saya utarakan kegiatan organisasi umat Islam Indonesia, sampai mengalami nasib pasang naik dan pasang surut.

Masalah korupsi dan rasuah, jadi topik hampir diseluruh dunia dewasa ini, terutama dinegara-negara yang sedang membangun, maka pengalaman saya selama 3 tahun jadi Ahli Badan Anti Rasuah diperingkat nasional di Indonesia, saya cetuskan pula selayang pandang.

Pengetahuan saya sekelumit tentang ALL INDIA MOSLEM LEAGUE dan PARTAI NASIONAL KONGRES INDIA, juga saya utarakan selayang pandang, kalau yang tua-tua sudah tahu, mudahmudahan yang muda menjadikan bahan renungan dan pelajaran. Kalaupun mereka sudah serba tahu dan serba mengerti, boleh jadi dapat dijadikan buku simpanan untuk anak cucu mereka kelak kemudian hari.

BAGAIMANA UMNO MELINTASI MAUT?

Saya tak tahu pasti, malaikat yang mana yang selalu membayangi UMNO, saya juga tidak dapat mempastikan bilakah saatnya UMNO itu telah

dikatakan menempuh sikratil-maut?

Saya cuma hendak mengulangi, bahwa saya banyak tenan sahabat dinegeri ini, saya berada dinegeri ini disaat perjuangan menuntut kemerdekaan yang paling hebat menjelang tahun 1955. Saya tidak berkata saya turut memainkan peranan, saya juga tak mau bila orang berkata, bahwa saya tidak menyaksikan dan tidak mengikuti.

Teman-teman dulu, sekarang telah banyak jadi orang besar, mempunyai kedudukan penting, jadi Menteri dan Wakil Rakyat, menjadi penerbit dan pengarang yang ternama dan saya tetaplah seperti dulu juga, aitu suka dan senang berguran, senang minta tolong, suka ditolong dan selalu suka berterus terang.

Akhirnya saya jelaskan, kenapa saya tulis buku ini dan kenapa demikian bunyi judul buku ini?

Kerana di antara handai tolan sudah banyak yang jadi orang besar sekarang, ingatlah janji dan sikap perjuangan ketika memperjuangkan kemerdekaan negeri ini. Jadilah anda, jadi orang besar dengan karya-karya besar, terhindarlah anda dari orang besar, yang hanya tukang cakap besar saja.

Kerana banyak di antara kawan yang telah di grang penting, ingatlah ketika kita dulu hidup dalam situasi genting, ciptakanlah karya yang penting untuk masyarakat yang masih merintih dengan nyaring itu, jangan jadi orang penting, cuma senang bersandar didinding dan melihat derita rakyat dari penaka istana seding.

Bagi para sahabat yang sudah jadi orang hebat, tetaplah hebat untuk kepentingan rakyat, semoga sabahat terhindar dari segala perbuatan menyiksa

Itulah yang hendak saya jelaskan, dengan

dan membohongi rakvat.

tulus ikhlas, saya datang mengulurkan tangan baru selangkah seirama dan semoga anda semua pihak, menyambut uluran tangan saya ini dengan karya buku ini, dengan penuh rasa ikhlas, terhindar dari pandangan buruk sangka, Amiin Ya Rabbal Alamiin.

Kuala Lumpur 11hb May 1976. Salam persahabatan (30 tahun UMNO) Pengarang, BACHTIAR DJAMILY

APAKAH UMNO AKAN PECAH LAGI???

Hotel Majestic yang terletak dihadapan stesyen keretapi Tanah Melayu itu, sekarang telah termasuk hotel yang ketinggalan zaman moden. Ia telah diketepikan oleh hotel-hotel bertingkat dengan segala perlenekapan moden.

Hotel Majestic itu sendiri, seperti hotel-hotel lainnya adalah benda yang bisu, ia tak punya mata, juga tak punya telinga, dan sudah pasti dia tidak mempunyai mulut.

Oleh kerana itu, hotel Majestic itu, tak boleh melihat, tak dapat mendengar, sudah tentu pula tak dapat bercakap. Tetapi wartawan terkemuka seperti A. Samad Ismail, Dahari Ali, Melan Abdullah, Saleh Daud, Abdul Samad Ahmad, Haji Dahlah Mas'ud dan banyak lagi para wartawan dari berbagai macam golongan dan peringkat, terutama Encik Abdul Aziz Ishak, serta para pemimpin UMNO yang badir dan mengikuti musyarwart Jawatankusas Kerja UMNO 30hb Jun 1951 di Hotel Majestic itu, pastilah bukan orang-orang buta, tidak pula orang-orang pekak atau tuli dan pastilah mereka orang-orang yang mengetahui, apa yang telah terjadi dalam musyawarah di Hotel Majestic itu.

Sejak 11hb May 1946, UMNO didirikan sampai awal tahun 1951, bolehlah dikatakan bahwa UMNO tidak pernah kena bayang-bayang sengketa atau

selisih, jangankan lagi mengalami perpecahan.

Tetapi peristiwa 30hb Jun 1951 di Hotel Majastic itu, bukan lagi bayang-banyang sengketa, tetapi bahaya perpecahan sudah tiba dipelukan IJMNO.

Hotel Majestic menjadi saksi hidup atas musyawarat JawatanKuasa Kerja UMNO yang dimulai

pukul 2.30 petang hari itu. Apa yang dibincangkan?

Yang Di Pertua UMNO Datuk Onn bin Jaafar, sudah berulangkali mengemukakan hasrat beliau, supaya undang-undang tubuh UMNO dirobah, dengan tujuan supaya orang-orang yang bukan Melayu dibolehkan masuk menjadi ahli UMNO. Alasan Datuk Onn, adalah kerana keadaan politik dinegeri ini, memerlukan situasi yang demikian. Usaha mempriyangkan kemerdekaan, patru akan lebih mendapat perhatan dari penjajah Inggeris, kalau persatu-paduan antara berbilang kaum penduduk negeri ini, dapat diciptakan. Selama persatu-paduan yang demikian tidak ujud, British akan berlengah saja berkenaan tuntutan kemerdekaan negeri ini.

Para pemimpin UMNO diseluruh negeri ini, TIDAK BULAT pendapat mereka, begitu juga para ahli Jawatankuasa Kerja UMNO Pusat sendiri, Musyawarat Jawantankuasa UMNO di Hotel Majestic 30hb Jun 1951 itu, sudah sampai kepada pintu

perpecahan dalam UMNO.

Allah Yarham Haji Ahmad Fuad Ketua Jabatan Agama UMNO Malaya ketika itu mengatakan, bahwa mungkin Kapten Hussin Onn yang ketika itu jadi Setia Usaha Agung UMNO akan keluar dari UMNO, mengikuti ayahnya masuk dan mendirikan Independence of Malaya Party atau (IMP) Partai Kemerdekaan Malaya.

Oleh alasan yang demikian, Haji Ahmad Fuad mengusulkan supaya Encik Saadon Zubir (sekarang Tan Sri) saja dilantik jadi Setia Usaha Agung UMNO yang baru.

"Saya sendiri, setuju dan menyokong adanya sebuah partai seperti IMP itu, cuma menurut pendapat saya, partaisemacam itu sudah ujud sepatutnya 10 tahun yang lalu," kata Haji Ahmad Fusd pula.

Pendapat Haji Ahmad Fuad selanjutnya, bahwa UMNO mesti hidup terus, mestilah jalan terus. Ini mendapat sokongan dari seluruh ahli Jawatankuasa yang hadir, baik dari mereka yang menyokong pilkiran Datuk Onn mendirikan IMP ataupun dari mereka yang tidak suka akan pendapat Datuk Onn itu sendiri.

Bila perbincangan tiba tentang siapa yang akan jadi ganti Datuk Onn sebagai Yang di Pertua UMNO, timbul berbagai macam nama yang dikemukakan.

Menurut catitan Haji Ahmad Fuad yang kemudian disiarkan oleh akhbar tempatan, bahwa orang yang akan jadi ganti Datuk Onn itu, hendaknya berumur antara 38 dan 45 tahun, TIDAK bekerja dengan kerajaan, tahu politik Malaya, berpelajaran yang layak dan luas pergaulannya.

Pendapat sebagian ahli jawatankuasa UMNO menyebut nama Encik Saadon Zubir sebagai orang yang layak ganti Datuk Onn, telah mendapat jawapan dari beberapa ahli, bahwa untuk jawatan yang sedemikian itu, Encik Saadon Zubir terlalu muda orangnya.

Muncul nama Encik Mustafa Haji Husin, kasi Naib Ketua Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan nama Datuk Hamzah Abdullah, tapi segera mendapat ulasan, bahwa Datuk Hamzah sudah terlalu tua 'umurnya, sedang utusan UMNO Perak dalam Jawatankuasa Kerja itu menyokong nama Mustafa Hussin, tetapi dengan uraian, bahwa keadaan UMNO Perak sendiri belum tentu kedudukannya, boleh jadi UMNO Perak dengan perkembangan yang sedang berlaku, akan kembali jadi Ferikatan Melayu

Perak saja, iaitu seperti keadaannya sebelum jadi ahli UMNO

Hal itu diutarakan oleh Encik Nasruddin Rais ahli Jawatan Kuasa Kerja UMNO atau sebagai utusan UMNO Perak kemusyawarat di Hotel Majestic itu.

Encik Nasruddin Rais menambahkan, kerana musyawarat agung UMNO akan diadakan bulan Ogos 1951, jadi dua bulan lagi saja, di sanalah nanti akan jelas segala sesuatu tentang kedudukan UMNO Perak, begitupula tentang kedudukan Encik Mustafa Husin vang disebut-sebut itu

Tentang Encik Saadon Zubir sendiri, berkenaan dengan IMP yang hendak didirikan oleh Datuk Onn, tidak memberikan sembarang ulasan apapun, namun beliau akan menerima sembarang tugas apapun yang dibebamkan oleh UMNO kepadanya.

Suatu hal yang wajar dicatet, bahwa Musyawarat itu telah membuat satu keputusan RASA DUKACITA tentang niat Datuk Onn hendak keluar dari UMNO dengan maksud menubuhkan IMP.

Itu peristiwa di Hotel Majestic, Hotel yang bisu itu. Bagi jenerasi muda, apakah masih perlu dikatakan, bahwa Hotel Majestic itu terletak dibandar Kuala Lumpur, tidak jauh dari Masjid Negara sekarang, berhadapan dengan stesyen keretapi Tanah Melayu?

Atau sebagian ahli UMNO lama atau ahli UMNO baru, patutkah merasa hendak tahu tentang kisah Hotel Majestic yang sudah tua dan ketinggalan zaman itu?

Tepuklah dada, tanvalah selera!

Baca riwayat lama, teliti kedudukan diri masingmasing hari ini, sehingga segala sesuatunya mantap dalam hati dan tidak terlalu jauh dihanyutkan arus vang menggila sepanjang masa.

Kongres Keenam UMNO pada 25hb Ogos 1951, juga diadakan di Hotel Majestic yang telah tua itu. 73 orang wakil turut hadir di sana. Persidangan dibuka dengan pembacaan doa oleh Allah Yarham Haji Ahmad Fuad dalam kedudukan beliau selaku Ketua Jabatan Agama UMNO Malaya ketika itu, tepat pukul 10 pagi.

Dihadapan sidang yang dipengurusikan oleh Tuan Haji Noh bin Umar, antara lain Datuk Onn berkata, bahwa pikiran beliau hendak mendirikan IMP itu, bukanlah suatu pikiran yang tergopohgopoh, tetapi telah lama beliau timbang dan pikirkan.

Saya TIDAK berkhianat kepada UMNO dan saya TIDAK hendak menceroboh UMNO, Jika saya hendak berkhianat dan hendak menceroboh UMNO, lebih baik undang-undang tubuh UMNO saya koyak-koyak sahaja.

Kata Datuk Onn selanjutnya: "Dulu saya berkata, UMNO itu MELAYU dan MELAYU itu UMNO. Sekarangpun saya tetap berkata begitu juga, iaitu UMNO itu MELAYU dan MELAYU itu UMNO dan saya TIDAK PERNAH akan mengubahnya."

Kerana sikap dan ucapan Datuk Onn yang demikan dan tidak dapat dirubah lagi, maka Kongress UMNO bersikap mengambil keputusan bahwa UMNO TETAP DITERUSKAN, di samping itu sokongan Perikatan Pemuda UMNO kepada Datuk Onn diisytiharkan ditarik balik.

Semua peristiwa dalam Kongres UMNO keenam Zshb Ogos itu telah tersiar kepada masyarakat luas dan di samping Itu juga telah diketahui umum, bahwa IMP pimpinan Datuk Onn akan mulai bergerak pada 22hb September 1951, dengan mendapat sokongan dari MCA dan MIC, terutama yang menonjol sokongannya adalah dari Datuk Tan Cheng Lok, ayah kepada Tun Tan Siew Sin.

Oleh sebab itu, janganlah pembaca terperanjat, jika judul dari karangan ini dimulai dengan kalimat APAKAH UMNO AKAN PECAH LAGI? Ini adalah catetan dan bukti sejarah, bahwa UMNO pernah mengalami perpecahan. Dan sengaja saya mengambil ucapan-ucapan Allah Yarham Haji Ahmad Fuad, juga dengan alasan hendak menunjukkan kepada pembaca perpecahan yang pernah dialami UMNO itu, telah melahirkan beberapa partai kemudiannya.

Pecahnya UMNO dalam Kongres Keenam Sibh Ogos 1951, telah melahirkan IMP di bawah pimpinan Datuk Onn bin Jaafar, bekas Yang di Pertua UMNO itu sendiri dan PARTAI ISLAM SEMALAYA (PAS) di Kepala Batas Seberang Prai, di mana saya turut hadir menyaksikannya sejak mula sampai akhir musyawarat, yang diketuai oleh Haji Ahmad Fuad, bekas Ketua Jabatan Agama UMNO Malaya, tidakha dapat dinafikan bahwa sala mulanya dan pada hakikatnya merupakan pecahan dari UMNO Malaya; tidaki usendiri.

Pada sidang Jawatankuasa Kerja Agung UMNO Zahb September 1951, jaitu bertepatan dengan hari hendak ditubuhkannya IMP oleh Datuk Onn, UMNO memutuskan ujudnya sebuah keputusan tentang PARTAI DISPILN, yang maksudnya seorang ahli UMNO, tidak boleh menjadi ahli dari partai lain. Begitulah lumrah dan lazimnya displin sebuah partai politik di manapun didunia ini.

Haji Ahmad Fuad dan Datin Putih Mariah, segera memaklumkan bahwa keduanya keluar dari

segera memaklumkan bahwa keduanya keluar dari UMNO. Datin Putth Mariah menambahkan, bahwa dia telah memberikan sumbangan wang untuk penubuhan IMP, dengan demikian dia akan masuk IMP. Haji Ahmad Fuad telah mendirikan PAS, dia kena keluar dari UMNO.

Itulah sidang Jawatankuasa Kerja yang pertama kali dipimpin oleh Tengku Abdul Rahman Putra, Keputusan lain patut disebut di sini, bahwa musyawarat telah sepakat, bahwa UMNO sedia bekerjasama dengan "bangsa-bangsa asing" yang telah meminjukkan thaat setianya kepada negeri ini.

Berikutan dengan peristiwa perpecahan dalam UMNO itu, di mana Kapten Husin Onn telah keluar pula dari UMNO dan kerosi Setia Usaha Agung UMNO menjadi kosong, maka untuk gantinya telah dilantik Encik Zulkifil Hashim kelulusan London, sarjana dalam Ilmu Bahasa sebagai Setia Usaha Agung UMNO Malaya yang baru. Beliau tahu bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Jepun dan Bahasa Relanda

Ketika akhirnya cabang IMP didirikan secara resmi di Kuala Lumpur pada 27hb Oktober 1951, jumlah orang-orang yang hadir adalah sekitar 322 orang saja, antaranya 40 orang saja orang Melayu, di antaranya ialah Datuk Onn sendiri, Encik Azis Ishak, Cik Saleha binti Mohd. Ali, Cik Rahmah binti Mohd. Saleh, Datuk Zainal Abdidin bin Haji Abbas, Abdul Manan bin Hj, Noordin, Sidik bin Hj, Mohd. Ali, Raja Ayub bin Raja Haji Buth dan beberapa orang lagi yang tidak terkenal dikalangan masyarakat, sedang selebihnya adalah orang-orang Cina, India dan beberapa orang kulit putih.

Jadi, pecahan UMNO yang pertama, ialah lahir IMP di bawah pimpinan Datuk Onn. Pecahan UMNO yang kedua, ujudnya PAS di bawah pimpinan Haji Ahmad Fuad dengan Setia Usaha Agungnya Haji Ahmad Maliki.

Tidaklah perlu diuraikan secara lebar panjang, ahwa sebagian orang-orang UMNO baik yang terkemuka ataupun tidak, bila mereka keluar dari UMNO, ada yang masuk IMP, ada pula yang masuk PAS. Dengan demikian, pada permulaan wujudnya IMP dan PAS, suasana agak menjadi panas juga, kerana sesama bekas ahli UMNO yang ada dalam dua partai baru itu dengan ahli yang tetap dalam UMNO, sentiasa terjadi bidas membidas, kadang-kadang memang mengerikan.

Jika para pemimpin UMNO yang sekarang, bestapapun tinggi kedudukannya, betapapun upia kecil peranannya, di samping ahii UMNO yang baru dan yang muda, mencoba mempelajari perpecahan pertama ditahun 1951 yang juid dalam UMNO itu, mereka tentu akan banyak dapat mengambil pelajaran, dalam menjabadapi segala macam peristiwa, segala macam cabaran yang dihadapi UMNO setelah tahun 1951 sampai kepada awal tahun 1976 ini, begitu juga untuk tahun-tahun yang akan datang.

Serangkaian dengan perpecahan dalam UMNO itu, masyarakat dinegeri ini yang berasal dari Keturunan Indonesia yang banyak juga jumlahnya, ditempatkan dalam gelombang yang besar, berada ditengah-tengah pasang surut dan pasang naik gelora yang ujud.

Menjelang tahun 1949, khususnya menjelang Zhib Disember 1949, kehanyakan atau sebagian terbesar orang-orang Indonesia yang berada dinegeri ini, terhimpun dalam organisasi PERSATUA INDONESIA MERDEKA (PIM) yang dipimpin ketika itu oleh Abdul Hadi Noor dan Haji Abd. Samad setar eksan-rekan yang lain.

Saya sendiri, banyak sedikit mengambil bagian juga dalam PIM ini, sampai berjaya melaksanakan percayaan memperingati Penyerahan Kedaulatan Penuh Indonesia dari penjajah Belanda sebagai hasil Perundingan di Den Haag, negeri Belanda. Perayaan itu diadakan di Kuala Kangsar, di mana turut hada Kaja Ampuan Perak dan dikunjungi oleh segala kaum. Encik Mohammad Ali Zaini (sekarang Datuk) yang pernah jadi Ketua Dewan Undangan Negeri Perak itu, adalah pengerusi dari perayaan Disember 1949 itu.

Kerana pemimpin PIM saudara Abdul Hadi Noor telah ditangkap oleh Inggeris (sesudah 3 tahun kemudian dipulangkan ke Indonesia) maka masyarakat keturunan Indonesia dinegeri ini terumbangambing.

Pada 26hb Januari 1952 akhirnya dapat diadakan satu Musyawarat Masyarakat Indonesia di Malaya di Batu Pahat, Johore. Dr. Gaus Mahyuddin dari Singapura menyampaikan pesan dan amanat dari Konsul Jeneral Indonesia di Singapura ketika itu, supaya orang-orang Indonesia menentukan pilihan-

nya berkenaan sikapnya dinegeri ini.

Ilyas Karim dari Batu Pahat adalah Ketua Penyelenggara dari Musyawarah itu. Allah Yarham Abdul Rahman Rahim serta banyak lagi orang-orang keturunan Indonesia yang terkemuka, terutama bekas PM, hadir dalam musyawarah itu. Tujuannya ialah supaya mereka yang menetap hengeri mi, yang keturunan Indonesia, JANGAN BERPELUK TUBUH, tetapi agar aktif berjuang menuntut kemerdekaan negeri ini, tetapi hali itu cuma boleh dilakukan, manakala mereka telah menentukan pilihannya, telah menentukan sikapnya tentang hubungan mereka dengan negeri ini. Musyawarah Masyarakat Indonesia di Batu

Pahat itu, TIDAK mengambil sembarang keputusan tentang apa yang diutarakan di atas, kerana setiap orang Indonesia yang menetap dinegeri ini, baik yang lahir di sini atau yang baru datang selepas perang dunia, atau betapapun keadaannya, TERPULANG kepada mereka masing-masing untuk menentukan sikapnya, sebab hal itu dipandang hal peribadi atau perseorangan dan dapat dikatakan

rahsia sulit perseorangan.

Di samping itu, ada satu perkumpulan yang berbau kemasyarakat Indonesia dinegeri ini ketika itu, iaitu PERPADUAN RAKYAT KALIMANTAN yang dipimpin oleh Ustaz Abdul Wahab Noor di Mesid Tingel Bagan Seral.

Singkatan dari perkumpulan ini, ialah PERKAM, di antaranya yang terkemuka - kalau

sava tidak salah -ialah Ustaz Abdul Wahab Noor sendiri, Ustaz Ahmad Azam, Ustaz Hasan Adli (sekarang sudah jadi Menteri). Perkumpulan PERKAM ini juga telah mengambil sikap yang sama dengan musyawarah di Batu Pahat dan apa yang terbukti sesudah 31hb Ogos 1957 sampai awal tahun 1976 ini, baiklah semuanya ini dijadikan kajian oleh mereka yang berminat dilapangan sejarah, oleh mereka yang ambisious dilapangan politik dalam arti vang sihat.

Suatu perpecahan lagi hampir ujud dalam UMNO, berkaitan dengan usul Pesuruh Jaya Tinggi Malaya Jeneral Templer ketika itu. Pada 19hb Mac 1953, Jeneral Templer mengemukakan pendapatnya supaya ditubuhkan pasukan Angkatan Bersenjata dengan nama FEDERATION ARMY, Pikiran Jeneral Templer ini mendapat sokongan baik dari seluruh lapisan, termasuk UMNO sendiri.

Tapi Datuk Tan Cheng Lok membuat usul, supaya dalam Federation Army, dibentuk di dalamnya Chinese Regiment, yang sudah tentu dapat bantahan hebat dari semua orang Melayu, bukan UMNO saja. Sedangkan Perikatan Pemuda UMNO menarik sokongannya atas pembentukan Federation ARMY itu dan menyerukan supaya Malay Regiment yang telah ada saja diperbesar dan diperkuat.

Kepintaran dan kebijakan para pemimpin UMNO dalam menghadapi soal penubuhan Federation Army itu, patut dicatet dalam sejarah dengan tinta emas, supaya dapat kekal dan hendaknya diketahui dan disedari oleh angkatan sekarang, serta jenerasi yang akan datang.

Perpecahan dalam UMNO dalam soal ini. DAPAT dihindarkan, walaupun krisis agak lama

dan agak parah juga, tapi TIDAK pecah.

Tentu saja, setiap penulis akan mempunyai pandangan sendiri berdasarkan kajian dan pendiriannya tentang perpecahan dalam UMNO itu, Bukan

mustahil, ada yang berpendapat, bahwa ujudnya IMP dan PAS, bukan merupakan perpecahan dalam IJMNO, walaupun mereka tak dapat membantah, bahwa sebagian pemimpin dan ahli IMP dan PAS itu bekas ahli dan pemimpin UMNO.

Berbeda istilah, tidak apa, bukan?

Rundingan pertama dalam merangka kerjasama UMNO-MCA menurut sejarah telah diadakan 3hb Februari 1953 dan masuknya MIC ke dalam Perikatan adalah ditahan 1954.

Dengan terbentuknya Perikatan itu, maka UMNO mewakili Melayu, MCA mewakili Cina dan

MIC mewakili golongan India dinegeri ini.

Oleh sebab itu, manakala dizaman merdeka kemudian muncul dalam Pilihan Raya 1959, di samping Perikatan dan PAS, juga ada Socialist Front, Peoples Progressive Party, Partai Negara dan Malayan Party, TIDAKLAH DAPAT DITENTUKAN DENGAN PASTI, apakah di sini juga terdapat unsurunsur hasil perpecahan dari UMNO, ataukah iika ada. akan lebih layak disebut unsur perpecahan dari Perikatan?

Demikian pula halnya, manakala dalam Pilihan Raya 1964, di samping Perikatan dan PAS, terdapat Front Socialist, Partai Kemajuan Ra'ayat, Partai Negara, Partai Tindakan Rakyat dan Partai Demokratik Bersatu, apakah ada unsur-unsur perpecahan dari Perikatan? Atau perpecahan dari partai-partai di luar

Perikatan dan PAS?

Pertanyaan itu akan terus berlanjutan, manakala dalam Pilihan Raya tahun 1969, di samping Perikatan dan PAS, masih kelihatan partai-partai lain, iaitu Partai Sosialis Rakyat Malaya, Partai Kemajuan Rakyat, Partai Tindakan Demokratik, Partai Gerakan Rakyat Malaysia dan United Malaysian Chinese Organisation (UMCO). Apakah partai-partai yang lain itu, pecahan dari Perikatandan dan PAS, ataukah pecahan dari partai-partai lain di luar Perikatan dan PAS, ataukah seluruhnya orang-orang baru yang menubuhkan partai-partai baru?

Walaupun kemajuan-kemajuan yang luar biasa terihat dalam perkembangan politik di Malaysia ini, namun dalam Pilihan Raya tahun 1974, di samping BARISAN NASIONAL yang telah mengandungi 9 buah partai, masih terdapat partai-partai lain seperti Partai Tindakan Demokratik, Partai Keadilan Masyarakat dan Partai Sosialis Rakyat Malaya, apakah mereka ini unsur perpecahan dari UMNO, atau dari Perikatan dan Pas, atau bagaimana?

Dalam pada itu, walaupun MALAYSIA telah ujud, masih terdapat partai-partai yang menyertai Pilihan Raya dengan menggunakan nama MALAYA, yang bagi berbagai pihak tetap menimbulkan berbagai macam pula pertanyaan.

Ketika perbedaan pendapat yang tajam terjadi antara Pucuk Pimpinan UMNO Tuanku Abdul Rahman dengan Doktor Mahathir, telah berlanjutan dengan dipecatnya Doktor Mahathir.

Tidak sedikit orang meramalkan, bahwa peristiwa itu telah merupakan bayangan perpecahan dalam UMNO, tetapi hujan deras tiba-tiba berhenti oleh perkisaran angin dan udara. Tunku bersara dan meletakkan jawatan dari Presiden UMNO, Tun Razak telah menjadi Presiden UMNO yang baru.

Doktor Mahathir telah dilantik jadi Menteri Pelajaran. Masih orang membincangkan, bahat pelantikan semula Doktor Mahathir itu akan mendapat cabaran dan perlawanan dari tokoh-tokoh UMNO yang menyokong sikap Tunku dimasa lampau, tetapi semua kebimbangan itu hanyut dibawa nagin lalu.

Setelah berpulangnya Tun Razak Kerahmatullah pada 14hb Januari 1976, tidak dapat dinafikan bahwa kegelisahan bergolak di dalam tubuh UMNO di samping perasaan dukacita yang tiada taranya atas kepergian Tun Razak yang tidak akan kembali lagi ketengah UMNO.

Persaingan yang hebat dikalangan tokoh-tokoh UMNO bergerak terus, samai hari penamaan Timbalan Perdana Menteri. Orang bersepekulasi yang mendebarkan jantung, tentang siapa yang akan jadi Timbalan Perdana Menteri.

Dalam epekulasi yang demikian, tidak terlalu banyak pikiran sihat dan waras memainkan peranan, sebab hak khas dari Datuk Hussein Onn selaku Perdana Menteri, sedikit sekali jadi perhitungan, sebagian orang. Yang banyak jadi perhitungan, ialah tokoh-tokoh lama yang berpengalaman dalam UMNO di samping tokoh-tokoh baru yang mempunyai kelayakan dan kelulusan, tapi pengalaman mereka belum terlalu banyak dan belum panjang masanya untuk diperbincangkan.

Sampai pada hari pengumuman Timbalan Perdana Menteri itu sendiri dikemukakan oleh Datuk Hussein Onn, akhbar-akhbar tempatan masih menyiarkan nama Encik Ghafar Baba sebagai orang yang akan iadi Timbalan Perdana Menteri.

Ini menunjukkan dua tanda yang penting dalam sejarah kepemimpinan UMNO, iaitu rahsia pelantikan Timbalan Perdana Menteri adalah benar-benar suatu rahsia sulit sampai kedetik yang terakhir ditangan Perdana Menteri sendiri.

Tentu saja ada juga orang yang gatal mulut berpikiran, bahwa sebenarnya sehari sebelum peng-umuman Perdana Menteri, telah diketahui yang Doktor Mahathir akan dilantik jadi Timbalan PM, dan disebunya nama Encik Ghafar Baba adalah dengan tujuan untuk menyudutkan tokoh lama yang banyak pengalaman itu.

Pikiran gatal ini tal perlu dihiraukan, bahwa penyokong-penyokong Encik Ghafar Baba yang bukan kecil pengaruhnya itu, akan menimbulkan suatu kegelisahan baru dalam UMNO yang akan membawa ke alam perpecahan, tetapi alhamdulillah perpecahan dan kegelisahan seperti itu, tidaklah ujud jadi kenyataan.

Apakah UMNO akan pecah lagi?

Pertanyaan dari luar dan di dalam UMNO berbangkit secara merata dan meluas, menjelang berlangsungnya musyawarat Jawatankuasa Tertinggi UMNO, kerana kedudukan Datuk Harun salah seorang Nalib Yang dipertua UMNO, Ketua Pemuda UMNO, Menteri Besar Selangor, akan ditentukan dalam sidang tersebu

Beberapa hari sebelum musyawarat Jawatankuasa Tertinggi UMNO itu, kenyataan yang bersimpang-siur masih bertaburan dalam akhbar, bahwa Hidup Mati ahli-ahli UMNO Selangor di dalam UMNO, bergantung dengan kepemimpinan Datuk Harun.

Sikap sokongan penuh terhadap Datuk Harun ini, telah dipertunjukan bertahun-tahun lamanya. Sokongan dan simpati yang hebat itu, semakin terlihat, manakala Datuk Harun ditangkap dan dibeiarakan dimahkamah. Berbu-ribu manisia terdiri dari ahli UMNO dan orang bukan UMNO memberikan simpatinya kepada Datuk Harun, bahkan sebuah kegiatan mengutip derma untuk Tabungan Pembicaraan Datuk Harun telah dilaksanakan, yang mendapat sumbangan serta bantuan yang besar.

Dari pelosok-pelosok kampung yang jauh orang datang kemahkamah, di samping mereka yang berkereta besar dan indah, ditengah-tengah mereka yang berkedudukan tinggi, mengingat perjuangan Datuk Harun dalam pandangan mereka adalah perjuangan membela nasib mereka sendiri.

Oleh sebab itu, manakasla terbetik berita Datuk Harun akan dipecat dari keahliannya dalam UMNO, gerakan membendung keputusan itu sangat hebat dan terbayang keretakan dan perpecahan, jika Datuk Harun terus dipecat dari UMNO. Sidang Jawatankuasa Tertinggi yang dijaga dan dikawal dengan sangat rapi dan ketat itu, juga disertai dengan pengamatan serta penjagan keamanan yang ketat pula disekitar bandar raya Kuala Lumpur khususnya dan tempat-tempat penting mummya diseluruh Selangor.

Datuk Harun dipecat dari keahliannya dalam UMNO. Seluruh jawatan yang disandangnya atasaman UMNO dilucutkan. Keputusan itu adalah hasil Musyawarat Jawatankuasa Tertinggi UMNO. Datuk Harun dikatakan turut menghadiri sidang penting mengenal dirinya itu.

Bila berita itu tersebar dan kemudian tersiar dalam seluruh akhbar, radio dan talivisyen, keadaan mebayangkan bahwa UMNO akan retak, UMNO diambang pintu perpecahan.

Orang memikirkan, penyokong Datuk Harun yang begitu besar dan pengaruhnya yang begitu luas, tentu akan menentang dan mencabar keputusan MKT UMNO itu.

Banyak rayuan, pikiran dan pandangan diutarakan melalui berbagai jalan untuk membincangkan kedudukan Datuk Harun, tapi kesemuanya akhirnya berjalan seperti suatu rombongan manusia yang berjalan tertih menuju satu arah. Laksana orang menyaksikan satu pertujukan yang baru selesai di Stadium Negara, kesemua mereka berbut-rebut mencari pintu keluar secepat mungkin, untuk segera sampai ke atas kereta mereka masing-masing, supaya cepat tiba di rumah bersenang-lenang ditengah anak dan isteri.

UMNO tidak pecah dengan dipecatnya Datuk Harun.

Begitulah kejadian sampai 11hb May 1976, ketika karangan ini saya tulis.

Hal Datuk Harun ini belum selesai eetakat itu saja.

Sikap UMNO Selangor berubah, sikap Pemuda UMNO Selangor berubah, sikap Pucuk Pimpinan Pennuda UMNO juga berubah dan semua perubahan itu berjalan cepat kesidang musyawarat Dewan Undangan Negeri Selangor, di mana satu ejenda hendak dibincangkan, iaitu undi tidak percaya kepada Datuk Harun.

Orang-orang politik, seperti Datuk Harun sendiri sekalipun, tak usah heran dan takjub dengan kejadian itu, Setiap orang yang bergelimang dengan kegiatan politik, sejak selangkah ia mengayunkan kaki, sudah menyedari bahwa kejadian seperti itu bukan mustahi akan mereka alami.

Datuk Harun sebelum undi tidak percaya kepadanya diberikan, bukan saja berhadapan dengan teman sejawatnya yang bermuka muram dan bersikap serba salah, tetapi sebelum undi dan sidang dijalankan, tempat duduk Datuk Harun saja sudah diketepikan, bukan lagi ditempat duduk Menteri Besar, tidak pula dibarisan kerusi ahil Dewan penyokong kerajaan, tetapi beliau diberi tempat duduk dibarisan puak pembangkang.

Datuk Harun tidak perlu heran dan orangorang politik mesti membayangkan, bahwa kejadian itu boleh berlaku dan terjadi kepada siapapun dalam kegiatan politik sepanjang masa keadaan menghendaki.

Dengan peristiwa Datuk Harun itu, sampai 11hb Julai 1976 karangan ini saya susun, dalam rangka memperingati 30 tahun usia UMNO, perpecahan dalam UMNO tidak ujud, disebabkan perkara Datuk Harun atau kerana pelantikan Timbalan Perdana Menteri Doktor Mahathir.

Datuk Hussein Onn selaku Pemangku Presiden UM)O dan Perdana Menteri berkata dalam ucapannya diberbagai tempat di Johore, bahwa TIDAK ADA KRISIS DALAM UMNO, yang ada krisis adalah di Juar pikiran orane UMNO.

Sebagian para pemimpin UMNO berkata, bahwa krisis-krisis yang sedang dihadapi UMNO hendaklah segera dibincangkan dalam suatu musyawarat agung tergempar atau paling sedikit dalam Musyawarat Agung Tahunan UMNO bulan Julai 1976 dimuka ini.

> Apakah UMNO akan pecah lagi? Jawabnya, pelajarilah sejarah UMNO! Pelajarilah sifat dan jiwa budaya Melayu! Camkan amanat Laksamana Hang Tuah: "TAK MELAYU HILANG DIDUNIA!"

KORUPSI ATAU RASUAH

Pengalaman saya selama tiga tahun, sebagai Pengalaman Sahasa Kebangsan dapat disebutkan Ahli Badan Anti Rasuah peringkat kebangsan di Indonesia, memberi saya pengalaman yang berharga. Banyak yang lucu dan aneh, banyak yang ajab dan tak masuk akal, bukan sedikit pula yang mulanya saya sangka senang menyelesaikannya, tapi rupanya bukan main susahnya.

Saya melawat suatu negara yang sedang pesat melaksanakan rancangan-rancangan pembangunannya. Pihak yang berkuasa dinegeri itu melancarkan penangkapan secara besar-besaran, banyak orang penting dan terkemuka yang dimasukkan kedalam penjara "Kenapa tuan menangkap orang terkemuka

sebanyak itu?"

"Kerana mereka melakukan korupsi," jawab yang saya terima.

"Apakah yang lainnya tidak berbuat korupsi?"
tanya saya.

"Yang telah ditangkap itu, adalah mereka yang banyak tahu tentang keadaan kami yang sedang berkuasa," ia menjawab.

"Yang bebas berkeliaran itu, bagaimana?" tanya saya lagi.

"Mereka adalah teman-teman kami belaka," jawabnya lagi.

Walaupun kelihatannya tanya-jawab itu seperti sesuatu yang tidak masuk saki bagi setengah orang yang membaca karangan ini, tapi saya telah mengalaminya. Ia merupakan satu pengalaman, tapi ia boleh juga merupakan satu cermin perbandingan dengan peristiwa lain, dari sebagian pemimipin yang sedang berkusas dalam mengambil tindakan terhadap lawan-lawan politiknya, dengan alasan lawan politiknya itu berbuat rasuha atau melakukan korupsi.

Seorang pemimpin dari satu negara sedang melancarkan kekuasaan di bawah Undang-Undang Dharurat. la dengan kuasa dharurat itu telah melancarkan pembersihan yang luas, bukan saja dikalangan pegawai kerajaan, tapi juga dikalangan Angkatan

Bersenjata Tentera dan Polis.

Menurut berita-berita akhbar dinegara itu, Pemerintah telah melakukan penangkapan secara semberono, di mana orang-orang yang baik dan tidak berbuat korupsi, juga telah ditangkapi. Tajuktajuk akhbar, masih nenyuarakan supaya kerajaan bertindak adil dan demokratik. Masih ada wartawan yang jujur dan berani kerana tugasnya yang suci dan ikhlas demi keadilah dan orane ramai.

Saya melawat kenegera itu. Saya berjumpa dengan Menteri dari negara yang berkenaan. Saya bertanya, apakah benar ada orang yang ditangkap, bukan kerana melakukan rasuah, tetapi dia ditangkap dnegan tuduhan rasuah?

"Pemerintah memerlukan kestabilan. Sebagian yadidangkap itu bukanlah kerana berbuat rasuah, tapi mereka yang selalu bersikap opposisi. Dengan memberikan alasan bahwa mereka berbuat rasuah, simpati rakyat akan berada dipihak kerajaan dan puak pembangkang boleh disingkirkan. Ini cuma soal tektik saja dalam melaksanakan policy pemerintahan," jawab Menteri itu.

"Apakah hal itu adil dan apakah hal itu tidak berlawanan dengan Hak Azasi manusia dan hukum demokrasi?" pertanyaan saya.

"Demokrasi dan Hak Azasi manusia itu, adalah laksana saudara kembar, yang lahir dari perut seorang ibu, kerana hasil perkahwinan seorang lelaki dengan seorang perempuan. Jadi sikap pemerintah bukan saja memikirkan nasib anak kembar itu, tapi lebih penting lagi tentang kedudukan ayah dan ibu dari kedua anak itu." bata Menteri itu lagi.

"Berapa lama Pemerintah akan menahan merekan dalam penjara, tanpa di bawah kemahkamah?" saya masih bertanya lagi.

"Negeri kami sedang dibawah pemerintahan Undang-Udang Dhariariat, maka hal itu bergantung kepada proses hari-hari yang akan datang. Nasib baik dan buruk, bukan ditangan seseorang, tapi telah ditentukan oleh Tuhan. Adapun undang-undang adalah laksana percikan air saja yang mengenal nasib seseorang. Kami akan bertindak adil dan secara demokratik." kata Menteri.

Pembaca boleh mentertawakan jawab Menteri itu, dan boleh juga beranggapan bahwa hal itu tidak masuk akal. Itu bukan soal saya, kerana saya telah mengalaminya dan Menteri yang berkenaan telah berkata demikian kepada saya.

Yang berkenaan dengan diri saya sendiri, baik juga diceritakan sedikit. Dari tahun 1966 sampai tahun 1968, agaknya saya adalah seorang dari sekian banyak wartawan di Indonesia, yang menentang dengan sekeras-kerasnya perbutatan korupsi dan rasuah. Saya telah melancarkan kritik yang tajam dan pedas, kadang-kadang bukan saja telah membahayakan kepada diri saya. (etapi juga kepada keluarga saya.

Kritik yang saya lancarkan, mendapatkan simpati dan sambutan yang hangat dikalangan masyarakat luas. Suratkhabar "Operasi" milik saya yang saya terbitkan sendiri, lakunya seperti kacang goreng. Saya mendapat dukungan mahasiswa, saya disokong oleh rakyat jelata. Orang yang duduk dalam pemerintahan pun sangat mengambil berat atas kritik saya yang dapat sokongan yang kuat itu.

Demikianlah 16 Disember 1968, Presiden Suharto setelah melantik Jeneral Sugih Arto - Jaksa Agung Republik Indonesia - saya adalah di antara seorang wartawan yang juga telah dilantik jadi Anggota Team Pemberantasa Korupsi atau Badan Anti Rasuah,

Dengan pelantikan saya sebagai anggota TPK itu, saya telah menerima berpuluh ribu surat ucapan selamat, ucapan tahniah yang mengalu-ngalukan pelantikan saya.

Jangan Anda ketawa, berpuluh ribu surat ucapan selamat, dari pembaca akhiba saya dan dari penduduk Indonesia yang ketika itu dikatakan sekitar 120 juta orang, bukanlah suatu cakap besar, Wakil-Wakil Ketua Pengarang dan Setia Usaha saya sebanyak 5 orang, mengambil keputusan untuk membalas semua ucapan selamat dan tahniah itu, melalui akhbar saja. Sangat susah untuk membalas satu persatu, besar belanja susah untuk membalas satu persatu, besar belanja setem, tak cukup tenaga untuk mengejakannya.

Ketika itu bulan Ramadhan, tentu kami berpuasa.

Schari kemudian dan sampai dua minggu lamanya, setiap hari pejabar saya didatagi oleh berbagai macam utusan mahasiswa, pemuda, pelajar dan juga dari partai politik. Mereka datang dengan berbagai macam cara, ada yang membawa dokumen berkanaan pegawai kerajaan yang katanya melakukan korupsi, bukan sedikit pula yang menyertakan fotostat dari sangkaan atau tuduhan-tuduhan mereka itu.

Semuanya itu membesarkan hati saya. Ini bererti sokongan yang diberikan kepada saya untuk duduk dalam TPK bukan satu pekerjaan yang tidak bererti. Banyak penyokong saya, banyak pengikut saya dan banyak dokumen yang boleh saya pergumakan dalam musyawarat bertindak untuk membasmi mereka yang disangka atau dituduh berbuat korupsi.

Apa yang Anda patut tahu lebih dahulu? Pertama saya bukan berpelajaran tinggi, saya tidak mempunyai sesuatu kelulusan dan tidak mempunyai kelayakan apapun. Benar saya sudah jadi wartawan dan pengarang lebih dari 20 tahun tenus menerus, dimulai sejak dari tukang jaja jual akhbar sampai jadi tuan punya akhbar sendiri, tetapi itu adalah kesan yang lain sama sekali.

Saya bukan seorang ahli politik yang bijak. Saya bukan seorang pakar undang-undang,

saya bukan seorang parai muang-untung, mengetahui serba sedikit sajapun tidak. Saya bukan seorang yang tahu bagaimana cara seorang pegawai polis mengambil tindakan menurut undang-undang. Saya tidak mempunyai pengetahuan sama sekali tentang pentadbiran dalam pemerintahan.

Minggu pertama saya jadi anggota TPK saya dihadapkan dengan dua cara mengambil tindakan, yang keduanya mempunyai dasar menurut undang-undang.

Cuba Anda teliti dan perhatikan sungguh-sungguh hal ini.

Pertama:

Apabila seseorang disangka atau dituduh berbuat korupas, ipliak yang menyangka atau pilak yang menuduh mestilah membuktikan, bahwa harta atau kekayaan yang dituduh adalah hasil rasuah atau korupas. Bukti itu mesti cukup, kuat, lengkap dengan butir-butirnya, sehingga yang disangka atau yang dituduh terpaksa

Kedua:

mengakuinya.
Berlawanan dengan yang pertama,
seseorang yang disangka atau yang
dituduh berbuat korupsi, ia mesti
membuktikan bahwa harta dan kekayaannya, adalah diperolehnya dengan halal, bukan berbuat rasuah. Ia

membuktikan itu dengan secara butir-butir yang kuat, lengkap, sehingga pihak yang menyangka dan atau yang menuduh dapat mempercayainya.

Saya dapat mengulangi, bahwa saya bukan pakar undang-undang, mempunyai pengetahuan undangundang saja sedikitpun saya tidak, Boleh anda bayangkan, betapa pening dan paniknya saya membaca kedua bentuk undang-undang itu.

Pada mulanya saya menyangka, kalau seseorang gajinya - katakanlah - 1000 ringgit saja, dia ada seorang isteri dan 2 orang anak, maka jika sekiranya didapati atau terlihat dia mempunyai tiga buah kereta, mempunyai pula rumah sewa beberapa buah, ada pula saham dibeberapa perusahaan, terlihat pula belanjanya besar dan hidupnya mewah, maka tentu pastilah orang ini dengan mudah saja boleh ditangkap, dibawa kemahkamah, kemudian dia akan dijatuhi hukuman oleh Tuan Hakim beberapa tahun.

Rupanya tidak demikian.

Jelas tidak semudah itu kerja membuktikan seseong telah berboat rasuah, maka jelas pula tidak terlalu mudah untuk mengambil tindakan undangundang kepada seseorang, walaupun kelihatan hidupnya mewah, yang tidak selaras dengan gaji yang diterimanya. Banyak yang mesti dikerjakan Badan Anti Rasuah dengan seluruh pegawai dengan kakitangannya. Ini satu pelajaran baru lagi pada saya.

Ini satu perajaran baru tagi pada saya. Ini penting Anda teliti dan perhatikan!

Disebuah negara yang sedang membangun, saya bertemu dengan tindakan pihak yang berkuasa, yang telah menangkap dan menjatuhkan hukuman kepada orang-orang yang telah berbuat korupsi. Kesalahan mereka terbukti dimahkamah setelah dibicarakan dengan teliti.

Orang yang berkuasa dinegara itu, undangundang yang ada dinegeri ini - katanya - hanya melarang kakitangan kerajaan yang menerima suap atau sogok, tetapi TIDAK ADA undang-undang yang memestikan orang yang memeri suap itu dituduh atau ditangkap, kemudian mesti pula dibicarakan dimah-kamah, sehingga Hakim boleh memberikan hukuman beberapa tahun atau beberapa bulan kepadanya.

Yang memberi suap itu, sudah dihargai oleh pemerintah, jika dia telah mau memberikan keterangan yang jujur dan sebenarnya, sehingga kakitangan kerajaan yang berbuat korupsi itu sajalah yang mesti menerima hukuman.

Kenapa demikian? saya bertanya.

"Kerana kita ingin kerajaan yang bersih!"

Betul-betul hampir tak dapat saya tidur semalam suntuk atas jawapan pihak yang berkuasa itu. Bagaimana anda pikir?

Kalau Menteri atau pegawai-pegawai kerajaan menerima suap atau berbuat rasuah siaj yang ditangkap, dituduh dan dibicarakan di mahkanah, sedang yang memberi tidak dituduh atau tidak diambil sembarang tindakan undang-undang kepadanya, maka jika sekiranya ada komplotan atau kegatan subversif yang hendak menjatulkan para penimipin negeri yang berkenaan dengan jalan memberi suap, memberi soga sebagai perangkap, tentulah negeri itu kank nekilangam para pemimpinnya, jatuh seorang demi seorang. Apa jadinyat Cuba anda sama-sama turut me-

mikirkan! Dilain negara pula saya mendapat pengalaman

Dilain negara pula saya mendapat pengalaman yang lucu. Kakitangan kerajaan yang rendah, katakanlah

kerani atau jurutaip, setiap selesai jam kerja, tentulah karani atau jurutaip, setiap selesai jam kerja, tentulah ia akan membawa agak beberapa rim kertas taip balik kerumah. Lain kali dia bawa lagi kertas carbon, sudah itu beberapa fail. Dia kumpulkan semua alat tulis itu sedikit demi sedikit, bila sudah agaka banyak dia iual.

Mereka lakukan itu, untuk menambah belanja hipunya, kerana gaji yang diterimanya tidak cukup untuk sebulan makan. Ketua pejabatnya sebenarnya tahu kejadian itu, tapi ia berpura-pura tidak tahu. Mungkin kata hati ketua pejabat itu: "Apalah artinya rasuah kecil sedemikian itu!".

Kerana rasuah atau mencuri secara kecil-kecil tiu sudah boleh dikatakan merata dan melusa, negara dirugikan bukan sedikit, tapi kata kerani-kerani yang bergaji kecil itu menjawah pertanyana sayar "Kami berbuat tini sekedar untuk penyambung hidup kami dari sebulan kesebulan, letapi orang-orang da tats kami berbuat lehih besar dari kami. Mereka menerima komisi dari kontrek-kontrek yang mereka buat dengan para pemborong. Mereka menerima suap dari pemasukan barang-barang yang jumlahnya jutaan ringgit dari luar negeri. Jadi apalah ettinya perbuatan kami yang sedikit ini?" jawab mereka. Ini satu cerita lasi didak aneh, tapi meng-

Ini satu cerita lagi, tidak aneh, tapi mengharukan.

Seorang sahabat saya, adalah mempunyai seorang tinggi. Sejak kecil kami sepermainan, mujurnya dia dapat pelajaran tinggi, sehingga ia mencapai kelulusan universiti. Namun dia seorang yang jujur, giat bekerja dan sangat memelihara distolin.

namanya ada di atas meja saya dipejabat Badan Anti Rasuah, kerana ia dituduh melakukan rasuah dan saya ditugaskan memeriksanya.

Setelah dia dipanggil, ia tentu terkejut, kerana yang dihadapinya adalah saya sebagai temannya. Saya didampingi oleh beberapa orang petugas lain lagi waktu memeriksa teman ini.

"Saya tak usah dibuktikan bersalah, kerana saya telah mengakui berbuat salah. Ini untuk pertama kali saya menerima suap dalam jawatan saya yang penting ini. Yang saya minta supaya

dipertimbangkan, bahwa kesilapan yang saya lakukan ini, adalah semata-mata kerana isteri sava tak dapat mengawal nafsunya untuk cepat-cepat membeli sebuah rumah. Saya tidak punya wang simpanan. Saya tak berdaya menasihati isteri sava. Sava cinta dan savang pada isteri sava. Dalam keadaan pening dan panik demikian, seorang pemborong datang kepada sava. Dia mau memberi sava sejumlah wang tunai, asal tender dia saya terima atau saya menangkan, Isteri sava kebetulan mendengar dari dalam bilik percakapan saya dengan pemborong itu. Akhirnya tender dari pemborong itu saya menangkan. Saya menerima sejumlah wang, cukup untuk membeli sebuah rumah yang besar. Nilai tender itu, besar jumlahnya.

Itulah cerita saya. Saya mengaku bersalah, tak usah saya diperiksa lagi. Saya menerima apa saja hukuman yang akan dikatuhkan kepada saya. Cuma saya minta bersungguh-sungguh, berilah saya hukuman, tapi jangan sampan saya disiarkan dalam akhbar-akhbar,"

Seperti saya katakan tadi, saya adalah wartawan, saya bukan pakar undang-undang. Saya bukan polis, saya bukan peguan, Saya manusia keras hati, saya manusia giat bekerja, tapi saya juga manusia yang mudah menangis, bila nasib buruk menimpa orang, sebaliknya jika masib buruk dan malang menimpa saya, pasti yang tahu, biarlah saya sendiri saja merasakan. Hudah sifa taya.

Menitis air mata saya dalam bilik tempat memeriksa teman ini. Saya lupa akan tugas saya yang penting dan bersifat sulit ketika itu.

Namun dapat saya tarik kesimpulan, orangorang yang jujur dan berpelajaran baik, yang bermoral tinggi, boleh juga jadi rusak dan berbuat korupsi, bukan atas kemauannya sendiri tetapi kerana desakan dan dorongan isteri dan anaknya, kerana desakan suadara maranya, kerana desakan teman atau kerana kepentingan partainya.

Naum bila terjadi hal seperti teman saya itu, cita saja, teman-teman lain, boleh turut berasa duka-cita saja, teman-teman lain, boleh jadi turut bersedia, bahkan tidak mustahil ada yang bertampik sorak, bahkan partainya sendiri, akan berlepas tangan terhadannya, jika ia berbuat untuk kepentingan partainya sekalipun. Sebab dalam partai itu, banyak pula kelompok, banyak pula golongan, banyak pula persaingan, yang suka dia dan yang benci kepada dia

Apakah itu tidak tamsil yang baik?

Apakah pengalaman saya itu, tak layak dipikirkan? Apakah ini tidak menyebabkan kita mestisedar?

Hal lain lagi yang sangat menarik perhatian, ialah adanya segolongan manusia dalam masyarakat, yang tahu benar, cara bagaimana dia memberi suap atau memberi sogok kepada orang-orang terkemuka atau yang memegang kedudukan penting. Cara mereka bekeria ialah sebagai berikut.

Jeneral, Bapak, Tuan, Tun, Tan Sri, Datuk, Encik, Mister ataupun apa saja panggilan dan sebutan hendak dibuat, kesemua mereka ini pergi kepejabat diwaktu jam kerja pejabat.

Maka segolongan manusia yang suka memberi suap, datang kerumah pada masa jam kerja itu. Di rumah dia berjumpa dengan Ibu, dengan Nyonya Rumah, dengan Suri Rumahtangga, dengan Puan, dengan Datin ataupun dengan Mrs.

Melalui rumahtangga dan dapur ini golongan ini menjalin hubungan baik, memberi hadiah peti sejuk, talivisyen, radio dan sampaliah kepada kereta ataupum wang tunai, yang oleh sebagian isteri orang terkemuka, TIDAK ditolak, tapi mereka TERIMA. Sebagian dari kaum isteri, TIDAK memberitahu hal itu pada suaminya, tapi secara berkasih sayang atau sedang ditempat tidur, dia merayu dan mendesak suaminya memberikan kemudahan-kemudahan kepada orang-orang yang telah memberinya macammacam hadiah tadi.

Sang suami pula, kerana isterinya yang merayu itu memang cantik dan disayanginya, memang dicintainya, TIDAK pula hendak menolak dan membantah, maka perbuatan korupsi, rasuah dan suap ataunun soeok teriadilah berkepanjangan.

Sekarang saya bertanya, apakah saya saja mesti bermenung dan merenungkannya akan ahl itu, ataukah anda juga patut turut menimbangkan hal ini?

Terserahlah kepada anda dan terutama isteri anda sendiri!

Ini lagi sebuah pengalaman, timbangkanlah baik-baik!

Seperti kita ketahui, tiap negara tidaklah sama dengan negara lain corak pemerintahannya, tidak sama cara demokrasi yang diamalkannya, jadi tidak pula serupa bentuk tindakan undang-undang yang dilaksanakannya.

Oleh sebab itu, saya banyak menyaksikan indakan pihak yang berkuasa, bila dia menyangka seseorang berbuat korupsi, maka orang itu langsung ditangkap dan dimasukkan kesebuah tempat tahanan khas. Selama orang ini dalam tahanan khas, karalah bukti rasuahnya dicari dan dikumpulkan. Kadangkadang berbulan ataupun bertahun, baru usaha mengumpulkan bukti itu dijumpai dan barulah orang itu dituduh dan dibicarakan dimahakmah, setelah dia meringkuk dalam penjara khas berbulan atau bertahun-tahun.

Apakah ini adil?

Sava bukan pakar undang-undang!

Yang menyedihkan hati, manakala dia selesai dibicarakan dimahkamah, setelah terbukti kesalahannya berbuat korupsi, Tuan Hakim menjatuhkan hukumannya hanya TIGA BULAN, sedangkan dia telah dipenjarakan secara khas, lebih dari setahun misalnya.

Apakah itu adil?

Terserahlah kepada pembaca yang pakar undang-undang!

Namun kejadian itu masih baik juga, jika dibandingkan dengan hasil usaha mengumpulkan bukti perbuatan salahnya, TIDAK BERJAYA. Artinya setelah dia ditahan setahun atau lebih, petugaspetugas tidak bertemu dengan bukti-bukti, sehingga dia TIDAK dapat dibawa kemahkamah. Iapun dibebaskan begitu saja, apa jadinya keadilan?

Dia mau menuntut ganti rugi pada kerajaan?

Sayang, kerajaan belum ada satu undangundang yang membolehkan membayar ganti rugi kepada kejadian yang menimpa seseorang seperti itu, maka LAPUKLAH manusia yang kena korban sangkaan, korban fitmah, korban information yang tidak betul itu

Apakah itu adil?

Saya cuma wartawan, penulis, bukan ahli undang-undang!

Kalau pembaca mengira pandangan saya ini dusta atau bohong, atau pengalaman saya ini cuma temberang, saya anjurkan supaya anda duduk bermenung agak satu jam, kemudian bacalah Astagfirullah dan layangkanlah pandangan Anda kenegara-negara Asia, tak payah seluruhnya, pilih sajalah agak 15 negara, kemudian kaji dan teliti undang-undang dinegeri itu, perhatikan pula pelaksanaan dari undang-undang itu.

Setelah selesai, anda bacalah Astagfirullah 7 kali lagi!

Saya harap anda jangan marah, tapi bersyukurlah! Lain soal yang juga menarik perhatian, ialah bagaimana diberbagai negara, peraturan dan undangundang itu sebenarnya serupa saja tetapi cara pihak yang berkuasa melancarkannya, TIDAK SAMA.

Ada negara, yang menjalankan undang-undang, setelah orang ditangkap dan dituduh, ia dibawa kemahkamah, sesudah dibacakan tuduhan, jika yang dituh berkata TIDAK BERSALAH, ia boleh dibebaskan ke mana saja pergi dan dia sejak dari semula menerima tuduhan, boleh didampingi oleh pembelanya.

Dilain negara pula, seseorang yang disangka dituduh berbuat korupsi ataupun rasuah, pada taraf permulaan dia mesti menghadapi sendiri semua tuduhan itu, manakala tiba pembicaraan dimahkamah, barulah dia boleh didampingi oleh pembelanya yang pakar dan mengetahui undang-undang.

Bagaimana tingkah-laku orang berbuat rasuah?

Disebagian negara yang sedang membangun boleh dikatakan semua orang peringkat atas berbuat korupsi secara berterang-terang. Jaksa Agung atau Menteri Undang-Undang tak dapat mengambil tindakan yang sepatutnya. Waktu saya cuba mengkali keadaan itu, saya mendapat jawapan sebagai berikut: "Memang kami berlombalomba menumpuk kekayaan melalui kedudukan kami dalam kerajaan sekarang. Tapi ini bukan untuk cara kami memperkaya diri masing-masing saja. Dari wang yang kami peroleh, kami berkongsi sesama kami mendirikan kilang dan berbagai macam projek. Jadi pembangunan resmi mengikuti rancangan negara berjalan, pembangunan projek berkongsi menurut cara kami pun berjalan dengan lancar. Ini bererti, wang yang kami perdapat dari perbuatan korupsi, adalah dikembangkan dinegeri kami ini dan memberi lapangan kerja kepada rakyat kami lebih luas lagi. Kami membayar cukai dan kami TIDAK menyimpan wang itu di luar negeri. Apa ini tidak baik?" itulah jawapan yang saya terima, sambil mereka sampai hati pula bertanya pendapat saya,

Perbuatan korupsi dikalangan atas dalam beberapa negara, juga mereka lakukan beramairamai dengan alasan untuk MELAWAN KOMUNIS. Beginilah ceritanya.

"Dari perhuatan korupsi itu kami mengumpulkan wang dan kumpulan wang itu kami berikan kepada tabungan wang untuk melawan kegiatan Subversif komunis. Sebab, kalau organisasi yang menentang komunis itu tidak kuat, kerana tidak cukup keuangannya, maka artinya komunis akan melanda negeri kami, Itu bererti meruntuhkan kekuasaan kami, dan jika komunis berkuasa dinegeri kami, seluruh kilang dan projek yang telah dibangan, akan jadi milik komunis dan rakyat akan lebih menderita; "demikian kata mereka.

Berlawanan dengan cara yang di atas, seorang pembesar dari satu negara di Asia Tenggara berkata kepada saya, tindakan membasmi rasuah dan korupsi mesti diambil secara drastic, sebab dengan bermaharaialelanya korupsi, bererti memberi peluang yang besar kepada kaum komunis untuk menghasut rakyat, Sebab, korupsi itu sendiri bererti, para pemimpin mencuri wang rakyat, menyusahkan rakyat dan para pemimpin yang menyusahkan rakyat, yang mengambil hak rakyat, mestilah dibenci dan disingkirkan. Komunis mempropagandakan demikian. Untuk mengelakkan diri dari hasutan komunis itu, kaum rasuah diperingkat manapun hendaklah diambil tindakan, kita perlu kerajaan yang bersih, pemimpin yang juiur, sehingga diayah komunis tidak mendapat pasaran dan sasaran, kata mereka.

Sekarang ada lagi pertanyaan lain dari pengalaman saya.

Kalau seorang yang sedang memegang kekuasaan, baik kecil ataupun besar kekuasaannya, dia dijemput makan beberapa kali, dia diberi kesenangan dengan berbagai hiburan beberapa kali, sampai-sampai hiburan nitu "memberikan kesenangan dengan wanita-wanita cantik" apakah perbuatan itu termasuk berbuat rasuah atau membuka peluang untuk berbuat korupsi atau tidak?

Saya cuma wartawan, bukan ahli undang-

Tolonglah jawab!

Diberbagai negara, boleh dikatakan kita dapati Diberbagai negara, boleh dikatakan kita dapati pegawai tinggi kerajaan, sebelum dan sesudah dia dilantik, mereka mestilah membuat satu daftar dan pernyataan tentang harta kekayaannya, harta anak isterinya secara jelas dan semuanya itu dilakukan di bawah sumpah.

Senarai harta itu, disimpah secara sulit atau rahasia, yang dari sewaktu yang lain, dari semasa kesemasa yang tertentu, diperiksa oleh Kepala Negara atau Kepala pemerintahan.

Walaupun pada praktiknya peraturan itu berjalan dengan lancar, namun sejalan dengan itu, kemewahan dan kekayaan dari mereka yang telah didaftarkan harta kekayaannya itu, dari sehari kesehari juga bertambah banyak, bertambah mewah.

juga bertambah banyak, bertambah litewah.
Anggota masyarakat yang kritis bertanya,
apakah benar dan sungguh-sungguh peraturan itu
dijalankan atau hanya sekadar untuk mengelabui
dan membujuk rakyat banyak saja?

Saya tak dapat menjawab, saya cuma penulis

Ada juga dibeberapa negeri, para suami yang sengengan jawatun dan kedudukan penting dalam negara, bertindak displin yang keras dan baik. Segala peraturan dan undang-undang berjalan seperti yang telah ditetapkan, tetapi sayang ... para isteri dari para pembesar itu membuat pula kumpulan sendiri sesama orang perempuan itu, mereka mendirikan

berbagai macam Syarikat, perusahaan dagang, import dan eskport. Para isteri pembesar inilah yang turun naik pejabat kesana-sini minta kemudahan, minta over-draft, minta kredit bank.

Para pembesar yang mempunyai kedudukan penting dan menentukan, malu menolak permintaan seperti itu, sebab yang datang kepadanya adalah isteri sahabatnya, isteri kawannya dan wanita itu teman dari isterinya, sedangkan isterinya sendiri tetibat dalam kegiatan usaha yang demikian.

Diapun memberikan bantuan, diapun memberikan kredit atau over-draft dengan tidak memenuhi syarat-syarat peraturan Bank yang dia pimpin, atau tidak memenuhi peraturan yang dia buat sendiri dipelabat tempat dia menjadi ketuanya.

Apakah ini termasuk perbuatan korupsi atau tidak?

Wallahualam bissawab! Apa bahaya korupsi itu?

Semua orang membenci korupsi, semua orang mengutuk rasuah. Semua orang mengatakan korupsi atau rasuah itu merbahaya. Tapi betapa besar bahayanya?

Mari kita ambil satu contoh!

Sebagai suatu negara yang sedang membangun, suatu bangsa yang baru lepas dari belenggu penjajahan, kita perlu memperbaiki taraf hidup bangsa. Maka mestilah dibuat kilang, jembatan, sekolah dan lainlain projek, yang memerlukan modal dan wang yang banyak. Kalau hendak dikerjakan semuanya itu dengan wang kita sendiri, modal bangsa sendiri, tentu tidak mungkin. Kerana pemasukan wang kapat dengara, datang dari pembayaran cukai rakyet jedata. Jumlah wang cukai rakyat itu, tidak besar jumlahnya, sebab rakyat menderita.

Oleh kerana pembangunan mesti diteruskan dan makin sehari makin besar dan makin banyak pula, sesuai dengan kemajuan masyarakat, diselaraskan dengan kemajuan moden dan teknoloji, maka perlulah modal wang yang besar.

Itulah sebabnya sesuatu negara yang sedang mbangun, bersahabat dengan negara lain, membuat pinjaman kepada negara sahabat. Pinjaman yang diperoleh untuk pembangunan itu, jika para pembesar berbuat korupsi pulai, tentulah segala rancangan pembangunan akan gagal atau tergendala, paling tidak, selesainya tak sesuai dengan waktu yang telah dijangkakan.

Pinjaman keyada negara lain, artinya adalah tahun ataupun 50 tahun kemudian. Tapi kalau dalam setahun dua saja, negara yang member jinjaman itu menyaksikan bahwa projek-projek yang dibangan tidak lancar, tidak selesai menurut waktu yang dijangkakan, tentulah mereka berpikir panjang, kenapa hal itu boleh terjadi. Tentu ini ada sebabnya!

Sebabnya, biasanya adalah korupsi!

Kalau memang kerana rasuah, maka negara kita tidak akan dapa pinjaman selanjutnya dengan mudah, maka pembangunan selanjutnya akna terhenti, kentiakinan akan terus berlanjutan. Negara yang memberi pinjaman itu juga akan memberiahu negaranegara sahabatnya yang para penganjurnya berbuat hata kalau negara yang para penganjurnya berbuat rasuah meminta pinjaman kepada mereka. Dengan demikian selurah negara yang mampu memberi pinjaman, akan memboikot dan memulaukan memberi kredit kepada negara yang penganjurnya banyak korupsis.

Bahaya perbuatan korupsi jika sudah meluas, ad i dalam negeri akan kelihatan segolongan mereka yang berkuasa, iaitu segolongan kecil dari masyarakat bangsa, hidup mewah, hidup kaya raya dengan anak isterinya, sedangkan rakyat jelata yang merupakan masyarakat besar, susah dan menderita.

Biasanya dalam hal yang demikian, timbul pergolakun, mahaisswa, pemuda dan rakyat bersatu sebagai satu kelas rakyat yang menderita. Di sini terjadi pertentangan kelas, iaitu kelas rakyat mederita yang besas jumlahnya disatu pilak, kelas merekay yang hidup mewah segolongan kecil, yang sedang memegang tampuk kekuasaan memerintah. Di sini akan berlaku kekerasan, kekejaman, tunjuk perasaan, penangkapan, pembunuhan, sehingga kacaulah negara dan runtuhlah keamanan, maka apa lagi ertinya kemerdekaan dan kedaulatan, apa erti kebebasan, mana dia kemakmuran yang dicita-citakan secara merata itu?

Dalam keadaan yang demikian, tetaplah diperlukan kebebasan akhbar, sikap wartawan yang berani dan ijujur. Suara rakyat yang tidak puas, hendaklah diperdengarkan secara terbuka, supaya mereka yang sedang duduk berkusas, mengetahui dan akhirnya supaya sedar dan merubah tingkah laku mereka. Kalau kebebasan akhbar tidak ada, kalau

kemerdekaan bercakap disekat, maka negara tidak lagi berada dalam demokrasi, tapi sudah jadi negara totaliter atau facist. Itu sudah lain. Ini sudah lebih berbahaya dari segala-galanya.

Tetapi banyak pula 'orang mempunyai pendapat, bahwa disaat seperti sekarang ini, dizaman moden dan abad teknoloji ini, bukan saja masyarakat kekurangan pemimpin yang jujur dan ikhlas, tapi lebih sukar mencari wartawan dan penulis yang berani, yang jujur dan yang mau berjuang dengan penanya yang tajan.

Dalam Seminar Akhbar di Saigon tahun 1972 telah dipertengkarkan, apa bedanya diabad moden ini antara wartawan dengan tawanan, apa bedanya antara penulis dengan pengemis, apa bedanya antara pengarang dengan petualang.

Waktu saya menghadiri One Asia Assembly kedua di New Delhi awal Februari 1973, pakarpakar pengetahuan dari berbagai macam ilmu pengetahuan juga telah membangkitkan masalah, apakah yang dikatakan pemerintah itu juga mempunyai kuasa mutlak penuh untuk melancarkan penindasan dalam segala bentuk apa saja?

Juga ditanyakan oleh seorang pembicara dari Korea Selatan, apakah dalam keadaan seperti ditahun 1973 itu, masihkah mereka yang memegang teraju pemerintahan merasa perlu adanya akhbar den-

gan para wartawan atau tidak?

Tentang ejensi-ejensi berita yang bertebaran kata, yang perlu kita jelaskan dewas ini, apakah ejensi berita itu, ejensi kerajaan yang mesti membawa suara kerajaan sepanjang masa atau masih boleh dikekalikan kedudukannya sebagai ejensi berita yang bakiki?

Seorang utusan dari Kanada bertanya, kalau 1970, telah banyak dibincangkan cara bagaiman memperbaiki taraf hidup bangsa melalui dunia komunikasi yang baik dan menepyerukan kepada orang yang memerintah supaya bertindak terhadap perbua-tan-perbuatan koprupsi, apakah One Asia Assembly kedua di New Delhi ini tidak pantas membincangkan jenis apa, bentuk apa, cara apa korupsi atau rasuah yang telah dikaukan oleh para wartawan, pengarang, penulis dan para penerbit ahanya?

Seorang pakar ekonomi dari Swedia mengemukakan pertanyaan dalam One Asia Assembly di India itu, yang melakukan korupsi diberbagai negara sekarang ini, kerajaan secara menyeluruh dan bersekutukah ataukah orang-orang kerajaan sebagiannya saia?

Pertanyaan-pertanyaan itu, adalah lebih baik TIDAK saya jelaskan jawabnya yang diberikan oleh berbagai macam pihak, baik di One Asia Assembly pertama di Manila tahun 1970, begitu pula sidang keduanya di New Delhi Februari 1973.

Utusan dari Indonesia ketika itu hadir sekitar 30 orang dan dari Malaysia yang saya kenal Encik Ahmad Noordin dan Encik Idris Ibrahim, sedangkan di Manila saya bertemu dalam sidang itu dengan Encik Wahab Majid dan Encik Osman Abadi.

Bagaimana cara menyelesaikan korupsi?

Apa tindakan yang diambil pihak kerajaan? Berdasarkan pengalaman saya selama 3 tahun jadi Anggota Badan Anti Rasuah itu, saya dapat mengemukakan beberapa teknik atau cara beberapa pemerintah menyelessikan soal perbuatan korupsi itu atau tindakan-tindakan apa yang diambil pihak kerajaan.

Tolonglah anda renungkan ini.

Baik atau buruk, bukan soal saya.

Menurut undang-undang atau tidak, bukan kebijaksanaan saya.

Mau dicontoh atau mau dicela, terserah kepada anda!

Pertama:

Disuatu negara cara tindakan yang diambil adalah begini.

Seseorang yang disangka berbuat korupsi dipanggil. Kemudian diadakan pemeriksaan. Gajinya katakanlah 1000 ringgit. Isterinya, rumah, kereta, tanah, rumah sewa, saham-saham dan sebagainya katakanlah - sudah mendekati SATU JUTA RINGGIT.

Kepada orang yang diperiksa itu, dianjurkan supaya dia cukup mempunyai satu kereta saja, sebuah rumah saja, sebuah kedai saja, sebidan tanah yang patut saja. SELEBIHNYA dia serahkan kepada kerajaan. Dia TIDAK DIBICARAKAN DIMAH-KAMAH.

Dengan anjuran itu, dia terus bekerja dengan gaji 1000 ringgit, tidak dibuang kerja, untuk mencukupi keperluan hidupnya, dia boleh dapat tambahan dari sewa kedai.

Namanya tidak rusak, keluarganya tidak rusak dan dia tak dapat malu. Dia tidak kehilangan keria

Tapi dia diberi MASA PERCOBAAN selama 6 bulan. Jika dalam 6 bulan dia berbuat korupsi lagi, bertambah lagi kekayaannya, maka dia dibuang kerja, dia di bawa kemahkamah, dia disiarkan dalam akhbar dan TIDAK ADA MAAF BAGIMU!

Biasanya orang yang dihadapkan dengan cara denikian menerima anjuran kerajaan. Dia beruntung, dia aman, namanya terjamin, kerjanya tetap ada, KERAJAAN mendapat sebagian besar harta kekayaan itu, dijadikan MILIK NEGARA, iaitu harta kekayaan itu, dijadikan MILIK NEGARA, iaitu harta kekayaan ferajaan.

Kedua:

Ada negara yang para penganjurnya memang pejuang yang bersih, maka merekapun menjalankan undang-undang secara tegas. Setiap yang berbuat korupsi ditangkap, dibicarakan dan dihukum. Maka dalam waktu tak sampai setahun, berpuluh-puluh pemimpin dan orang penting dipenjarakan. Tinggallah bebeapa orang saja pemimpin yang jujur lagi memerintah. Tetapi jumlah pemimpin yang jujur vang sedikit, walaupun baik, TAK MAMPU melaksanakan pemerintahan terhadap rakyat yang besar jumlahnya. Yang ada ditengah masyarakat, berbagai macam coraknya, di antaranya tukang beri suan. Kalau sudah tinggal orang-orang jujur dan bersih saja, maka MEREKA inilah sasaran selanjutnya dari tukang beri suap yang kesudahannya semua pemimpin akan terperangkap oleh tukangtukang suap itu.

Ketiga:

Ada sikap kerajaan lebih memerlukan dan lebih mengutamakan TINDAKAN PENCEGAHAN terjadinya perbuatan korupsi. Menteri-menteri, pegawai kerajaan dan Polis serta seluruh Pegawai Angkatan Bersenjata, dilengkongi dengan disiplin yang kuat dan ketat. Mereka dicegah mendekati kerja-kerja dan perbuat-perbuatan, yang membolehkan mereka kena suap atau kena sogok. Perhubungan mereka dengan pihak lain, selalu diawasi dan dikawal dengan ketat dan telit.

Sejalan dengan itu, para pengusaha, kaum kontrekter, para pengusaha dari luar negeri, para pemborong, isteri para pembesar, saudara-mara dan anak dari mereka yang punya kedudukan penting, juga diawasi dengan ketat dan teliti.

Kalau terbayang kejadian yang baru saja akan menjurus kepada perbuatan korupsi, segera diambil tindakan. TIDAK dibiarkan sudah terjadi, tidak dibiarkan sudah meluas dan merata.

Dalam pada itu, kerajaan mengeluarkan peraturan, bahwa semua Menteri, semua pegawai kerajaan, semua petugas negara, mestilah hidup sederhana, sesuai dengan ukuran dari gaji yang mereka peroleh.

Sedikit saja terlihat kehidupan Menteri, pegawai negeri berubah menjadi lebih mewah dari yang biasa, dengan cepat diambil tindakan, diperiksa dan diselidiki, sehingga dapat ditentukan dengan jelas duduk persoalannya.

KERAJAAN YANG DEMIKIAN, adalah mengamalkan MENCEGAH TIBANYA PENYAKIT, lebih utama dari mengobatinya bila penyakit itu telah merebak atau telah parah dan berjangkit.

Banyak contoh yang lain dapat saya utarakan dari hasil pengalaman saya selama 3 tahun jadi Anggota Team Pemberantusan Korupsi pada peringkat Kebangsaan di Indonesia itu, tapi agaknya cukuplah tiga contoh itu.

Seperti saya katakan, saya cuma seorang wartawan, saya cuma seorang penulis, BUKAN seorang pakar undang-undang, saya tidak mempunyai pelajaran yang tinggi. Oleh sebab itu, manakala terbit di Malaysia ini talun 1970 peristiwa yang menimpa DATUK AHMAD SAID Menteri Besar Perak yang dikaitkan dengan soal Korupsi dan Rasuah, ketika itu saya berada dinegeri ini, manakala dimitat pendapat saya. TIDAK ADA yang dapat saya berikan. Saya tak tahu na-aana.

Sebelumnya banyak peristiwa yang berbau rasuah terjadi di Malaysia ini, saya tak kuasa memberikan pandangan dan penilaian apa-apa, saya tak punya pengetahuan undang-undang tentang hal itu.

Manakala kes Datuk Harun Menteri Besar Selangor tersiar diakhbar-akhbar terbitakan 25 November 1975, saya sedang berada di Jakarta.

Seorang pembesar Indonesia memanggil saya dan bertanya pendapat saya tentang hal itu. Beliau bertanya dalam kedudukan dan pengalaman saya sebagai seorang bekas Anggota Team Pemberantas Koruusi.

Apa yang hendak saya jawab?

Saya cuma kenal Datuk Harun tentang perjuangannya, tentang jasa-jasanya, tentang simpati rakyat yang besar kepadanya, tentang kegagahannya, tentang banyak orang yang ditolongnya, tentang ia seorang yang baik.

Apa yang hendak saya katakan?

Tentang Datuk Harun bin Haji Idris, kerana saya cuma kenal beberapa orang yang ada disekitarnya sebagai sahabat-sahabat lama saya, yang sudah lama pula terputus hubungan saya dengan mereka. Maka saya berkata kepada Menteri itu sebagai

Maka saya berkata kepada berikut:

"Suatu hal adalah universal di dunia ini, dinegara manapun, apapun corak dan sistem pemerintahan yang diamalkan sesuatu negara, iaitu seseorang tetap dianegap TIDAK BERSALAH, sebelum mahkamah berjaya membuktikan segala kesalahan atas tuduhan yang diberikan kepadanya."

Menteri itu puas, dia sahabat lama saya. Dia bertanya secara jujur dan beliau pun percaya bahwa

jawapan saya itu ikhlas.

28 Disember 1975, saya menghadiri satu jamuan disebuah Kedutaan negara sahabat di Jakarta. Di antara orang yang hadir, ada Menteri, ada pegawal tinggi, banyak pula wartawan serta duta-duta besar negara lain.

"Nah, wartawan expert tentang Malaysia tentu boleh memberikan pandangannya!" demikian seorang Pegawai Tinggi Kementerian Luar Negeri Indonesia berkata kepada saya, dihadapan beberapa orang wartawan dan pembesar lainnya.

"Saya bukan expert tentang Malaysia, tapi apa

soalnya?"

"Bagaimana pandangan Bung tentang kes Datuk Harun?"

"Mahkamah saja belum membicarakan soalnya, bagaimana orang boleh memberikan pandangannya?" itu jawab saya.

"Tapi tentu ada estimate ala-kadarnya, bukan?"

tanya lagi.

"Menurut tata-tertib dunia kewartawanan, bila semi pentara dalam pembicaraan dimuka mahkamah, orang luar, dalam cara dan bentuk apapun TIDAK BOLEH mengutarakan pandagannya, sebah bal itu boleh menyebabkan Hakim, pendakwa, pembela, yang tertuduh TERPENGARUH dalam mengambil keputusannya, sehingas bukan mustahil TERKELUAR dari undang-undang dan RASA KEADILAN, Jadi sebaiknya hal itu, serahkan sajalah menurut hasil keputusan Mahkamah Malaysia," jawab saya itu menyebabkan mereka mengangukkan kepala mereka masing-masing.

"Apakah soal itu akan melibatkan Datuk Harun seorang diri saja?" tanya seorang dutabesar pula. "Sama saja pendapat setiap orang, baiklah kita ikuti saja persoalan ini sebaik-baiknya," jawab saya lagi.

"Apakah kes Datuk Harun itu bersifat politik?"
"Bung sendiri, tidak buta politik, bukan?"

jawab saya.

"Apa kes Datuk Harun itu tidak permainan politik?" tanyanya lagi.

"Apa ada diuniversiti mata pelajaran politik permainan yang membolehkan mahasiswa dapat diploma?" demikian jawab saya.

Seorang Diplomat yang negerinya adalah jiran Malaysia bertanya lagi: "Apakah peristiwa Datuk Harun itu boleh membawa partai UMNO pecah?"

"Saya tahu, sebagai seorang diplomat tuan telah pernah bertugas di Malaysia, tentu tuan tahu berbagai krisis dan peristiwa telah terjadi dalam UMNO. Apa yang tuan lihat dimasa lampau?" saya menjawab diplomat itu.

"Bagaimana pula pendapat orang Melayu?" tanya seorang lagi.

"Sepanjang yang saya tahu, bagi orang Melayu, UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO!" kata saya pula.

"Apa cuma itu pandangan saudara?" tanya seorang Jeneral.

"Sifat Melayu, tak durhaka kepada Raja!" jawab pendek.

Percakapan itu makin bersungguh-sungguh, tapi saya selalu mencuba memberikan jawapan yang tidak boleh mengikat lidah dan tangan saya, kerana sesungguhnya saya orang bodoh, orang tidak tahu apa-apa, cuma sebagian orang saja memandang saya pakar atau expert tentang soal-soal Asia Tenggara umumnya atau berkenaan Malaysia klasanya. Saya sendiri TAK PERNAH mengakui sebagai pakar dan expert vane mereka sebutkan itu. Sebagai wartawan yang telah berkecimpung dalam hidupnya selama 28 tahun dalam kehidupan suratkhabar, selaku wartawan pengarang penulis dan penerbit, memanglah saya telah melawat 51 negara didunia ini, saya telah berjumpa dengan banyak orang terkemuka, sejak dari Presiden, Perdana Menteri, diplomat dan para wartawan terkemuka.

Memanglah saya banyak membuat karangan netnang Burma, India, Pakistan, Thailand, Kamboja, Laos, Vietnam, Philippina, Singapura, terutama berkenan MALAYSIA, kerana saya sering melawat negeri-negeri titu, kerana saya banyak mempunyai kawan sahabat dinegara itu, TAPI itu bukanlah alasan yang tepat untuk mengatakan saya seorang yang BANYAK TAHIU atau pakar tentang hal-hal yang terjadi dinegara-negara tersebut.

Tapi saya selalu rajin dan bersungguh-sungguh mengikuti setiap perkembangan yang terjadi di Asia Tenggara. Oleh sebab itu karangan-karangan saya - agaknya - selalu mendapat perhatian dan pengkajian dikalangan mereka.

ikalangan mereka

Itupun agak-agak saya saja.

Yang sesungguhnya saya bodoh, saya tak tahu apa-apa!

KEHANCURAN PARTAI NASIONAL INDONESIA

Tentang ada atau tidaknya "Partai Nasional" di Indonesia, setiap orang boleh mempunyai pandangan yang bertainan. Setiap penulis, tentu bebas mempunyai penilaiannya masing-masing. Namun satu fakta, adalah merupakan pandangan bersama, bahwa sampai tahun 1976, tidak ada lagi sebuah gerakan nasional, yang memakai nama Partai Nasional Indonesia.

Yang ada sekarang, ialah Partai Demokrasi Pembangunan yang didirikan atas gabungan dan peleburan diri dari Partai Katholik, Partai Kristen, Partai Murba, Partai Nasional Indonesia, Ikatan Pendukung Kemerdekaan Indonesia (IPKI).

Partai-partai yang menghimpun diri mereka kedalam Partai Demokrasi Pembangunan ini, adalah sisa-sisa partai yang masih hidup dan tumbuh, sesudah perobahan politik, perobahan pemerintahan, berpindah tangan dari zaman Sukarno kepada Zaman Suharto.

Suatu kesimpulan yang konkrit, dengan adanya Partai Demokrasi Pembangunan itu ialah, bahwa Partai Nasiomal Indonesia telah hancur, atau PNI telah gagal mengelakan diri dari melintasi sikratilmaut. Partai Nasional Indonesia (PNI) sudah tidak ada lagi.

Dalam Partai Demokrasi Pembangunan itu, terlihat mereka yang datang dari Partai Katholik, iaitu suatu partai politik yang sejak didirikan, adalah berasaskan aliran agama Katholik.

Begitu juga mereka yang dari Partai Kristen Indonesia, sudah tidak dapat diragukan lagi, bahwa Partai Kristen didirikan, adalah suatu gerakan politik, yang berasaskan kepada ajaran-ajaran agama Kristen.

Tentang Partai Murba sejak ia didirikan dan dipimpin oleh ajaran-ajaran Tan Malaka, tak siapapun yang membantah, bahwa Partai Murba adalah digerakkan dengan sasa-sasa faham pemimpin Komunis Rusia yang bernama Trotsky. Appun alasan yang dapat dikemukakan atau yang hendak dibentangkan oleh siapapun tentang asas agama dan kebangsan bagi Partai Murba ini, namun assa salinya seperti yang digleaskan oleh Murba sendiri, ialah bertolak dari ajaran Tan Malaka yang menganut ideoloji Trotsky.

Ikatan Pendukung Kemerdekaan Indonesia (IPKI) sebuah gerakan politik yang pada mulanya didirikan oleh Janeral Nasution, Jeneral Aziz Saleh, serta beberapa orang Jeneral lagi yang dimasa IPKI didirikan merkea masing-masing berpangkat Kolonel, adalah merupakan suatu gerakan politik yang beraliran kebangsaan, meletakkan jiwa dan semangat 17 Ogos 1945 sebagai sikap dan prinsip perjuangannya.

Kemajuan IPKI selaku sebuah gerakan politik, dalam sejarah politik di Indonesia, boleh terdapat perbedaan pandangan, kerana IPKI tidak sampai mempunyai anggota sebesar partai-partai yang lain, tetapi simpati dan pengaruhnya ditengah-tengah rakyat, adalah sesuatu yang luar biasa cepat berkembangnya.

Kedudukan mereka yang datang dari Partai Nasional Indonesia dalam Partai Demokrasi Pembangunan ini, adalah merupakan mereka yang terbesar merupakan golongan majoriti.

Partai Nasional Indonesia (PNI) yang didirikan 4 Julai 1927, di Bandung, oleh Bung Karno, Dr. Tjipto Mangunkusumo, Ir. Anwari, Mr. Sartono, Mr. Iskak, Mr. Sunarjo, Mr. Budiarto dan Dr. Samsi telah tamat riwayatnya dengan menghimpun diri dalam Partai Demokrasi Pembangunan ini, dalam gerakannya menggunakan nama PNI yang telah menempuh pasang naik dan pasang surut di dalam berbagai asseb.

Untuk setian orang yang berminat mempelajari gerakan politik yang beraliran kebangsaan, sejarah PNI tidak mungkin dapat mereka ketepikan begitu saja. Masuknya PNI kedalam Partai Demokrasi Pembangunan ini, juga akan memberikan satu analisa yang panjang, tentang hari depan dari gerakan kebangsaan, yang duduk sekandang dengan gerakangerakan politik yang berasaskan agama pada mulanya, seperti Katholik dan Kristen, di samping itu sekedudukan pula dengan Partai Murba yang telah diuraikan asas asal mulanya, bersama pula dengan IPKI yang walaupun ujud menjelang Pemilihan UMum yang pertama di Indonesia, namun jiwa dan semangat serta asas periuangannya ialah semangat kebangsaan bertolak dari jiwa dan semangat Proklamasi 17 Ogos 1945

Perkembangan hancur luluhnya PNI melalui proses bersepih-sepih, ataupun berkicai-kicai, bukan dimulai atau terjadi setelah Indonesia mencapai kemerdekaannya saia.

PNI telah mulai pecah bertaburan sejak dizaman penjajahan Belanda, walaupun dengan alasan sebagai akibat kekejaman penjajah Belanda, hal itu dapat terjadi.

Bulan April tahun 1930, PNI yang didirikan 4 Julai 1927 itu telah dibubarkan oleh para pemimpinnya, sebagai satu ikhtiar menyelamatkan cita-cita perjuangan dari tekanan penjajah Belanda.

Ekor dari pembubaran PNI itu, ialah lahirnya sebuah gerakan politik dengan nama Partial Indonesia, yang terkenal dengan nama Partindo dikemudikan oleh Mr. Sartono, iaitu salah dari 8 orang pengasas PNI dulu.

Orang-orang PNI yang tidak setuju dengan pandangan serta sikap Mr. Sartono itu, mendirikan gerakan Pendidikan Nasional Indonesia dengan Bung Hatta dan Sutan Sjahrir sebagai penimpinnya. Dengan demilikan Hatta dan Sjahrir, tetap teguh mempergunakan nama Pendidikan Nasional Indonesia dengan singkatannya PNI.

Peumbubaran PNI bulan April 1930, dilakukan oleh para pemimpinnya kerana Bung Karno ditangkap oleh penjajah Belanda, maka dengan pertimbangan menyelamatkan cita-cita perjaungan kebangsaan golongan Mr. Sartono bersikap demikian.

Manakala Bung Karno keluar dari penjara, bulan Disember 1931, ia berhadapan dengan dua gerakan nasional yang telah ujud sebagai akibat dibubarkannya PNI, iaitu Partindo dan PNI pimpinan Hatta dan Sjahrir.

Bagi para peminat dilapangan sejarah dan politi, dapatlah mereka mencatet, hahwa disasa tini telah dapat dilihat perbedaan jalan yang ditempuh oleh Sukarno dan Hatta, kerana Bung Karno sekeluarnya dari penjara, manakala menghadapi dua gerakan nasional pencahan PNI yang beliau dirikan, telah memilih untuk masuk Partindo. Sampai Bung Karno ditangkap kembali oleh penjajah Belanda pada 30 Julai 1933, ia tetap dalam Partindo.

Untuk catetan sejarah politik berkenaan Indonesia, maka sejak 30 Julai 1933 itu, tamatlah sejarah Bung Karno sebagai salah seorang pemimpin partai politik dizaman penjajahan Belanda, sebab beliau dibuang oleh Belanda ke Endeh pulau Flores sampai tahun 1937, setelah itu dipindahkan ke Bengkulu di Sumatera sampai pecahnya perang dunia kedua, dengan kalahnya Belanda oleh Jepun.

Pergerakan Partindo dan PNI-Hatta, berjalan terus dalam ruang-gerak yang sudah sangat dipersempit dengan ketat oleh Belanda, namun akhirnya ditahun 1934 penghujung tahun, kedua gerakan pecahan PNI asli itu, terpaksa berhenti bergerak dan membubarkan diri mereka.

Hatta dan Sjahrir ditangkap oleh Belanda, dibuang ke Digul sampai pecahnya perang dunia kedua, dengan Belanda dikalahkan oleh Jepun.

PNI asli, sudah tidak ada. Pecahannya Partindo dan PNI-Hatta sudah pula dibubarkan.

Bekas penimpin PNI yang kemudian mendirikan Partindo, setelah Partindo dibubarkan, kemudian mendirikan gerakan kebangsaan yang baru dibulan April 1937 dengan nama Gerakan Rakyat Indonesia dan singkatannya ialah Gerido. Para pemimpinnya adalah Mr. Sartono, Mr. Amir Sjarifuddin, Dr. A.K. Gani dan Mr. Mohammad Yamin.

Partai Gerindo ini bubar dengan sendirinya ketika pecah perang dunia kedua, dengan masuknya Jepun ke Indonesia dan larinya Belanda tanpa perasaan tanggungiawab terhadap rakyat yang dijajahnya selama 350 tahun. Belanda lari ke Australia dan kerajaan Belanda mendirikan Kerajaan Buangan di London.

Begitulah selayang pandang, hancur dan tamatnyat gerakan nasional di Indonesia dalam bentuk susunan berpartai sejak 4 Julai 1927 sampai Jepun masuk ke Indonesia.

Bagi seseorang yang berminat dibidang sejarah politik, ataupun mereka yang berkecimpung dilapangan politik, apalagi jika mereka sudah tergolong pemimpin dan terkemuka di dalam partai politik, maka sejarah pertumbuhan PNI dizaman penjajahan Belanda, pastilah merupakan suatu hal yang penting dan menarik hati untuk direnung dan dipelajari.

Mereka yang mau dan mampu mengadakan penelitian atau pengkajian, dengan sendirinya akan dapat membuat perbandingan serta kesimpulan, betapa persamaan dan perbedaan yang boleh didapati dalam gerakan-gerakan politik dinegara bekas jijahan dizaman penjajahan itu sendiri dan apa yang terjadi kelak kemudian hari, manakala negeri dan rakyat jajahan itu, telah muncul jadi bangsa dan negara merdeka.

Dengan mudah pula akan dijumpai, betapa dizaman penjajahan tidak mudah dikenali ideoloji politik yang sebenarnya dianut seseorang, tetapi ia dapat tampil sebagai orang nasionalis, ia cergas sebagai pejuang kebangsaan, tetapi setelah bangsa dan negara mereka, bukanlah kaum nasionalis, tetapi berfaham komunis ataupun kakitangan imperialis kapitalis dan kakitangan imperialis kapitalis dan kakitangan imperialis kamunis dalam berbagai macam bentuk dan manifestasi.

Oleh sebab itu, manakala PNI didirikan 4 Julai 1927, maka tiga azas prinsip PNI perlulah dicamkan dalam pengkajian sejarah untuk melihat perkembangan gerakan kaum nasionalis Indonesia dizaman penjajahna Belanda dan Jepun, kemudian jadi apa mereka dan apa yang mereka buat ketika Indonesia telah mencapai kemerdekaan.

Ada tiga prinsip asas PNI ketika ia didirikan, iattu prinsip mentolong diri sendiri, Non-cooperation (tidak memberi-kerjasama kepada pihak penjajah Belanda) dan azas Martaenisma, (nasionalisma yang memperjuangkan keadilan, membela rakyat jelata dengan hak azasi manusia sebagai landasan pokok dan utama).

Manakala tahun 1928 PNI mengadakan Kongresnya yang pertema di Surabaya, berbagai macam rancangan kerja atau progrem telah dijelaskan dengan segala butir-butir nya untuk jadi pedoman dan panduan bagi pemimpin partai dan para anggotanya.

Progrem PNI yang dicetuskan sebagai hasil Kongres di Surabaya itu, yang berkenaan dengan politik adalah:

- Memperkuat perasaan kebangsaan dan persatuan Indonesia.
- Menyebarkan pengetahuan tentang sejarah nasional.
- Mempererat perhubungan dengan bangsabangsa di Asia.
- Menuntut kemerdekaan mengemukakan pendapat melalui lisan dan tulisan serta mengadakan rapat-rapat.
 - Yang berkenaan dengan perekonomian ialah:
 - Berusaha mencapai perekonomian nasional.
 Menyokong perdagangan dan perindastrian
- nasional.

 3. Mendirikan tabungan nasional dan koperasi-
- koperasi. Yang berkenaan dengan sosial adalah:
- Yang berkenaan dengan sosial adala
- Memajukan pendidikan nasional,
 Memperbaiki kedudukan wanita.
- Memajukan serikat-serikat buruh dan serikattani.
 - 5. Menganjurkan monogami.

Setelah azas prinsip PNI yang tiga diumumkan ketika PNI baru didirikan dan progrem kerjanya diuraikan dari Kongros PNI di Surabaya itu, timbullah pergolakan yang hebat antara golongan nasionalis dengan golongan Islam.

TIDAK KELIHATAN dalam azas prinsip dan progrem kerja PNI itu, sesuatu yang berkenaan dengan kepentingan rakyat yang berjiwa agama, yang hidup beragama, yang thaat dan setia kepada ajaran Allah dengan Rasulnya.

Para penganjur Islam menyedarkan umat Islam Indonesia, bahwa sesuatu perjuangan yang tidak mendasarkannya kepada ajaram Islam, semangat kebangsaan apapun yang hendak dikumandangkan, akhirnya gerakan nasional itu akan pecah sendiri dari dalam atau akan porak-poranda akhir kelaknya.

Jiwa Islam dan dasar agama Islam, hendaknya jadi landasan utama, kata para penganjur golongan Islam. Sebab, kalau jiwa dan semangat Islam tidak dihidupkan dengan subur dikalangan pemimpin, begitu juga dilapangan pergerakan apapun, maka rakyat yang golongan terbesar adalah umat Islam, TIDAK akan memberikan sokongannya secara jujur dan ikhlas.

Kata para penganjur Islam lagi, bukan mustahil orang-orang yang anti Tuhan, orang-orang yang anti agama, akan bergerak dengan cara pura-pura di dalam gerakan kebangsaan yang tidak berlandaskan jiwa agama itu.

Reaksi dari para pemimpin gerakan kebangsaan, sebagiannya tidaklah sehat dan tidaklah wajar. Mereka memberikan balasan dan jawapan atas pandangan para penganjur golongan Islam itu, dengan cemoh, dengan ejekan, dengan memandang rendah golongan Islam.

Para penganjur Islam dikatakan berpandangan dan picik, dikatakan dilengkongan umat Islam tidak ada kaum intelek, tidak ada kaum terpelajar moden, dituduhkan tidak mungkin kemerdekaan boleh tercapai hanya dengan zikir dan sembahyang saja, tidak mungkin Beanda akan gentar kalau hanya mendengar pekikan Allahu Akbar saja dan lain-lain sebagainya.

Pertentangan yang makin sehari makin runcing dan tajam antara golongan kebangsaan dan golongan Islam itu, ditambah lagi tajamnya dan memperuncingnya oleh kaum penjajah serta unsur-unsur lain yang hidup berpura di dalam partai kebangsaan yang berbagai macam tumbuh kemudiannya sebagai pecahsepihan dari PNI.

Kalau kita saksikan bukti perkembangan sejarah dari pandangan serta peringatan yang diberikan oleh para penganjur Islam Indonesia ditahun 1929 sampai tahun-tahun berikutnya, maka kejadian Madiun Affair, jaitu pemberontakan dan pengkhianatan Komunis Indonesia ditahun 1948, di mana Mr. Amir Sjariffuddin yang berpura-pura sebagai pemimpin kebangsaan turut serta dalam parti GERINDO ditahun 1937, kemudian beliau terbukti adalah seorang pemimpin komunis dalam pengkhianatan di Madiun itu.

Kalau PNI dan pecahannya sesudah itu, sejak semula diletakkan dengan azas prinsip iiwa agama. boleh jadi orang-orang seperti Mr. Amir Sjarifuddin tidak akan dapat bergerak dan kalaupun dia sempat berpura-pura dalam gerakan kebangsaan yang dikokohi dengan jiwa agama, akan cepat diketahui kebohongan dan kedustaannya yang memang tidak ikhlas dan tidak jujur itu.

Dalam sejarah perjuangan PNI dan pecahsepihannya sampai pecah perang dunia keduapun, banyak bukti yang dapat dijumpai, bahwa akhirnya penganjur-penganjur PNI terpaksa menggunakan jiwa agama dan semangat Islam, sebagai alat propaganda mereka menyeru persatuan dan memperkuat partainya untuk menuntut kemerdekaan.

Walaupun para penganjur PNI secara tidak berterus-terang mengakui pentingnya jiwa Isalam dalam menggelorakan rakyat untuk menuntut kemerdekaan dari penjajah Belanda, namun berjayanya PNI merebut hati rakyat, bukanlah kerana azas Marhaenismanya itu, tetapi lebih banyak kerana seruan Iman dan Jihad menurut ajaran Islam.

Demikianlah selayang pandang, sejarah gerakan Partai Nasional Indonesia dengan pecah-sepihannya sampai pecahnya perang dunia kedua, yang banyak boleh dikaji, banyak boleh direnungkan dan banyak pula boleh diambil jadi bahan pertimbangan dan perbandingan bagi siapapun yang menaruh minat.

Bagaimana sesudah Indonesia Merdeka?

Partai Nasional Indonesia muncul sebagai sebuah partai yang besar, pengaruhnya tersebar keseluruh pelosok nusantara. Tetapi tetaplah dasar Islam, tidak jadi satu soal yang utama di dalam PNI.

Nafsu para penganjur kebangsaan PNI ini untuk membolot semua pengaruh dan kekuasaan, hampir-hampir tidak terkendalikan, dan tidaklah begitu mudah lagi melaksanakan pengawasan di dalam partai yang semakin besar dan disaat pengaruhnya semakin luas pula,

Peristiwa yang tidak dapat dilupakan saja dalam sejarah hitam pergerakan kaum nasionalis Indonesia, ialah ketika para pemimpin PNI memegang tampuk pemerintahan dan terus ingin lebih kuat dan lebih berkusas secara lebih kuat lasi.

Peristiwa itu terjadi sejak tahun 1953 sampai tahun 1955, menjelang pemilihan umum yang peratama dilangsungkan di Indonesia, Pengawasan dalam partai tidak berjalan lancar, kerana para pemimpin PNI telah memusatkan pikiran dan daya upayanya untuk memperoleh kemenangan dalam Pemilihan Umum.

Oleh sebab yang demikian, banyaklah orangorang avonturir, orang petualang, orang yang mencari kaya, orang yang tidak punya prinsip politik dan tidak punya prinsip ideoloji, yang berkerumun masuk PNI.

Penyaringan dan penapisan penerimaan anggota PNI, sudah tak terkendalikan dengan baik dan teliti lagi. Peristiwa itu ditambah lagi, dengan hasrat mau menang dalam pemilihan umum, di mana wang berpuluh juta atau beratus juta rupiah diperlukan oleh partai.

Disinilah timbulnya isitilah lisensi istimewa.

Para pemimpin PNI yang duduk dalam kabinet, telah memberikan persetujuan serta kesempatan kepada Mr. Iskak (anggota PNI) yang ketika itu jadi Menteri Perkonomian, menjalankan satu polisi yang terkenal dengan lisensi istimewa.

Pengusaha-pengusaha swasta, saudagar-saudagar, orang-orang berniaga, termasuk pula orang-orang yang tidak mengerti dagang, tak mengerti ekonomi, tak mengerti politik, telah berpusu-pusu disekitar Mr. Iskak dan Menteri dari PNI ini telah memberikan berbagai macam izin atau permit ataupun lesen perniagaan kepada orang yang begitu banyak datang kepadanya.

Sudah sukar untuk ditentukan, apakah mereka orang komunis, orang sisialis, orang Islam yang kesemuanya berpura-pura pro partai PNI ataupun sebagian dari mereka. Pucuk pimpinan PNI melalui Mr. Iskak waktu itu berpendirian, asal setiap orang vang diberi permit, izin atau lesen istimewa itu, memberikan sumbangannya kepada tabungan Pemilihan umum PNI, tidaklah jadi soal, maka merekapun diberi kesempatan yang luas.

Kerana sikap pimpinan PNI melalui Menteri Perekonomian yang demikian, maka pemimpin partai-partai lain yang duduk dalam kabinet, juga telah menuntut kepada Menteri Perekonomian, supaya lesen-lesen istimewa itu diberikan kepada

golongan partai mereka.

Politik pemimpin PNI melalui Menteri Iskak itu, tak dapat lagi untuk mengelakkan perminataan dan tuntutan dari pemimpin partai-partai lain. Maka lesen-lesen istimewa itu bertaburan serta bertebaranlah secara leluasa, yang membawa akibat banyaknya korupsi dan rasuah, rusaknya ekonomi negara, inflasi pun sangat menjadi-jadi melanda keuangan negara.

Pendeknya keadaan ekonomi dan keuangan tekerkawal laja, sebagai akibat pelaksanaan politik lesen-lesen istimewa itu. Inilah pangkal bala-bencana dari keruntuhan PNI yang utama dan dari sini pulalah kejayaan partai-partai lain, jika hendak dikaji betapa asal mulanya.

Hasil pemilihan umum yang pertama ditahun 1955, PNI telah keluar sebagai partai nombor satu, Partai MASYUMI keluar jadi nombor dua, Partai Nahdhatul 'Ulama jadi nombor tiga dan Partai Komunis Indonesia (PKI) jadi nombor empat.

Jika hendak diadakan suatu pengkajian tentang hal ini, beberapa pertanyaan tentu akan timbul. Kenapa PNI jadi nombor satu? Tentu jawabnya tidak mengherankan, kerana dia memegang teraju kabinet dan kerana Mr. Iskak dari PNI jadi Menteri Perekonomian telah melaksanakan pemberian lesen-lesen sitimewa.

Jadi wajarlah dengan hal demikian, PNI menang!

Kenapa Masyumi jadi nombor dua?

Inipun tidak mengherankan, kerana Masyumi memang pengaruhnya besar, umat Islam golongan terbesar di Indonesia. Begitu juga partai Nahdlatul Ulama (NU) adalah kerana dia partai Islam, kerana umat Islam memberikan sokongan kepada NU, seperti Masyumi juga.

Tetapi kenapa PKI boleh jadi nombor empat?

Padahal sebagai akibat dari pemberontakan dan pengkhianatan PKI dalam tahun 1948 berkenaan dengan Peristiwa Madiun itu, boleh distakan PKI sudah hancur, tidak ada organisasinya lagi, tidak ada partainya lagi, tidak ada pengikutnya lagi secara jelas.

Penyerahan kedaulatan dari Belanda kepada Indonesia secara resmi dilangsungkan pada 27 Disember 1949 dan dihari-hari berikutnya dunia secara menyeluruh mengakui Indonesia.

Namun begitu, Belanda tidak meninggalkan Indonesia dengan aman dan tenteram, kerana banyak sengketa dan selisih yang ditinggalkan Belanda ditengah-tengah masyarakat Indonesia yang baru merdeka itu. Jadi perang saudara terus berlaku.

Ini artinya, tidaklah banyak peluang bagi siapapun untuk mengatur organisasinya dengan baik, tidak mudah untuk mencari harta dan kekayaan untuk partai, begitu pulalah nasib orang komunis di Indonesia.

Maka tidaklah heran, manakala PKI keluar selagai salah satu dari empat buah partai besar dalam pemilihan umum 1955, banyak peninjau dan pengamat politik berpandangan, bahwa politik memberi lesen-lesen istimewa yang dilakukan Mr. Iskak, Menteri Perekonomian dari PNI itu, juga telah banyak yang jatuh ketangan orang-orang yang sesungguhnya dalah orang komunis.

Kalaulah bukan hasil lesen-lesen istimewa itu yang jatuh ketangan golongan PKI, dari mana PKI boleh mengerahkan kempen untuk pilihan raya, dari mana PKI boleh dapat mengumpulkan

wang yang sedemikian banyaknya?

Para pemimpin PNI sendiri, bukan main terkejunya melihat hasil pemilihan umum itu, kerana kemenangan PNI pun tidak begitu besar, jika dibandingkan dari Masyumi dan NU. Tetapi kejayaan yang diperoleh PKI dari partai yang sudah hancur dan dibenci rakyat, akibat pengkhianatannya tahun 1948, PKI boleh tampil sebagai salah satu dari empat partai besar.

Barangkali banyak pemimpin PNI yang menyesali dirinya ketika itu, tapi semuanya agaknya sudah

tak berguna lagi.

Kerana sikap para pemimpin nasional yang loba dan thamak, yang mau berkuasa sendiri secara mutlak, yang sudah lalai kepada prinsip partai, yang sudah lupa diri, tidak lagi mengutanakan dispin tidak silu dan tidak malu lagi menyaksikan rasuah dan korupsi sudah tumbuh subur, maka perpecahan di dalam tubuh PNI tak dapat dibindarkan lagi.

Sejarah membuktikan, bahwa lahirnya Partai Indonesia Raya (PIR) adalah pecahan dari PNI. Kemudian PIR ini pecah dua lagi, iaitu PIR golongan

Hazairin dan PIR golongan Wongsonegoro.

Tak cukup sehingga itu, adalagi muncul pecahan dari PNI juga, iaitu Partai Rakyat Nasional (PRN) di bawah pimpinan bekas Menteri Kehakiman Mr. Djody Gondokusumo.

PNI pecah berkicai-kicai, tapi Masyumi tetap bulat, NU makin maju dan PKI luar biasa kemajuan dan kekuatannya. Pengajur-penganjur PNI boleh dibayangkan, betapa pening kepala mereka melihat hal-hal yang di luar sangkaan mereka itu.

Salah satu tempat PNI meletakkan harapan, ialah berteduh dan berlindung serta menggunakan pengaruh Bung Karno, supaya PNI tetap selamat, tetapi siasat yang demikiani, juga menjadi siasat PKI. Akhirnya berlomba-lombalah PNI dan PKI mendekati Bung Karno, Bung Karno pula selalu menkan PNI sebagai anak kandungnya, tapi menumpahkan kasih sayang kepada PKI, kerana pertimbangan pengaruh politik yang diperlukannya.

Masyumi di bawah pimpinan Mohammad Natsir, selalu memberikan peringatan kepada PNI secara terbuka, begitu juga kepada Bung Karno, supaya berhati-hati dengan PKI, yang kelak kemudian hari pasti PKI itu akan berkhianat lagi seperti tahun 1948. Sayangnya . . . tidak semua pemimpin Masyumi tiu mengerti melontarkan kritik yang baik, tidak semua berpegang teguh dengan kritik yang tertib dan sopan, sehingga kritik yang tidak wajar seba-giannya tiu, telah mendorong Bung Karno lebih dekat dengan PKI dan PKI makin memeluk Bung Karno.

Kerana Bung Karno selalu dapat serangan kritik dari Masyumi, diapun tak dapat membedakan lagi, mana kritik sehat dan mana yang tidak sehat, akibat dari hasutan PKI. Maka kemarahan Bung Karno kepada Masyumi sudah demikian sekali parahnya,

PNI termasuk pula kedalam perangkap yang berbahaya ini, maka bersatulah kekutana Bung Karno, PNI dan PKI membenci Masyumi. Dalam keadaan yang demikian, Bung Karno memberi kasih sayang kepada NU dan para penimipin NU pula, sebagian dari mereka mau pula terjerumus ke dalam kancah yang berbahaya itu, sehingga ketika Bung Karno bertindak melarang Masyumi, kedudukan Bung Karno belahlah dikatahan kuat.

Tapi akhirnya PNI sedar, bahwa tindakan Bung Karno itu sangat berbahaya, kerana golongan Masyumi adalah golongan besar dan militant pengikutnya, ini bererti kestabilan politik dan keadaan keamanan tidak akan kekal dengan baik.

Tapi kesedaran yang demikian juga sudah terlambat, sebab langsung atau tidak langsung, pemimpin PNI bertanggungjawab atas tumbuh dan berkembangnya PKI menjadi partai kuat dan besar di Indonesia.

Sampai tahun 1959, manakala Bung Karno mengeluarkan Dekritnya 5 Julai 1959, walaupun PNI tetap sebagai partai nombor satu, tetapi peranan politik sudah banyak dimainkan oleh PKL, bahkan di dalam tubuh PNI sudah sukar hendak menghitung, sudah berapa banyak unsur-unsur PKI yang bergerak

dalam tenaga pimpinan,

Dari tahun 1960 sampai 30hb September 1965, kedudukan PNI semakin sukar, perpecahan terbayang terus dikalangan PNI. Bukan tidak ada pemimpin PNI yang masih jujur, yang masih sedar akan prinsip perjuangan kebangsaannya, tetapi mereka takut kepada Bung Karno, mereka sudah tak berani melihat pengaruh Bung Karno, mereka tak mampu menyiangi pengaruh PKI di dalam tubuh Bung Karno lagi dan PNI juga tak mampu melancar-kan pembersihan dalam tubuhnya sendiri. Maka bebaslah bergerak puak pelampau kiri, yang sebenarnya adalah orang-orang komunis di dalam PNI itu sendiri.

Kecemasan ini kemudian terbukti dengan jelasnya, ketika PKI ditahun 1965, pada 30hb September melancarkan sekali lagi pemberontakan dan pengkhianatan mereka kepada negara dan bangsa Indonesia.

PNI terpecah dua, sebagian menyokong pengkhianatan PKI dan sebagian tidak setuju kejadian itu, sedangkan Bung Karno, Bapak PNI berada ditengahtengah Markas Besar Pengkhianat PKI itu pula. Yang pro penekhianatan PKI terkenal denean

PNI A-SU, iaitu PNI golongan Alisastroamidjojo dan Surachman, sedangkan PNI yang anti pengkhianatan PKI itu terkenal dengan PNI Osa-Usep, iaitu PNI golongan Osa Maliki dan Usep Ranumihardja.

Pecah lagi Partai yang dulunya nasionalis, yang tadinya sangat besar. PNI telah membesarkan anak harimau dan anak serigala, kesedaran pun sudah terlambat.

Orang-orang PNI yang sebenarnya adalah anggota PKI itu, mengalami nasib yang sama dimata Pemerintahan Suharto, dimata rakyat Indonesia dengan sikap dan tindakan yang diberikan kepada PKI serta para pengikutnya. Dan pecahan PNI yang lain lagi, iaitu Partindo di bawah pimpinan Asmara Hadi, juga terbukti kemudian berpihak kepada PKI, maka Suharto dan rakyat, memperlakukan Partindo serupa dengan PKI pula.

Begitulah akibatnya kelalaian yang dialami oleh para pemimpin PNI yang jujur dan ikhlas, tetapi TIDAK WASPADA, tidak teliti, sehingga kebesaran dan kekuatan PNI, sebenarnya telah banyak dikacau dan dirusak oleh orang-orang PKI yang memakai baiu PNI.

Dizaman Örde Baru, disaat pemerintahan dan kekuasaan Suharto dimulai, kedudukan PNI sangat lemah, oleh sebab itu arti PNI sebagai sebuah partai politik, sebenarnya sudah tamat dan berakhir.

Sisa-sisa penganjur PNI tak mampu lagi memainkan peranan, mereka tak mampu lagi melaungkan suara hati nurani rakyat, sebab wajah mereka sudah cemar dengan tidak menyedari bahawa orangorang komunis telah beroperasi dalam PNI dalam masa yang panjane.

Oleh sebab itu, manakala ada pikiran dari sanasini untuk melebur partai-partai menjadi golongan-golongan yang lebih kecil, dengan alasan supaya pembangunan lebih lancar dapat dilaksanakan, PNI sebenarnya tidak ada pilihan lain lagi, kecuali PNI sendiri turut aktif menggali kuburnya dengan bersusah payah.

Sekarang, kalau ahli sejarah mau menemukan nama PNI atau gerakan kebangsaan memakai nama Partai Nasional Indonesia, mereka boleh pergi kemuseum atau kebilik perpustakaan, di sana akan tercatet dalam sejarah, bahwa PNI telah didirikan 4 Julai 1927 dan telah tamat riwayatnya dengan kesediaan dan inisiatif mereka sendiri ditahun 1974, dengan berdirinya PARTAI DEMOKRASI SPEMBANGUNAN.

Di dalam Partai Demokrasi Pembangunan ini, mau tidak mau, taraf kedudukannya adalah sama dongan IPKI yang dulunya partai sangat kecil, samalah dengan partai Murha yang iyag sangat kecil tapi beraliran Trotsky pada aslinya, samalah pula dengan Partai Kristen yang tidak besar dan beraliran Krasen saal mulanya dan juga serupa tarafnya dengan Partai Katholik, yang berasaskan Katholik, yang juga bukan nartai besar.

Di dalam Partai Demokrasi Pembangunan inilah golongan bekas PNI, bersaing dan beradu kekuatan sesama aliran nasionalis dengan IPKI, juga bersaing dengan bekas Murba yang dasarnya sudah diketahui, begitupula dengan bekas Partai Kristen dan bekas Partai Katholik, yang kesemuanya dengan alasan dan semboyan untuk kelancaran pembangunan.

Untuk catetan sejarah dan peringatan kepada para pemimpin partai politik yang beraliran nasionalisma, yang berfahamkan kebangsaan, yang MELALAIKAN asas dan dasar agama, ditengah penduduknya yang majoriti beragama, tidalkah apa agaknya untuk PNI - Partai Nasional Indonesia - di sini ditutup dengan ucapan . . Innalillahi wainna lahih Raii un.

GERAKAN UMAT ISLAM BERORGANISASI DI INDONESIA

Syarikat Islam adalah organisasi umat Islam yang pertama di Indonesia, yang menurut sejarah didirikan oleh Haji Samanhudi di kota Solo pada tahun 1911, yang dengan tegas mempunyai dua azas sebagai prinsip, iaitu: dasar Islam dan dasar ekonomi.

Sebenarnya pada permualaannya Haji Samanhudii mendirikan Syarikat Dagang Islam, dengan sikap yang tegas, prinsip yang jelas, iaitu dengan dasar Islam yang teguh, menentang para pedagang Cina yang boleh dikatakan melancarkan perniagaan yang bersifat monopoli dalam usahausaha berniaga kain Batik.

Haji Samanhudi seorang saudagar Batik yang terkenal, betapapun kuat modalnya, dan betapapun selalu tergencet dan terjepit oleh sifat kaum Cina yang bersatu padu dilapangan pembuatan dan perniagaan Batik dikota Solo khasnya dan dipulau Jawa umumnya.

Dengan mendirikan Syarikat Dagang Islam itu, Haji Samanhudi bermaksud supaya semua kegiatan Pribumi dilapangan perniagaan dan pembuatan Batik dapat bersatu dengan kuat, sehingga kalaupun persepakatan orang-orang Cina yang membuat atau berniaga Batik tak dapat dikalahkan, paling sedikit kemajuan mereka dapat disaingi dan dimbangi.

Usaha Haji Samanhudi itu dapat sambutan dari pribumi Indonesia dan mendapat pula perhatian yang berat dari pembuat serta peniaga Batik dari kalangan orang-orang Cina.

Tetapi nama Syarikat Dagang Islam itu, telah dirubah kemudian dengan nasihat Haji Umar Said Tjokroaminoto, sehingga jadilah Syarikat Islam saia.

Alasan perubahan itu, menurut nasihat Tjokroaminoto, jika kata "dagang" itu dipakai, maka orang-orang yang tidak berniaga tentu tidak akan jadi anggotanya, mana yang berminat. Nasihat itu diterima oleh Samanhudi.

Lebih kurang setahun kemudian, tepatnya 10 September 1912, berdirilah secara resmi "Syarikat Islam" yang dengan tegas berasaskan Islam dan ekonomi, sebagai dasar perjuangannya.

Penjajah Belanda pada mulanya menolak pendaftaran Syarikat Islam Pusat, tetapi membenarkan syarikat Islam cawangan berdiri sendiri-sendiri, namun betapapun juga peraturan penjajah itu, akhirnya semua cawangan Syarikat Islam, tetaplah berada di bawah pimpinan Syarikat Islam yang telah dipusatkan itu.

Butir-butir yang lebih jelas tentang dasar syarikat Islam ini ialah 4 dasar; pertama memajukan perdagangan, kedua memberi pertolongan kepada anggota yang mengalami kesukaran, ketiga memajukan kepentingan rohani dan jasmani penduduk Asil Pribumi, keempat memajukan kehidupan Agama Islam.

Dengan empat dasar itu, nyatalah bahwa ujudnya Syarikat Islam, bukan untuk orang perniagaan saja, bukan pula untuk para anggotanya belaka, tetapi meliputi kepentingan umum, iaitu mengabdi kepada masyarakat bangsa. Pada pertengahan tahun 1914, belum sampai 2 tahun Syarikat Islam berdiri, perkumpulan ini telah mempunyai 56 cawangan, dengan anggotanya sudah beratus ribu orang.

Pucuk Pimpinan Syarijat Islam yang pertama itu, ialah Ketua Umar Said Tjokroaminoto, Wakil Ketua 2 orang, iatiu Abdul Muis dan Haji Gunawan, sedangkan Haji Samanhudi pencetus idea Syarikat Dagangan Islam pada mulanya diangkat jadi Ketua Kehormatan

Kongres pertama Syarikat Islam diadakan di Bandung bulan Jun 1916, dihadiri oleh 80 cawangan, dengan anggotanya 360.000 orang dan cawangan itu mengirimkan wakilnya kekongres peringkat nasional.

Inilah untuk pertama kali perkataan nasional dipergunakan oleh Syarikat Islam, kerana itu menunjukkan bahwa tujuannya adalah untuk seluruh bangsa dan tanah air.

Di sini ahli sejarah dapat melihat perbandingan, bahwa Budi Utomo yang ujud tahun 1908, terbatas gerakannya untuk pulau Jawa dan Madura saja, tetapi Syarikat Islam telah menggunakan kata peringkat nasional,

Ketika pengjajah Belanda mengeluarkan undang-undang milisi, Syarikat Islam menerimanya dengan syarat, supaya penjajah segera membentuk Dewan Perwakilan Rakyat.

Ini juga tercatet dalam sejarah, bahwa gerakan Syarikat Islamlah yang pertama menuntut adanya Dewan Perwakilan Rakyat dimasa penjajahan Belanda.

Syarikat Islam juga untuk pertama kali menuntut supaya Belanda memberikan taraf berpemerintahan sendiri bagi rakyat Indonesia, sebagai hasil putusan Kongresnya yang kedua yang diadakan di Jakarta tahun 1917.

Kemajuan yang dicapai Syarikat Islam dengan sangat hebat dan pesat itu, juga jadi pangkal balabencana yang kelak kemudian hari, tercatet dalam sejarah, kerana kedalam Syarikat Islam telah menyusup aliran kiri yang ketika itu baru terkenal dengan faham "revolusioner Sosialistis."

Aliran yang kiri bergerak secara pura-pura ini, di bawah pimpinan Semaun, yang tidak cepat tercium dan terawasi oleh para penganjur Syarikat Islam, sehingga lama-kelamaan sukar dikawal kemajuan pengaruh Semaun penganjur Revolusioner Sosialis itu di dalam Syarikat Islam.

Semaun inilah yang menggerakkan Syarikat Islam supaya lebih meluaskan pengaruhnya kekalangan kaum buruh dan tani. Sehingga buruh-buruh kilang Gula, Rumah Pajak Gadai, buruh keretapi, tiap-tiap kesatuan itu langsung jadi anggota Syarikat Islam militant.

Kerana Semaun dipercayai oleh pemimpinan Syarikat Islam, maka dilah yang pergi menghidiri perjumpaan dikalangan kaum buruh, sehingga pengaruh dan ajaran yang diberikan oleh Semaun, bukan berdasarkan Islam, bukan berdasarkan kebangsaan, tetapi tegas berdasar revolusi sosialis menurut tema ketika itu.

Setahun kemudian dalam Kongresnya yang ketiga dikota Surabaya, kelalaian pemimpin Islam dalam Syarikat Islam masih belum juga disedari mereka, kerana usul Semaun dan kawan-kawannya telah membawa perjuangan Syarikat Islam kearah revolosi sosialis, di mana dalam keputusan Kongreitah disebutkan pandangan, bahwa dua pertentangan besar sedang dihadapi oleh Syarikat Islam, iaitu pertama, pertentangan antara penjajah dengan yang dijajah, kedua pertentangan antara Kapitalis dengan kaum buruh.

Kesedaran para penganjur Syarikat Islam akhirnya tiba juga, maka timbullah persaingan yang hebat dalam menguasai kesatuan-kesatuan buruh itu. Tidak dapat dihindarkan lagi, kesatuan kerja itu pecah dua, golongan yang Revolusioner sosialis jatuh ketangan Semaun dan Bergsma, sedangkan golongan yang tetap dengan jiwa Islam dan kebangsan berada di bawah pimpinan Suryopranoto dan Haji Agus Salim. Pimpinan Semaun berpusat di Semarang, pimpinan Haji Agus Salim berpusat di Jopayakarta.

Setelah Partai Komunis Indonesia resmi dibentuk 23 May 1920, maka infiltrasi kegiatan revolusi sosialis, menjelma dalam bentuk aslinya, jaitu kegia-

tan komunis di dalam Syarikat Islam.

Sebuah lagi kelalaian pemimpin Syarikat Islam dijumpai di sini, bahwa belum diadakan partai disiplin, artinya belum ada peraturan, bahwa seseorang hanya boleh menjadi anggota dari satu perkupulan saja. Sejak itu pecah-dualah Syarikat Islam, sebagian mengikuti Semaun kedalam aliran komunis, sebagian tenga dalam Syarikat Islam yang sali berdasarkan Islam dan Kebangsaan, mengikuta kekonomi dan kepentingan rakyat banyak.

Dengan pengalaman-pengalaman pahit kerana kelalaian itu, Syarikat Islam menjadi lebih dewasa dan berkembang maju, sehingga dalam Kongresnya yang ketujuh bulan Februari 1923 dikota Madiun, telah diambil keputusan merubah nama Syarikat Islam, iadi PARTAI SYARIKAT ISLAM.

Dengan perubahan itu, kemajuan baru lahir lagi dalam Partai Syarikat Islam, iatiu ujudnya aliran hendak membuat hubungan Partai Syarikat Islam dengan dunia Islam di luar negeri. Pikiran Pan Islamisma itu menimbulkan kesan yang hebat dan baik, sehingga Muhammadiyah yang mengkhususkan diri dilapangan pelajaran, banyak para penganjurnya yang tertarik dan bersimpati dengan Partai Syarikat Islam

Pikiran Pan Islamisma dari Haji Agus Salim yang telah brkembang luas itu, melahirkan kerjasama yang baik dengan Muhammadiyah, sehingga ujudnya badan ALL ISLAM CONGRES, yang didirikan di Garut, Jawa-Barathulan May 1924. Hasil All Islam Congres yang didukung oleh Partai Syarikat Islam dan Muhammadiyah ini, lahirlah pula dua buah hasilnya, iaitu memperluas pelajaran agama dan mendirikan Majelis Ulama untuk memutukan perselisihan-perselihan tentang agama yang berkenaan dengan ubudiyah atau amal-ibadat.

Tahun 1925, Partai Syarikat Islam merubah agi sikapnya, yang selama ini memberikan kerjasama kepada penjajah Belanda, telah memutuskan tidak bekerjasama lagi. Dan di dalam Kongresnya tahun 1927, Partai Syarikat Islam menegaskan dasar perjuangannya di lapangan politik, iaitu mencani kemerdekaan nasional atas dasar asama Islam.

BulanJanuari 1929, suatu kemajuan lagi berkembang dalam partai ini, di mana telah ditambahkan perkataan Indonesia, jadi sejak itu nama sepenuhnya adalah PARTAI SYARIKAT ISLAM INDONESIA dengan disingkatkan jadi PSII. Tambahan kata Indonesia itu, adalah hasil pengaruh Dr. Sukiman yang masuk partai, sekembalinya belajar dari Negeri Belanda.

Dengan masuknya Dr. Sukiman berpendidikan Belanda itu, maka ujud pula pertentangan di dalam partai ini. Dr. Sukiman dengan Suryopranoto menginikan PSII menekankan asas perjuangannya lebih berat kepada faham kebangsaan, sedangkan Haji Agus Salim dengan Tjokraominoto tetap lebih menekankan pada sasa Agama Islan

PSII pun akhirnya pecah dua pula. Golongan Tjokraominoto dan Agus Salim tetap dengan nama PSII, sedangkan golongan Sukiman dan Suryopranoto keluar dari PSII dan mendirikan PARTAI ISLAM INDONESIA (PARII).

Bagaimanapun kejadian itu disedari sebagai keadaan yang melemahkan perjuangan umat Islam, maka beberapa tahun lamanya diusahakan agar kedua partai itu bersatu kembali. Maka awal tahun 1938, PARII pimpinan Sukiman itu dilebur kembali masuk PSII.

Hanya setahun persatuan kembali itu dapat dipertahankan, kerana akhir tahun 1938, Dr. Sukiman dan golongannya kembali keluar dari PSII dan menuskan pula PARII-nya, di antara tokoh yang mengikuti Sukiman adalah Wiwoho, Kasman Singodimedjo, Farid Ma'ruf, Muzakir dan K.H. Mansyur. Perbedaan yang pokok antara PSII dengan PARII adalah dua, pertama PSII tidak bekerjasama dengan Belanda, PARII bekerjasama. PSII lebih berat berasaskan Agama Islam, PARII lebih menekankan araz kehanesan

Di dalam tahun 1940, timbul lagi perpecahan dalam PSH, kerana Karto Suwiryo dengan sejumlah pengikutnya keluar dari PSH pimpinan Tjokraominoto-Agus SAlim dan membentuk partai berasingan, tetap dengan nama PSH juga. Maka uiudlah dua PSH ketika itu.

Dengan demikian, gerakan umat Islam Indonesia secara berpartai menjelang masuknya Jepun, telah terpecah menjadi tiga, yang tadinya berasal dari satu kumpulan Syarikat Islam, menjadi Partai Syarikat Islam Indonesia (PSII). Ketiga pecahan itu ialah PSII pimpinan Abikusno-Tjokroamimoto-Agus Salim, PSII Karto Suwiryo dan PARII pimpinan Sukiman-Survooranoto.

Ada beberapa pelajaran yang dapat diambil sebagai catetan dalam berdirinya gerakan Islam secara beroganisasi ini, iaitu kelalaian terhadap unsur-unsur yang tidak beraliran Islam, telah masuk kedalam organisasi, kerana ... para penganjur Islam terlalu sibuk melihat kedepan, terlena oleh kemajuan partai, sehingga unsur-unsur komunis telah menyusup kedalam tubuh mereka.

Perselisihan sesama penganjur Syarikat Islam sendiri sendiri, juga telah membuka peluang keemasan kepada golongan revolusioner sosialis, berpura-pura beraliran Islam, tetapi akhirnya terus terang menyata-

Kalau dikaji selayang pandang, bahawa Syarikat Islam untuk pertama kali didirikan tahun 1911. dengan dasar agama dan ekonomi, untuk melawan dan bersaing dengan saudagar Cina yang membolot ekonomi rakyat dilapangan perniagaan dan pembuatan batik, di mana sejak semula aliran kiri secara diam-diam telah menyusup kedalam tubuh mereka. barulah tahun 1920 diketahui yang mereka itu adalah kaum komunis, memang patut jadi perhatian dan pelajaran. Hampir 9 tahun mereka berjaya menyamar sebagai beraliran Islam, tentu selama itu pula mereka telah meluaskan pengaruhnya dalam Syarikat Islam. Yang penting sekali jangan dilupakan, selama 9 tahun itu, mereka telah membuat dokumen penting atas segala tindak tanduk penganjur Syarikat Islam, baik tentang kebijakan masing-masing, begitu pula tentang kelemahan dan kecerobohan mereka.

Dokumen penting itulah serjata PKI kelak kemudian hari dalam melemahkan perjuangan umat Islam Indonesia, yang tidak mudah hendak dibantah atau dinafikan, bila menghadapi tuduhan-tuduhan

PKI secara fakta dan nyata.

Oleh sebab itu, disiplin parti dan peningatan yang dibuat oleh para penganjur Islam dizaman dulu tentang faham komunis, tentang bersahabat dan bekerjasama dengan kaum komunis, bukanlah kerana pemimpin Islam itu bodoh, sempit dan cetik pandangan, tetapi kerana mereka telah mengalami pelajaran pahit yang tidak dapat mereka robah serta merta. Cuma mereka mengharap, pelajaran pahit yang tidak dapat mereka robah serta merta. Cuma mereka mengharap, tengah para pejoang kebangsan dan Islam sesudah mereka, janganlah lalai, janganlah dilulangi kelalaian dan kesalahan yang mereka buat, kerana tipu daya kaum komunis, cara komunis menyamara, sangat halus dan pintar. Contohnya 9 tahun mereka menyamar dalam karan seriangan pengangan pengan pe

penganjurnya saling buruk memburukkan, saling tuduh menuduh dan saling jatuh menjatuhkan. Itulah hasil karya kaum komunis yangpatut diinsafi, terjadi zaman dulu, semakin maju dizaman moden dan teknoloji ini.

Bagaimana sesudah Indonesia merdeka?

Gerakan Islam dilapangan pendidikan dan kebudayaan, yang telah ujud dizaman penjajahan Belanda, seperti Nahdhatul Ulama, Muhammadiyah, Persatuan Islam, Aisyiah, Jamiatul Wasliyah dan lain-lain dipermulaan kemerdekaan telah menyatukan diri dalam PARTAI MASYUMI.

Persatuan Tarbiyah Islamiyah yang mulanya berpusat di Sumatera Barat, kemudian menyatakan diri sebagai Partai Politik dan memindahkan ibu pejabatnya ke Jakarta, TIDAK menyatukan diri dengan Masyumi.

Sedangkan PSII juga menyatukan diri dengan Masyumi, oleh sebab itu Masyumi merupakan kekuatan umat Islam Indonesia yang besar, yang penting dan yang sangat diharapkan peranannya dalam segala aspek perjuangan.

Tetapi malang menimpa umat Islam Indonesia, disaat golongan komunis sedang berkembang luas, disaat PNI sedang maju pesat, perpecahan ujud dikalangan Masyumi, di mana PSII dan NU menarik diri dari Masyumi.

Alasan kedua golongan itu keluar dari Masyumi, kalau ditinjau dari alasan politik tentu banyak, tetapi dari segi pandangan rakyat jelata umat Islam, TIDAK LAIN, kerana para pemimpin Islam asyik berebut kerusi, lena dibuaikan dendang sayang janji-janji pihak di luar Islam, para pemimpin mabuk menghimpun harta dan kekeyaan, sebagina pemimpin Islam telah juna diri, lupa daratan dan hanyut di bawa arus modernisasi kehidupan kota, tergelincirlah sebagian pemimpin Islam itu dari khittah perjuangan.

PSII menyatakan organisasinya aktif dilapangan politik secara partai berdiri sendiri. NU pun demikian pula. Yang lebih menyedihkan, bahwa sesudah partai PSII dan Partai NU keluar dari Masyumi, kelihatan bahwa keduanya bersaingan hebat dengan Masyumi sendiri. Dalam saat yang demikian, pihak PKI dan PNI berlomba-lomba mengengaruhi para pemimpin Islam sebagiannya, sudah tentu juga mempertajam pertentangan sesama pemimpin Islam tid dilengkongan Masyumi, PSII dan NU, tidak dilupakan oleh seolongan diluar partai Islam.

Bertambah parah gerakan Islam Indonesia, manakala PSII, NU dan Partai Tarbiah Islamiyah (PERTI) membentuk pula satu gabungan dengan LIGA MUSLIMIN INDONESIA, yang dengan jelas merupakan satu gabungan menghadapi Masyumi, Liga Muslimin dirangkul oleh pihak di luar Masyumi, sehingga pertarungan yang hebat diagalnggang politik, bukan lagi dengan partai di luar aliran Islam, tetapi

yang hebat sesama partai Islam sendiri.

Masyumi dengan para pemimpinnya yang berpengalaman, yang banyak pula mempunyai kaum terpelajar dari pendidikan Barat, menganggap pemimpin-pemimpin PSII, NU dan PERTI, sebagai orang-orang yang tidak mempunyai kelayakan, sedangkan yang belakangan ini menuduh para pemimpin Masyumi puak sektimi atau puak pelampau.

Ditengah-tengah kesedihan umat Islam, disaat para pemimpin Islam tuduh-menuduh dan rendah merendahkan itu, golongan di luar Islam bersorak dan bertepuk tangan dengan riuhnya, bahkan mereka menghasut serta menyalakan sentiment kebencina dikalangan sesama pemimpin Islam dengan sehebat-hebatnya.

Walaupun sesudah pemilihan umum 1955, Partai Masyumi dan Partai NU, keduanya keluar sebagai nombor dua dan nombor tiga dari empat partai besar yang menang, namun kedua partai ini tidak bersatu kembali, melainkan meneruskan persaingannya.

Tapi kegembiraan umat Islam terkesan sedikit, ketika persidangan membincangkan dasar negara untuk Indonesia Merdeka, dapat juga dicapai kata sepakat antara para penimpin Islaam yang banyak itu, tapi kerana kesepakatan Itu pulalah, Presiden Sukarno akhirnya mengambil sikap membubarkan Badan Pembuat Undang-Undang Dasar Negara itu, berikut dengan pembubaran Parlimen hasil Pemilihan umum keduanwa.

Sejak itu, kedudukan partai-partai Islam semakin parah, Masyumi semakin terjepit, NU dan PSII bermain mata dengan pihak di luar partai Islam, masing-masing partai dan manusia Indonesia berlomba-lomba mendekatkan diri kepada Bung Karno. PKI dan PNI juga demikian, entah mana yang anak kandung dan entah mana yang anak tiri dimata Bung Karno disaat itu.

Bila Partai Masyumi dilarang oleh Bung Karno, umat Islam mengharapkan supaya NU dan PSII serta Perti akan memainkan peranan menyelamatkan perjuangan Islam, membela demokrasi di Indonesia, tetapi itu tak dapat ditunjukkan merupakan satu prestasi yang bernilai.

Hidupnya partai Islam sesudah tidak adanya Masyumi, seperti tumbuhnya kerakap di atas batu, hidup segan, mati tak mau. Namun akhimya partaipartai Islam itu dikejutkan dari tidur dan kelalaiannya, ketika pengkhianatan PKI terjadi 30hb September 1965 yang terkenal itu.

Barulah para pemimpin partai Islam sadar, bahwa di bawah ketiak mereka, di dalam rumahtangga partainya, telah bergerak dengan leluasa orangorang komunis, unsur-unsur komunis yang sebenarnya akan membunuh para pemimpin Islam itu sendiri, bila mereka tidak memberi sokongan kepada pengkhianatan PKI.

Allah maha Kaya, Allah Maha Pengasih dan

Penyayang!

Kejadian pengkhianatan itu boleh dilihat datu segi. Segi buruknya banyak rakyat dan pemimpin serta ulama yang terbunuh, segi baiknya diketahuilah orang komunis yang menyamar kedalam partai Islam atau yang pura-pura dekat dengan pemimpin Islam.

Dizaman Orde Baru, keinsafan itu tetjelma, para p-mimpin partai Islam melancarkan tindakan pembersihan kedalam tubuh partai masing-masing. Tetapi keadaan sebenarnya sudah parah, mereka sudah lesu, maka sesudah terlaksana pembersihan, kelesuan itu semakin bertambah, kegiatan bukan meningkat, tetapi menurun.

Persaingan yang mentertawakan dari para pemimpin Islam dalam mendekatkan diri kepada Presiden Suharto, hampir saja serupa caranya dengan yang mereka lakukan dizaman Presiden Sukarno.

Akhirnya semua partai Islam yang masih ada sesudah Pemilihan umum yang kedua di Indonesia, tunggallah PSII, Perti, NU dan Partai Muslimin Indonesia. Kesemua partai Islam ini dengan dalil dan alasan apapun, sepakat meleburkan dirinya kedalam PARTAI PERSATUAN PEMBANGUNAN. Dinertempahan 1974. tamatlah riwayat partai-

partai Islam di Indonesia dengan membawakan nama

sebagai Partai Islam.

Beberapa hal dapat diambil catatan untuk bahan pelajaran dan perbandingan, tentang riwayat partai-partai Islam di Indonesai. Selama Indonesia Merdeka, selama partai Islam ada, telah 14 kali golongan Partai Islam memimpin pemerintahan atau duduk dalam kabinet sebagai Menteri-Menteri yang penting dan menentukan jalannya roda pemerintahan, tetapi kesempatan itu telah TIDAK berjaya mereka pergumakan untuk memperbaiki jiwa kebangsaan, untuk menunjukkan kemampuan kepada dunia, bahwa umat Islam yang besar jumlahnya di Indonesia itu, sanggup melalui para pemimpinnya menghindarkan Indonesia jatuh di bawah pengaruh komunis. Ini kegagalan yang tercatat dalam sejarah, kerana Indonesia pernah dilanda pengaruh komunis yang paling hebat.

Partai Komunis Indonesia, adalah partai komunis yang nombor satu kuatnya didunia, nombor satu besarnya didunia, iaitu di dalam sesuatu negara di mana partai kominis belum berkuasa sepenuhnya

dan negara itu belum jadi negara komunis.

Sebenarnya PKI di Indonesia, sudah berada diambang pintu untuk mengkomuniskan Indonesia. Meraka telah mulai masuk kedalam segala bidang kekusasan dan kehidupna. Mereka TAK PERLU berontak lagi untuk maju selangkah lagi menjadikan Indonesia negara komunis.

Tetapi kasih sayang Tuhan kepada rakyat Indonesia, belas kasih Tuhan kepada umat Islam Indonesia, telah mendorong PKI di bawah tekanan Peking dan Moskow untuk melancarkan pengkhianatan untuk merapas kekusaan, sehingga PKI terjerumus kelembah yang dalam dan curam, namun hali itu TIDAK ciukup sempuran amembuat selonean

kebangsaan dan Islam sedar diri dan insaf diri.

Banyak orang berpendapat, jika PNI yang beraliran nasional itu, mengutamakan juga dasar Islam dalam gerakannya, di samping partai-partai Islam menyelaraskan pula sikapnya dengan faham kebangsaan, maka kekuatan komunis tidak akan menjadi besar.

Itu pandangan yang pertama dan utama!

Jika para pemimpin kebangsaan dan Islam, tetap hidup sederhana, tidak berebut pangkat dan kerosi, tidak sebagiannya terseret melakukan korupsi dan rasuah, tidak melalaikan jiwa dan semangat 17 Ogos 1945, maka kerusuhan dan kekacauan di Indonesia akan selalu dapat dihindarkan. Kerjasama PNI dan Islam akan dapat menguntungkan negara dan bangsa.

Sefelah demikian malapetaka yang menimpa rakyat Indonesia, maka sekarang mereka menumpakkan harapan, semoga kerjasama yang baik antara Golkar, Partai Demokrasi Pembanguan dan Partai Persatuan Pembanguana, akan dapat ujud dengan baik, demi kelancaran pembanguana, deni mecagah Indonesia jatuh kedalam pelukan komunis.

Apapun yang terjadi, betapapun pandangan berbagai pihak bersimpang-siur tentang politik di Indoensia, namun harapan tersebut, adalah

harapan utama dan sangat penting sekali.

Terpulanglah kepada Ğolkar, dan kedua partai itu untuk memenuhi harapan rakyat, di samping itu dapatkah rakyat menumpahkan kerpercayaan dan harapan mereka secara jujur dan ikhlas kepada tiga golongan politik itu untuk hari depannya?

Biarlah karya mereka sendiri menjawabnya biarlah sejarah yang menentukan, kita hanya mengharap, kita hanya berusaha dan kita semua hanya berdoa kepada Allah, Tuhan Yang Maha Esa, Amiin!

PERPECAHAN PARTAI DI INDIA-PAKISTAN BANGLADESH'

Barangkali Partai Kebangsaan yang terbesar di Asia-Afrika, tidaklah lain dari Partai Kongres India. Ini sudah tentu juga, kerana penduduk negeri ini yang besar jumlahnya.

Dasar partai Kongres India ini sejak semula ia didirikan, adalah Nasionalisma India yang berusaha menyatukan segala suku bangsa yang banyak di India, juga dengan mengikat mereka dalam bahasa nasional yang satu, kerana terdapat beratus bahasa daerah dinearah Baharat (India) itu.

Ajaran yang diamalkan oleh Partai Kongres, laib berjuang menuntuk kemerdekaran dari penjajah Inggeris dengan jalan damai, tidak jalan kekerasan. Dalam perkembangan politik India sikap politik yang denikikan terkenal dengan Ahimsa Politik yang didukung oleh gerakan Swadeshi, iaitu kepada seluruh penduduk dianjurkan mengunakan segala barang yang dibuat oleh rakyat India sendiri, Memakai buatan luar negeri, barulah boleh, jika ia tidak didapati dari hasil kerajinan tangan rakyat sendiri.

Dengan senjata Ahimsa Politik dan gerakan Swadeshi itu para pemimpin India meyakinkan rakyatnya mengahadapi penjajah British, sampai Mahatma Gandhi melangkahkan kakinya kedalam istana Buckingham hanya dengan sehelai kain putih yang diselendangkan ditubuhnya dan menutup sedikit sahaja dari auratnya.

Banyak orang Ingeris mengeritik dengan pedas dan tajam, sikap pemimpin India yang demikian mengunjungi istana Buckingham, tapi tidak kecil pula jumlahnya manusia didunia yang bangga dan memuji keteguhan Mahatma Gamdhi dengan sikap Non Violence politic dengan didukung oleh gerakan Swadeshi itu.

Pandit Jawarhalal Nehru, Perdana Menteri India yang pertama, juga meneruskan senjata yang sangat hebat itu, sehingga India berjaya hidup rukun dan damai, terbuka peluang untuk membangun.

Apakah sebabnya Partai Kongres India begitu

Dasar dan prinsip yang kokoh dari Partai Konges adalah amalan dari palajaran agama Hindu yang mereka anut. Tapi hal itu tidak dijelaskan dalam perlembangaan Partai Kongres, kerana India iyga ada penduduknya yang menganut agama lain, seperti agama Sikh dan Islam. Namun pada hakikatnya ajaran agama Hindulah yang jadi tulang punggung dari Partai Kongres itu. Partai Kongres telah menjalin hebat faham nasionalisma India denean ajaran Hindu.

Dengan faham kebangsan India dan ajaran Indiu titulah Nehru berbaik-baik dengan jirannya Komunis Cina dan dengan dasar itu juga Nehru bersama Chou En Lai menggerakkan Kompenensi Asia-Afrika di Bandung bulan April 1955, dengan Indonesia, Burma dan Srilangka, yang disertai oleh 29 negara Asia-Afrika.

Bila pemimpin-pemimpin di Peking tidak jujur terhadap India, ini dibuktikan dengan sikap Peking menduduki TIBET dan Dalai Lama mendapat perlindungan politik dan perlindungan agama di India.

Bukan itu saja yang dibuat Cina, tapi lebih 12,000 mil persegi wilayah India dekat Ladakh telah dirampas dan diduduki oleh tentera komunis

Masih belum cukup, ttapi Cina masih mendakwa bahwa ada 50,000 mil persegi lagi wilayah Cina yang diduduki India, yang dituntut oleh Peking supawa diserahkan oleh India dengan tangan terbuka.

Nehru yang teguh dengan Nasionalismanya, teguh dengan ajaran Hindu, teguh dengan sikap Ahimsa Politik, tidak mau melaksanakan kekerasan menghadapi cabaran Cina itu. Pendeknya sampa Nehru menghembuskan nafas yang akhir, wilayah India yang diduduki Cina, tak dapat kembali pada India. Nehru dilepas dengan tangis kesedihan sejarah, yang tidak akan dapat dilupakan oleh rakyat India khususnya dan dunia politik umumnya.

Tapi setelah Nehru meninggal dunia, setelah Gandhi juga sudah tidak ada, maka keadaan Partai Kongres India yang besar itu, di bawah pimpinan Puan Indira Gandhi, anak Nehru, sudah jauh berbeda, sudah antara bumi dan langit dengan aiaran ayahnya.

Partai Kongres India diawal tahun 1976, tak dapat dikatakan bersatu kuat lagi. Faham kebangsaan telah jadi lemah, kerana Indira Gandhi telah membiarkan komunis berkembang biak ditanah airnya. Bahkan India telah menandatangani satu Persetujuan politik dan Keamanan dengan Sovyet Rusia 9hb Ogos 1971.

Sejak itu, Partai Kongres tak dapat dikatakan partai nasional yang bersih lagi, kerana di dalam partai kongres sudah semakin banyak orang kiri, sudah berkeliaran orang komunis yang membanggakan diri sebagai ahli partai kongres yang berfaham nasional itu.

Mahunya Indira Gandhi membiarkan India memerangi Pakistan, adalah atas persetujuan Partai Kongres India, yang telah dikacau oleh unsur komunis dari dalam dan didorong oleh Sovyet Rusia terus menerus. Dengan perang India-Pakistan Disember 1971, itu Partai Kongres India yang berfaham kebangsaan serta berdasarkan jiwa ajaran Hindu, sudah jauh lari dari prinsipnya.

Tanpa kekerasan, sudah ditukar dengan jalan kekerasan.

Sikap politik bebas luar negeri, sudah ditukar dengan sikap bersahabat dengan Rusia dan bermusuh dengan Barat. Jiran-jiran India sudah mati ketakutan dengan India yang besar itu.

Lahirnya Bangladesh, juga menyebabkan rakyat Benggali terpengaruh oleh kiri, dikacau oleh kaum komunis, sehingga Benggali yang beragama Islam itu, sudah kacau bilau.

Bagaimana Pakistan?

Tidak ada sebuah partai politik Islam didunia ini, yang sebesar ALL India Moslem League, yang tumbuh dan berkembang ditengah-tengah majoriti rakyat India yang beragama Hindu dan Sikh serta lainnva.

Sejak tahun 1906 Partai Liga Muslimin India itu didirikan, mendapat dukungan yang luas dari umat Islam seluruh India dan simpati yang besar datang pula dari umat Islam seluruh dunia.

Liga Muslimin India itulah yang telah mengambil keputusan di dalam kongresnya dibandar LAHORE 23 Mac 1940, supaya rakyat yang beragama Islam diberi sebuah negara mereka dengan nama PAKISTAN kemudian hari. Mereka tidak mau bersatu dengan India yang beragama Hindu.

Bila İnggeris memberikan kemerdekaan kemudian, memanglah ada negara India, ada negara Pakistan, di mana di India berkuasa Partai Kongres dan di Pakistan berkuasa Moslem League atau Liga Muslimin. Tetapi setelah Ali Jinnah meninggal dunia, Liga Muslimin itu seakan-akan turut pula menempuh sikratil maut dan sampai sekarang boleh dikatakan Moslem League itu tidak berpengaruh lagi. Ali Bhuto yang jadi Perdana Menteri Pakistan sekarang, bukan dari Moslem League.

Keadaan diwilayah Bengal, juga Moslem League sudah hancur, sudah bertukar dengan Liga Awami, tapi bukan itu saja, bukan saja Moslem Leaguenya sudah tidak ada, tapi Liga Awami itu sendiri sudah

pecah tiga.

Maka perpecahan Partai Kongres India, hancurnya Liga Muslimin di India dan Pakistan, hapusnya Liga Musmilimin di Bangladesh, menunjukkan kelalaian para pemimpin yang melanjutkan mengurus partai itu.

Partai yang semula teguh dengan prinsip dan yang waktu didirikan cita-citanya membela bangsa dan tanahari, olih sebagian pemimpinnya telah diselewengkan untuk kepentingan diri sendiri, untuk kepentingan keluarganya dan juga untuk kepentingan subversif asing.

Korupsi dan rasuah terjadi di sana-sini, prinsip kebangsaan tidak seberapa diperhatikan lagi, dasar agama tidak pula jadi pedoman dan panduan hidup

lagi.

Apa yang akan terjadi dengan ketiga negara itu kelak kemudian hari, tak dapat kita lihat dengan berpeluk tubuh saja, sebab hawa panasnya atau hawa dinginnya pasti akan sampai kekawasan ini.

Baiklah kita renungkan!

BAGAIMANA UMNO MELINTASI MAUT?

Bila UMNO memasuki usianya 30 tahun, kalau ditamsilkan kepada seorang manusia, baik ia lelaki ataupun perempuan, umur yang demikian, telah menjadikan kedudukannya sebagai seorang ayah ataupun ibu, bahkan dalam kehidupan kita orang Timur, ada yang sudah sampai kepada peringkat Datuk ataupun Nenek.

Jika dibandingkan dengan usia Nabi Besar kita Mohammad S.A.W. maka umur 30 tahun, sudah menuju ke arah perjalanan separoh masa penghiupan junjungan kita Rasulullah itu.

Dalam kehidupan sebuah organisasi sebagai Partai Politik, tidaklah seyugianya para penganjur UMNO berasa kecil hati, bila ada orang mempunyai pertanyaan ataupun bersangka. Apakah UMNO akan boleh hidup terus atau tidak?

Apakah UMNO akan pecah berkicai-kicai atau semakin kokoh?

Apakah UMNO akan bubar atau hidup segan mti tak mau?

Ataukah UMNO itu akan terus hidup dilengkongi oleh krisis demi krisis? Apakah UMNO akan pecah lebur dari dalam, sebaliknya mampukah UMNO menghadapi cabaran usaha memecahnya dari luar? Seluruh ahli UMNO dalam peringkat apapun kedudukannya dulu dan hari ini, dari ceruk rantau manapun ia datang, tentulah patut melihat kebelakang, tentang asal mula UMNO itu ditubuhkan, onak dan duri apa yang telah dia lalui dengan segala rasa sabar dan penuh ketabahan.

Menurut ilmu pasti sejarah dalam segala aspek apapun, siapa yang tidak mau melihat perjalanan hdiupnya kebelakang, hal itu menunjukkan bahwa perjalanan hidupnya mara kehadapan, tidak akan

begitu cerah dan menggembirakan.

Melihat kebelakang, mengkaji asal usul diri, samalah artinya mengenal diri lebih mantap, sehingga kemajuan untuk mara kehadapan, dapat berdasarkan pengalaman-pengalaman buruk dan pahit, yang sedia diperbaiki dan tidak akan mengulangi lagi kesalahan yang telah diperbuat, baik dengan sengaja atau tidak secara sengaja.

Sepanjang yang dibuktikan oleh sejarah, asal usul hasrat menubuhkan UMNO, adalah kerana hendak memelihara kedaulatan Raja-Raja Melayu. Penganjur Melayu masa lampau memandang ikhtiar Inggeris untuk menubuhkan Malayau Union sebagai usaha hendak meruntuhkan dan melenyapkan kedaulatan Raja-Raja Melayu.

Gerakan menentang Malayan Union itu, bermula dengan adanya Kongres Melayu Malaya pada 1, 2, 3 dan 4hb bulan Mac 1946, bertempat dibangunan Sultan Sulaiman Klab di Kuala Lumpur. Kongra-Melayu, dengan 107 orang wakil dan hadir pula 56 orang sebagai pemerhati. Mereka berdatangan dari seluruh ceruk rantau negeri ini, jadi sudah dalam perinekat kebansaan.

Datuk Onn bin Jaafarlah (Allah Yarham) yang memimpin kongres itu. Dari sini patutlah diambil satu catetan dan ingatan dalam sejarah, bahwa terlaksanannya Kongres Kebangsaan Melayu itu, telah meletakkan dasar perjuangan kebangsaan secara berperingkat kebangsaan dan meninggalkan jauh kebelakang semangat berdaerah, seperti ber-Perak, ber-Johor, ber-Pahane dan sebagainya.

Bagi jenerasi muda dan jenerasi yang akan datang, hendaklah disedari, bahwa diperlukan waktu dua bulan lagi kemudiannya untuk secara resmi menubuhkan PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU yang disingkatkan dengan kata PEKEMBAR.

Itulah sebabnya dalam Kongres Kebangsan yang kedua pada 11 dan 12bh May 1946 di Johore Bharu tercatet hari berdirinya UMNO, dengan disertai oleh 29 buah pertubuhan Melayu yang hadir dikongres itu, kemudian 7 buah pertubuhan Melayu lagi turut menyertai UMNO dengan menandatangani Piagam Penubuhan UMNO, jadi jumlah semua pertubuhan Melayu yang ikut dalam Pekembar menjadi 36 buah.

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu!

Menurut hemat saya, jika penganjur-penganjurhari ini, terutama penganjur dalam UMNO, bermenung agak sejenak dan mengkaji susunan kata-kata yang ada dalam kalimat nama pertubuhan itu, kemudian mencoba membayangkan peristiwa yang berlaku pada 1, 2, 3 dan 4hb Mac 1946, disusui dengan peristiwa 11 dan 12hb May 1946, mungkin akan membawa suatu rasa keinsafan dan kesedaran yang mendalam.

Kalau di antara penganjur itu, mengalami menghadiri kedua peritiswa itu, saya tidak tahu, apakah dia waktu bermenung itu akan menangis dengan air mata jatuh tak berkeputusan, ataukah dia akan jadi manusia yang angkuh atau sombong tiada taranya.

Begitu pula, jika para penganjur hari ini atau jenerasi muda yang sedia bermenung sejenak seperti yang saya utarakan itu, TIDAK turut menghadiri kedua peristiwa bersejarah itu, saya juga tidak dapat mempastikan, apakah dia akan merasa terharu kemudian menangis di dalam permenungan itu, ataukah dia akan berkata: "Itu cerita dulu, itu cerita lama, apa perduli dengan masa lampau, sekarang zaman mdoen, sekarang zaman kuasa, yang dulu sudah lewat, yang mustahak kekuasaan sekarang dan mengekalkannya dengan segala daya untuk masa selamanya?"

Marilah kita berserah diri kepada Tuhan, semoga yang baik-baik sajalah yang dikurniakannya kepada hambanya, semoga terhindarlah semua hamba Allah ini dari pikiran dan kerja-kerja yang salah dan buruk,

Amijin, Ya Rabbal Alamiin!

Sava juga hendak merekamkan sedikit, kenapakah perkembangan selanjutnya, TIDAK Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau Perkembar yang lebih popular, kenapa nama UMNO (United Malays National Organisation) vang lebih terkenal dan lebih kekal?

Jalan hidup yang terbaik, ialah berbaik sangka! Kalau berbaik sangka itu memang yang terbaik dan dianjurkan dalam hidup berugama, saya sekali lagi mempelawa semua penganjur UMNO hari ini, untuk bermenung sejenak, begitu juga para orang Melayu yang ahli UMNO ataupun tidak.

Apa sebabnya?

Sejak pertubuhan ini lahir, manakala ia dikenalkan dengan nama UMNO, sampai sekarang jika UMNO itu dituliskan dalam tulisan Jawi, ia boleh menimbulkan salah-sebut dengan kata Amanu atau Aminu yang jika diartikan ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Mohammad Rasulullah.

Ada baiknya saya kemukakan suatu kesah. untuk memperkuat jalan saya mempelawa para

pembaca untuk bermenung lagi agak sejenak.

Alim Ulama di Indonesia sangat terkejut. tetapi dengan rasa bangga, manakala mereka membaca akhbar-akhbar Melayu, bahwa di Tanah Melayu telah berdiri sebuah Pertubuhan Politik yang bernama PERTUBUAHN AMANU, iaitu parti politik dari orang-orang beriman kepada Allah dan Rasul.

Ketika bulan Öktober 1954, saya beserta ahli bahasa, persuratan, kebudayaan, wartawa hali bahasa, persuratan, kebudayaan, wartawa hir Tanah Melayu dan Singapura menghadiri kongres bahasa Indonesia yang pertema di Medan, di rumah Allah Yarham Madong Lubis, pertanyaan tentang Partai Amanu itu, ditanyakan kepada rombongan kami. Barangkali ahli-ahli rombongan dari negeri ini, yang sekarang masih hidup, seperti A. Samad Ismail, Abdullah Hussin, Datuk Asri dan lain-lain akan mencoba menginat pertanyaan itu.

Cuba pembaca pikirkan, apa yang harus dan mesti dikatakan?

Akan dikatakankah, bahwa TIDAK ADA pertubuhan orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul dinegeri ini? Atau akan diakui sajakah salah faham dan salah pengertian ulama yang bertanvai tu?

Peristiwa lucu dan aneh itu, tapi penting dan sangat sensitir, akhirnya sayalah yang memberikan jawapan. Adapun jawapan saya adalah sebagai berikut: "Ustaz, memang ada di Malaya sebuah partai politik, yang anggotanya semua orang Melayu. Dalam pengertian kata Melayu dan istilah Melayu di Malaya, setiap orang Melayu adalah berugana Islam dan setiap orang Islam beriman kepada Allah dan Mohammad sebagai Rasulullah. Adapun yang ustaz maksud dengan Partai politik AMANU, sebenarnya tulisan Amanu itu dalam bahasa Arah yang aslinya memakai "alif" dibelakang "wau", oleh kerana itu yang ada bukanlah bernama partai Amanu, tetapi hanya partai UMNO."

Sambil tercengang bukan alang-kepalang Ustaz Nasrun Lubis yang duduk dekat isteri Allah Yarhma Madong Lubis mendekati saya dan meminta saya menuliskan perkataan UMNO itu dalam tulisan Rumi, Kemudian beliau berkata dalam pilat Indonesia, jadi kalau begitu partai politik UMNO, bukan AMNO, tanya beliau.

Kami semua tertawa dan Madong Lubis mempenalkan, bahwa yang memberikan keterangan itu, adalah wartawan yang banyak memperkenalkan perjuangan rakyat Malaya melalui akhbar Waspada Medan dan akhbar-akhbar lain di Indonesia. Saya tentu tersenyum bangga.

Tetapi Ustaz Nasrun Lubis, yang sudah berumur lebih 40 tahun ketika tahun 1954 itu, terkenal seorang ulama yang hebat berpidato, tegas sikapnya, kemudian berkata sebagai berikut:

"Kalaulah dalam tulisan Arab (Jawi) itu ditambahkan saja dengan "alif" supaya dia sesuai dengan jiwa perjuangan para ahlinya, bagaimana kiranya?"

Ibu Hajjah Zain menyela dan saya pasti tidak silap dalam soal ini. Apakata Ibu Hajjah Zain?

"Benarlah kata Ustaz tu, baik sekali, tujuan kita memanglah mempunyai ahli-ahli yang beriman, tapi saya tak suka berbohong, ahli-ahli yang beriman dilengkongan kami itu banyak juga yang berbuat berbagai hal yang dibuat oleh orang-orang yang tidak beriman!"

Pembaca boleh bayangkan, betapa riuh-rendahnya gelak ketawa ketika itu. Untunglah Cikgu Harun Aminurashid memberi bunga kepada situasi itu dengan berkata: "Kalau "alif" tak dapat ditambahkan dalam tulisan itu, jadi tak dapat dia dijadikan Amanu secara tertulis, sama berdoalah kita agar tambahan penyempurnaan "alif" dari semasa kesemasa akan dijumpai dalam "alif" dari semasa kesemasa akan dijumpai dalam "alif".

Datuk Asri, Keris Mas dan Gazali Yunus yang duduk sederetan atau berdekatan dengan saya, memuji cara Cikgu Harun menyetop perbincangan tentang UMNO dan AMANU atau Aminu itu.

Nah, para penganjur UMNO hari ini, atau orang Melayu yang jadi ahli dan bukan ahli UMNO, dapatkah suatu ikitbar, ibarat, tamsil, bidalan, kiasan atau apa saja namanya diambil dari cerita UMNO dan Amanu itu untuk masa lampau, hari ini dan masa kehadapan?

Sesudah kita semua bermenung, kita kembalikan jualah segalanya itu, kepada Allah Tuhan Yang Maha Pemurah, Maha Pengasih dan Penyayang.

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu!

Disingkatan dengan Pekembar!

Baik nama pertubuhan itu secara keseluruhan kalimatnya atau singkatannya dengan sebutan Pekembar, jika direnungkan oleh orang Melayu, dengan jiwa Melayunya yang tetap hidup megah, sebenarnya orang tak perlu bertanya, orang tak perlu bimbang, apakah UMNO akan pecah berkicai lagi, apakah UMNO akan oleh ari dalam, apakah UMNO akan derbubar dari desakan di luarnya ataukah UMNO ammenempuh hidup segan, mati tau mau.

Kebangsaan Melayu Bersatu! Pekembar!

Ulang-ulanglah membacanya, renungkan hakikat arti dan tujuannya!

Semboyan perjuangan UMNO - Hidup Melayu!
Kalau dikaji kata-kata Hidup Melayu sebagai
cogan-kata atau semboyan perjuangan UMNO, dapatlah dikatakan ia melanjutkan warisan dari amanat
Laksamana Hang Tuah yang berpesan: TAK
MELAYU HILANG DIDUNIA!

Jadi, penganjur bangsa Melayu hari ini, terutama jenerasi muda dihari yang akan datang, perlu umendalami serta menghayati semboyan Hidup Melayu sebagai lanjutan dari amanat Laksamana Hang Tuah yang berbunyi TAK MELAYU HILANG DIDUNIA itu.

Yang perlu juga difahami, Hang Tuah TIDAK membagi-bagikan Melayu itu, juga TIDAK memberikan batas dan kawasan akan arti dunia. Kalau saya boleh menjelaskan dan menegaskan, hang Tuah TiDAK berkata, Tak Melayu di Semenanjung hilang didunia Semenanjung, juga Hang Tuah tidak mengatakan Tak Melayu di pulau Andalas hilang dikawasan Andalas, tidak pula Hang Tuah berpesan, Tak Melayu di Mindanao, di Patanl, di Jawa, Di Kalimantan, di Kamboja, di Vietnam, di Burma hilang didunianya masing-masing. Tu tidak pernah dikatkan Hang Tuah

TAK MELAYU HILANG DIDUNIA amanat Tuah, adalah amanat yang luas terbentang, panjang tak berkesudahan, besar ruang-lingkupnya, pandangan politik-budaya yang tak terjangkau dalam beberapa kurun atau abad, suatu pengetahuan sosiopolitik yang berkaitan dengan strateji dan geographi, yang terpulanglah kepada mereka yang berminat mendalami untuk membuat satu uraian yang boleh bersifat teori limiyah untuk digunakan sebagai panduan dan pedoman.

Saya ingin hendak menunjukkan kepada para pejoang sekarang ini, bahwa rangkaian sejarah perjuangan politik, budaya, ekonomi dan strateji, dalam kaitannya dengan amanat Laksamana Hang Tuah itu.

Allah Yarham Dr. Burhanuddin Elhulaimy dalam Kongres Partai Kebangsaan Melayu (Malay Nationalist Party - MNP) di Malaka tahun 1946 menemukakan pantun:

> Di atas runtuhan kota Melaka Kita bangunkan jiwa Merdeka Bersatulah Melayu Seluruh baka Membela hak Keadilan Pusaka.

Kalau rubuh kota Melaka Papan di Jawa kita dirikan Kalau sungguh sebagai dikata Nyawa dibadan kita berikan. Dan bila orang mau mengakui kenyataan dalam perkembangan sejarah, hendaklah mereka mau pula membaca ucapan-ucapan Allah Yarham Datuk Onn bin Jaafar ketika menghadiri upacara perayaan penyerahan Kedaulatan penuh dari Belanda kepada Indonesia bulan Disember 1949 dibandar Jakarta.

Datuk Onn dan Malcom Mac Donald (ketika itu Pesuruhjawa Tinggi Inggeris untuk Asia Tenggara di Singapura) adalah mewakili Malaya dan Singapura

dalam upacara itu.

Apa kata Datuk Onn yang duduk disebelah Mac Donald kepada para wartawan yang seperti nyamuk banyaknya mengerumi beliau?

"Saya berasa gembira, saudara-saudara orang Melayu di sini telah memperoleh kemerdekaan, sedang saya sebagai penganjur orang Melayu di Semenanjung, masih memperjuangkan kemerdekaan itu pada yang duduk disebelah saya ini?"

"Yang sudah merdeka sekarang ini, bukan bangsa Melayu, tapi bangsa Indonesia," seorang

wartawan berkata.

"Benar, kita ini semuanya orang Melayu, saudara telah menamakannya bangsa Indonesia sejak 1928, tapi kami di Malaya masih menamakan diri kami bangsa Melayu, saya tak tahu apakah kami akan mempunyai nama lain pula nanti? Terpulangkah kepada sejarah, hanya saya gembira dan menyampaikan tahniah kepada bangsa Melayu yang telah memperoleh kemerdekaannya lebih dahulu dari pada kami bangsa Melayu di Semenanjung," demikian jawab Datuk Onn.

Tidaklah perlu dikaji lagi uraian Datuk Onn 1949 itu, sebab jelas membuktikan, bahwa jiwa Melayulah yang jadi tema pokok sejak UMNO ditubuhkan, di mana beliau jadi Yang diPertua Agung-

nya yang pertama.

Diibukota Empire Melayu yang pernah gemilang itu, dipadang Bandar Hilir Melaka jualah pada 20hb Februari 1956, iaitu setelah mendekati 10 tahun UMNO berjuang, diishtiharkan oleh Tunku Abdul Rahman, didampingi oleh Encik Ghafar Baba, bahwa Malaya Merdeka akan ujud pada 31hb Ogos 1957, sebagai keputusan dari perundingan perutusan Malaya denean Kersiana Inseeris.

Lebih 50.000 orang menghadiri peristiharan itu dan 31hb Ogos 1957, kemerdekaan PERSEKUTUAN TANAH MELAYU dilakukan diibukota negara di Kuala Lumpur keseluruh ceruk rantau negeri dan

untuk pengetahuan dunia seluruh jagad.

Maka saya bertanya kepada pembaca sekalian, terutama saya tujukan kepada para pemimpin UMNO serta para ahli UMNO, iaitu: Kalau sekarang di Indonesia rakyat menuntut supaya kaum PRIBUMI diberi perlindungan, diberi kenajuan utama dibidang ekonomi, apakah yang dimaksud dengan kata Pribumi itu?

Kalau di Malaysia semakin hebat tuntutan dan semakin giat kerajaan memberikan peluang dan keutamaan disegala aspek kepada BUMPUTERA, saya bertanya dengan ikhlas, apakah yang dimaksudkan dengan kata Bumiputera itu?

Jawab yang pasti tepat dari semua pertanyaan itu, bukan terletak dipena saya yang tajam, bukan pula pada jari-jari tangan saya menari di atas mesin tulis, tidak pula pada orang lain, tetapi jawabnya sudah ada dalam partai UMNO sendiri.

Semboyan Hidup Melayu, itulah jawabnya yang pertama!

UMNO itu Melayu, Melayu itu UMNO, itu iawab yang kedua!

Memelihara Kedaulatan Raja-Raja Melayu, itu jawab yang ketiga!

Kebangsaan Melayu Bersatu! ada jawab yang keempat.

Menambahkan "alif" dibelakang "wau" dalam amal perbuatan adalah jawapan yang kelima. Jadi yang saya kemukakan dalam lima jawapan itu, bukan kata saya, bukan kata orang lain, tetapi adalah ternukil dan terekam dengan jelas dan tegas dalam UMNO sendiri, dari ucapan para penganjur UMNO sendiri, hitam di atas putih, yang tercatel dalam seirari keculis (soal "alii".

Sebagai orang poliitk, tukang pidato, setiap orang boleh merubah ucapan dan kalimatnya 24 kali dalam satu defik, jika nafasnya sanggup dan mampu, tapi sejarah tak dapat dirubah setiap orang

dengan sesuka hatinya.

Mungkin ada orang berpendapat, dia boleh berbohong dan mendustai manusia, kerana manusia lain tidak tahu. Bahkan ada orang yang mencoba mendutastai Tuhan, kerana nipis imannya, Tuhan itu tidak ternampak olehnya, tetapi betapun tipsi iman seseorang, betapa juga rendah pengetahuan seseorang betapa pinya rendah pengetahuan seseorang itu dapat dan boleh berbohong dan berdusta dengan hati nuraninya, bolehkah ia berlawan dengan kehendak dhamir hatinya?

Sekali lagi saya mempelawa pembaca berme-

nung dan merenungkan!

Oleh sebab itu, baiklah saya rekamkan di sini ucapan seorang pemuka UMNO dipejabat Agung UMNO kepada saya, lebih kurang sebagai berikut:

"Para penganjur UMNO boleh melaksanakan semua keputusan yang telah diambil. Pemimpin UMNO boleh membuat segala tindakan menurut undang-undang dan perlembagaan. Tetapi keranyang membuat perlembagaan apa pun adalah manusia juga, yang tidak akan sunyi dari kesilapan dan kelapaan, maka setiap tindakan yang hendak di-jalankan atau yang telah dijalankan, akan dapat membawa munafaat, jika para penganjur UMNO di samping berpegang kepada undang-undang dan segala macam perlembagaan dan keputusan, selalu mencuba bersoaljawah dengan hati mmuraninya

sendiri, sentiasa mencoba berbaik-baik dengan dha-

mir hatinya!"

Benar-benar saya tertegun dengan ucapan pemimpin UMNO yang telah banyak makam garam politik, mengalami suka duka, menempuh dan menyelesaikan berbagai macam krisis dalam sejarah UMNO.

Mudah-mudahan anda akan tertarik juga dengan ucapan beliau.

"Masalah yang dihadapi UMNO sejak bertahuntahun UMNO memegang kekuasaan dalam kerajaan negeri ini, ialah betapa UMNO itu mesti berjaya melintasi sikratil-maut, yang sentiasa mengancam UMNO dari dalam dan dari luar. Oleh sebab itu, saya suka kalau saudara mengarang sebuah buku dengan jodoh: Bagaimana UMNO Melintasi Maut," sambung pemimpin UMNO lagi.

Di Kota Bharu Kelantan, saya berjumpa dengan beberapa orang pemuka UMNO, pemimpin PAS, para penulis dan guru-guru. Kami berbincang tentang

keadaan politik dinegeri ini.

"Soal yang dihadapi UMNO sekarang, bagaimana krisis-krisis di dalam tubuhnya, tidak membawa UMNO itu sampai mau!" Demikian seseorang berkata dalam satu pertemuan yang menarik. Seorang pemimpin PAS bertanya: "Apakah awak lihat UMNO sedang menempuh sikratil-maut?"

"Bukan sekali ini UMNO sakit parah, tapi sudah berulangkali, sejah eristiwa 13 Mei, peristiwa Datuk Ahmad Said Menteri Besar Perak, peristiwa Tan Sri Ibrahim Fikri Menteri Besar Perak, peristiwa Tan Sri Ibrahim Fikri Menteri Besar Tenganu, peristiwa Doktor Mahathir, peristiwa Datuk Harun, kesemuanya Itu adalah sakit parah, yang berjaya disembuhkan kembali oleh pakar-pakar ahli kesihatan bidang politik UMNO. Tapi cabaran hari ini dan masa kehadapan, kalau penganjur UMNO tidak kembali mengin-safkan dirinya tentang asal-usul UMNO ditubuhkan, tidak kembali teguh dan tegas kepada amanah Hang

Tuah, malaikat maut akan mudah menjangkaukan tangannya dalam situasi UMNO sedang dalam sikatili maut itu," kata seorang ustaz berkelulusan Azhar yang juga terkenal sebagai orang UMNO yang tidak banyak tingkah dulu dan sekarang.

Manakala sava berbincang dengan beberapa pemimpin PAS tentang situasi UMNO hari ini dan kemungkinan hari depannya, mereka berkata: "Kalau keadaan UMNO mau dikatakan gawat, ya, boleh disebut gawat. Dalam gawat yang betapapun, dasar dan pangkal bertolak setiap penganjur politik, ialah perlembagaan partai, jiwa ikhlas pemimpinnya dan yang lebih penting, jalah kata hati nuraninya dalam melaksanakan setiap keputusan dan mengambil tindakan. Kita ini oaang Melayu, ini artinya kita berugama Islam, Kalau undang-undang dan perlembagaan sudah tepat, keputusan sudah baik tapi ada rasa was-was dan ragu-ragu akan akibat dan reaksinya, ada anjuran dalam ugama, supaya sebelum sesuatu dilaksanakan lakukanlahsembahyang istikharah, mudah-mudahan Tuhan memberi petunjuk dan memberi kurnia dengan hasil-hasil yang bermunafaat. Ini bukan berlaku terhadan UMNO saja, kami dalam PAS pun demikian," demikian saripati pikiran dari beberapa pemuka PAS kepada saya.

Bagaimana dengan ancaman komunis?

Kalau sudah diinsafi semboyan Hidup Melayu, kalau sudah diingat kembali kata-kata dalam Pertubuahn Kebangsaan Melayu Bersatu, diingat pula singkatan Pekembar, ditambahkan pula "alir" dalam amal dan perbuatan sehingas jadi orang "Umno yang Amanu" kita kembali kepada ucapan Datuk Hussein Onn Perdana Menteri Malaysia, Pemangku Presiden UMNO awal 1976.

Saripati dari ucapan Datuk Hussein Onn ialah: "Selama orang Melayu bersatu negeri ini tidak akan jatuh ketangan komunis. Selama orang Melayu tidak membantu komunis, negeri ini tidak akan jadi komunis!"

Itu adalah saripatai pertama yang saya catet dari ucapan Datuk Hussin beberapa kali dibulan Mac 1976.

Saripati kedua, ucapan Datuk Hussein Onn adalah:

"Islam adalah jadi benteng kita. Semangat Islam boleh menjadi benteng yang kuat untuk mempertahankan negara dari ancaman anti nasional dan melawan kegiatan subversif komunis. Segala usaha dan kegiatan yang positif hendaklah dikerjakan dengan tersusun baik, bagi menjamin kejayaan semangat dan iiwa Islami tu.

Peranan Islam dan penyebaran pengertian Islam, ketika negara menghadapi ancaman keselamatan, juga penting dalam menjanin negara dan surivad masyarakat Islam sendiri. Demikian juga, kita mestilah mengekalkan iliasirilai Islam dikalangan masyarakat berbilang kaum sebagai alat ketahanan nasional."

Saripati ucapan Datuk Hussein Onn itu, saya kutip dari ucapan beliau pada hari Ahad 14hb Mac 1976, ketika merasmikan Nadwah Akademi Islam di Dewan A-Malik Faisal di Petaling Jaya.

Manakala saya teliti ucapan Datuk Hussein Onn yang menyebut jiwa Islam boleh dijadikan benteng dan juga sebagai alat ketahan nasional, saya bertanya kepada seorang pemimipin UMNO apa maksud Ketahanan Nasional itu.

"Ketahanan nasional di Malaysia dapat diperahankan dan dikekalkan, dengan jiwa dan semangat Islam yang selalu dikembangkan, berpangkal tolak sejalan dengan fahan kebangsaan yang dibina sejak semula UMNO ditubuhkan. Dengan jiwa dan semangat Islam serta faham Kebangsaan itu, dijadikan pegangan dan panduan, maka rakyat berbilang kaum akan dapat berjiaha sering dengan derap

langkah yang sama, sehingga Ketahanan Nasional tidak goncang dan tidak goyah!"

Itulah yang saya terima jawapannya,

Tentang semboyan UMNÖ Hidup Melayu, kemudian ditukar jadi pekik Merdeka, seorang pemimipin UMNÖ dipejabat Agung UMNÖ itu memberi keterangan, bahwa Hidup Melayu dan Merdeka, menunjukkan kemajuan yang pesat dalam UMNÖ dan semakin membangkitkan semangat kebangsaan Melayu.

"Yang mula sekali membawa usul itu, ialah Encik Abdul Samad Idris (sekarang Datuk - Menteri) pada 29hb Ogos 1950 dalam musyawarat Pemuda UMNO. Ketika itu Ketua Pemuda UMNO adalah Tun Razak."

"Ususl Samad Idris dari Pemuda UMNO Kuala Filah itu diterima oleh musyawarat Pemuda UMNO yang diketuai Tun Razak. Kemudian Encik Gharib Rauf sebagai perutusan Pemuda UMNO kemusyasar ta Agung UMNO telah membawa keputusan semboyan Merdeka itu yang berlangsung 25 dan 26hb Mac 1951 di Hotel Majestic dan telah diterima oleh UMNO dengan suara terbanyak. Dengan itu semboyan Hidup Melayu, telah lebih membangkitkan perjuangan untuk menuntut kemerdekaan," kata pemimpin UMNO itu.

Berkenaan dengan masalah korupsi dan Rasuah yang sangat jadi perbincangan yang luas, beberapa pemimpin UMNO mengatakan:

"Korupsi dan Rasuah yang sudah diambil tindakan sejak beberapa msaa dengan cergasnya, adalah berjalan dengan baik. Tapi UMNO sedang berhadapan dengan perkembangan korupsi jiwa rasuah dalam prinsip hidup mereka sendiri. Jika korupsi jiwa dan rasuah dalam prinsip hid dapat diasi dengan serta merta, korupsi hartar, rasuah milik negara dan rakyat, akan segera berkurang dan lebih mudah diberantas atau di atasi," kata merekan

"Apa maksud Datuk dengan Korupsi jiwa dan

Rasuah prinsip?"

"Semangat Pertubuhan Kebangsaan Melayu yang asli sudah mulai luntur. Jiwa Pekembar mulai melayang-layang dan amanat Hang Tuah entah dimana letaknya sekarang ini," jawabnya.

Lebih baik tak saya lanjutkan menceritakan percakapan dengan pemimpin UMNO ini, tapi biarlah saya pelawa lagi kita semua untuk bermenung itu, bibi-lebih tengah malam menjelang subuh, menjelang suara azan bergema, akan lebih banyak membawa kemudahan bagi setiap umat lalam menyedari dirinya, menyedari sikapnya dan menyedari tindakan-tindakannya.

Tentang pelaksanaan politik luar negeri yang dijalankan oleh UMNO, sebagai pegangan bagi kerajaan, saya diberi keterangan, bahawa ASEAN perlu diperkuat lagi. Pengertian dan persefahaman perlu disahakan dengan negara-negara Vietnam, Kamboja, Laos dan itiran-itiran vane lain.

"Dulu Peking dan Washington bermusuh sangat hebat. Tiba-tiba menjadi baik Allahu Rabbi. Dulu Peking dan Moskow bersahabat kental, sekarang bermusuh ketat, bagaimana pandangan Datuk tentang

hal ini?" saya bertanya.

"Kalau dunia pernah menyaksikan Peking dan Moskow berbaik, kemudian bermusuhan, di samping itu menyaksikan pula Peking dan Washington bermusuhan, kemudian berbaik-baik, hendaknya sebagai orang politik kita juga bersedia membuat ramalan, bahwa bukan mustahil satu hari nanti, Peking dan Moskow akan rukun kembali, sedang Peking-Washington kembali bermusuhan atau kuasa-kuasa besar jutu semua rukun dan berbaik-baik."

"Jadi, bagaimana sikap kita?" tanya saya lagi. Di sinilah letak ketahanan nasional, di sinilah pentingnya kewaspadaan kita, di sini juga pentingnya kemajuan Asean dikembangkan, sebab kalau gajah-gajah sama gajah-gajah sudah berkelahi, pelanduk sudah pasti mati terjepit, dan kalau gajah sama gajah sudah menari bersuka hati, yang lintang pukang tentu kita yang kecil-kecil laksana kijang berlari," kata Datuk.

Berhari-hari dan berjam-jam saya bercakap dengan berbagai pemimpin UMNO tentang perkembangan masa lalu, situasi hari ini, kemungkinan hari depan yang akan dihadapi UMNO, maka kepada orang yang menamakan dirinya Datuk itu, manakala saya minta izin untuk menyebut namanya, dia berkata sebagai herikut:

"Saudara tak usah menyebut nama saya yang sebenarnya, keadan yang saya kemukakan itu tidak ada yang baru, walau semuanya adalah penting dan pinsipal. Kita sekarang sudah banyak Tun, banyak Tan Sri, banyak Datuk, menyerapah pula Encik-encik. Terserah kepada saudara sajalah, saudara bukan kenal saya hari ini, tapi saya bertanggung-jawab akan keterangan-keterangan yang saya beri-kan!"

Kerana saya kenal tokoh UMNO ini, lama saya berpikir, maka jika saya sebut beliau Datuk, andaikata beliau bukan seorang bergelar Datuk, janganlah Anda kecil hati, kerana boleh jadi dia juga bukan seorang Tan Sri sekalipun. Yang penting keterangannya menarik perhatian saya dan mudah-mudahan ada munfaatnya untuk kita semus.

Maka tibalah saya kepada penutup karangan ini, Bagaimana UMNO melintasi sikratil maut? Saya bukan malaikat, yang mau mencabut nyawa UMNO.

Andapun pembaca karangan saya ini, juga bukan malaikat!

Habis! Bagaimana UMNO melintasi Maut? Datuk Musa Hitam, anggota Majlis Tertinggi UMNO - Menteri Perusahaan Utama dalam Kabinet Datuk Hussein Onn dihadapan Kesatuan Kebangsaan Wartawan di Utusan Melayu telah mengemukakan TIGA PILIHAN yang terserah kepada ahli UMNO untuk menentukannya. Hal itu diucapkan beliau hari Isnin 19hb April 1976, dengan tajuk "Politik UMNO Masa Kini" iaitu.

- Sebarang pergolakan dalam UMNO, terserah kepada ahli-ahli UMNO untuk membuat keputusan berasaskan perlembagaan, demokrasi dan disiplin bagi menjamin keutuhannya.
- Membiarkan UMNO sesuka hati saja, dengan kebebasan tidak terbatas, yang boleh membawa perpecahan dan akhirnya kehancuran kepada UMNO sendiri.
- Membiarkan UMNO hidup dengan dikongkong penuh oleh satu-satu golongan atau pihak sahaja, iaitu bersifat "totalitarian" sebagaimana yang berlaku dinegeri Cina, Sovyet Union dan bebeapa negeri Afrika yang sedang membangun sekarang ini.

Sahabat saya Datuk Abdul Samad Idris yang persama-tama membawa usul semboyan Merdeka kedalam UMNO dalam ucapannya di Tampin berkata: "Supaya para ahli UMNO kembali membangkitkan semangat dan jiwa perjuangan ditahun 1946, iaitu jiwa ketika membuluhkau UMNO!"

Tan Sri Sayed Nasir, seorang tokoh UMNO yang sejak dulu saya kenal dan saya ikuti perjuangannya berkata di Taiping 18hb April 1976 antara lain:

"Seluruh anggota UMNO supaya lebih memperkuat perpaduan mereka. Gerakan pemecahan dalam UMNO seperti tektik komunis. Anasir-anasir itu tidak akan menemui kejayaan, kerana tujuan mereka semata-mata untuk mengalihkan perhatian para ahli UMNO, supaya tidak mengetahui tujuan objektif mereka." Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO - Datuk Mohammad Rahmat - berkata 18hb April 1976 iuga:"

"Bahwa perpaduan ahli-ahli UMNO dan para pemimpin UMNO akan rusak, sekiranya daa'waan konon UMNO sudah lemah kerana perpecahan di antara pucuk pimpinannya terus dibiarkan berlanjutan."

Datuk Hussein Onn di Batupahat berkata: "Para Tokoh dan Ahli UMNO mesti tegas. Ada ahli-ahli UMNO sengaja membuat fitnah

untuk kepentingan diri mereka saja!"

Sehingga ini saya akhirilah karangan dan uraian ini, dengan mengutip ucapan dari para pemimpin UMNO sendiri, kerana merekalah yang menubuhkan UMNO, merekalah yang menimpin UMNO, merekalah yang jadi ahli UMNO, merekalah yang berkusas dalam kerajaan yang UMNO jadi tulah punggungnya, sebagai sumbangan saya selaku wartawan dan Pengarang yang memulai dan menguhangkan kari dari negeri Tanah Melayu, pusaka Hang Tuah ini, yang kini maju jayanya, mundut dan hancunya, sebenarnya terletak sebagian besar ditangan UMNO - Pertubuhan Kebangsaan MELAYU BERSATU.

Semoga Allah memberi petunjuk dan perlindungan kepada semua penganjur UMNO dan para ahlinya khasnya, kepada bangsa Melayu umumnya, Amiin, Ya Rabbal Alamiin!

UMNO DAN PILIHANRAYA

Seorang pemimpin UMNO telah menegur saya, ketika saya bertanya, bagaimana pengalaman UMNO dengan pilihanraya yang telah diadakan sebanyak empat kali selama Malaysia Merdeka.

"Sebaiknya kita bercakap berkenaan Parti PERIKATAN dalam Pilihanraya 1959, 1964, 1969 sahaja, kemudian Pilihanraya BARISAN NASIONAL 1974," kata pemimpim UMNO itu.

"Bagaimana peranan dan posisi UMNO?" saya bertanya lagi.

Pemimpin UMNO itu menatap saya dengan tenang, saya tak dapat membaca apa yang tersurat dan apa yang tersirat dalam benaknya dan dalam hatinya ketika itu.

Berlaku arif, belum tentu bijaksana, tidak bijaksana, belum tentu tidak arif. Maka memanglah sukar untuk bersikap arif serta bijaksana dalam saat yang demikian. Ada peribahasa tua yang tetap muda dan kekal abadi, tak arif badan celaka, terlampau arif badan binasa. Tak bijak kampung terjual, terlampau bijak tak berjual-beli.

Tentu saya serba salah, tapi pemimpin UMNO itu agaknya lebih serba salah, atau pembaca boleh mengagak yang beliau itu serba tak bersalah sedikit jua. Namun yang baik, kita tinggalkan sahaja masalah ini sejenak.

Saya minta maaf kepada pemimpin UMNO itu, ketika saya mengemukakan angka-angka hasil pilihanraya yang saya kutip dari Laporan resmi Surohanjaya Pilihanraya.

"Datuk, ini angka-angka hasil pilihanraya, kalau saya salah kutip, tolong betulkan dan saya minta maaf kalau sayapun ada yang salah mengutipnya."

"Oh, Awak menyusun daftar hasil pilihanraya Dewan-Dewan Negeri. Saya tahu memang betul, kalau Awak salah kutip, boleh jadi laporan sumber Awak yang salah pula," ujarnya.

Panjang kami berbincang tentang hasil pilihanraya itu, kemudian sayapun memperbincangkan dengan orang-orang UMNO dari berbagai peringkat. Memang samalah pendapat mereka yang telah saya temui, baik yang dalam UMNO atau di luar UMNO.

Sejak pilihanraya diadakan dizaman Merdeka, UMNO bertanding atasnama Perikatan, kerana UMNO ahli Perikatan bersama-sama MCA dan MIC. Ketiga kelompok parti ini, maju di bawah satu bendera dalam tigakali pilihanraya. Di bawah ini, adalah angka-angka menurut peratusnya dari seluruh undi yang jatuh ketangan Perikatan. Seperti diketahui dalam pilihanraya itu, Perikatan terus menerus menamakan calunnya 104 orang untuk Parlimen dan 282 untuk kerusi Dewan Negeri, dengan pengertian Perikatan berhasrat memenangkan semua kerusi Parlimen dan Dewan Negeri yang tersedia.

	Negeri	1959	1964	1969
1.	Kelantan	26.9	48.0	47.5
2.	Trengganu	35.2	55.2	49.3
3.	Pahang	63.6	68.4	55.1
4.	Penang	51.1	47.2	34.6
5.	Kedah	71.1	67.6	53.1
6.	Perlis	63.8	60.9	53.5
7.	Perak	54.7	54.6	43.6
8.	Selangor	57.6	55.1	41.6
9.	Negeri Sembilan	55.8	58.7	46.2
10.	Melaka	67.0	65.2	48.1
11.	Johor	67.1	67.6	65.0

Kalau kita kaji dan perhati dengan teliti, hasil pilihanraya tahun 1959 dengan tahun 1964, maka hasil undi yang diperoleh Perikatan tetap menggembirakan, walaupun patut dibuat perhitungan untuk menambah kesedaran.

Di Perak dan Johore boleh dikatakan hasilnya serupa, kelebihan undi Johore tahun 1964 sedikit sekali. Memang di Kelantan, Trengganu, Pahang, Negeri Sembilan undi yang diperdapat bertambah dari tahun 1959, tetapi di Penang, Kedah, Perlis, Selangor dan Melaka, Perikatan mendapat undi jauh berkurang ditahun 1964, jika dibanding dengan tahun 1959, padahal jumlah pengundi ditahun 1964 sudah bertambah jumlahnya. Kemudian jika diteliti pula angka-angka hasil undi yang diperoleh Perikatan tahun 1969, dibandingkan hasil undi tahun 1964, maka boleh dikatakan diseluruh Negeri suara itu telah berkurang juga.

Jentera-jentera yang mentadbirkan piliharaya dalam Perikatan tentu dapat mengkaji da memerhati undi yang telah diperoleh itu, sejak dari tahun 1959, 1964 sampai 1969. Di mana Perikatan, yang posisinya kuat, di mana dia yang lemah, dapat diketahui dalam tahun 1959 dengan 1964, tetapi ditahun 1969 keadaan sungguh membuat hati jadi runsing.

Oleh sebab itu, kemenangan yang diperoleh Perikatan dalam tigakali pilihanraya itu, akan menjadi catetan dalam sejarah, kerana ia telah berjaya memegang kendali pemerintahan, namun secara jujur mestilah diakui, bahwa pengundi dari setahun kesetahun dan dari satu pilihanraya kepada pilihanraya yang lain, telah bergerak dan bergeser sedemikian rupa adanya.

Saya tidak akan bertanya kepada Perikatan, tapi kepada UMNO wajarlah hal ini jadi pemikiran, sebab terbuka atau tersembunyi, diakui ataupun tidak, didiamkan atau disebut-sebut, sesungguhnya UMNO adalah urat nadi dari Perikatan dan juga urat nadi dari negeri ini. Disebut tak sedap, tak dikatakan lagi tak sedap.

Setiap orang politik yang jujur dan mau melihat kebelakang, adalah cermin bagi pejuang politik yang hendak maju Jaya sepanjang masa. Aktivitinya akan jadi pandangan yang cemerlang bagi jenerasi yang akan datang Perkara dia benar-benar berjaya atau tidak, itu satu fasal yang lain, tapi dasarnya untuk mau iaya, mestilah ada.

Maka mengkaji hasil pilihanraya yang tiga kali itu, akan membuka mata orang UMNO akan hakikat apa yang telah berlaku, dari tiga peristiwa yang sangat penting itu. Angka-angka itu sensitif, boleh membuat orang politik tak tidur selama 10 hari, jika dia tidak menyedari bagaimana jiwa rakyat dan betapa Tuhan mempunyai kekuasaan, yang tak boleh ditandingi oleh manusis

Kalaulah benar pendapat sebagian orang, bahawa puak pembangkang yang paling kuat selama tigakali pilihanraya itu adalah PAS, maka pandangan ini masih boleh diperdebatkan, masih boleh dibahas dan masih boleh dipertikaikan. PAS sendiri akan terkejut dari tempatnya terlena, bila mau mengkaji hakikat apa sebenarnya yang sedang dihadapi oleh banesa dan rakyat nesera ini.

Kalau orang ÜMNO dan orang PAS berpikir tenang melihat hasil Pilihanraya 1969, kemudian PAS telah masuk jadi ahli BARISAN NASIONAL tahun 1974 dan turut bertanding di bawah bendera Barisan Nasional dipilihanraya 1974, maka bagaimanakah pikiran orang UMNO dan PAS melihat hasil undi yang mereka peroleh atasnama Barisan Nasional titu? Mari kita kaji hasil undi UMNO dan PAS saja tahum 1969, sudah itu, kita kaji dan teliti hasil Undi Barisan Nasional 1974, di mana UMNO yang dalam Perikatan, dan PAS bergabung di dalam Barisan Nasional itu. Di bawah ini peratus undi yang diperoleh:

No:	Negeri	PERI- KATAN 1969	PAS 1969	BARI- SAN 1974
1 K	elantan	47,5	52.2	73.9
	rengganu	49.3	49.4	63.8
3. Po		53.5	48.8	66.0
4. K		53.1	41.3	72.4
	enang	34.6	7.0	50.6
6. P		43.6	18.5	52.9
	egeri Sembilan	46.2	10.6	60.8
	elangor	41.6	9.6	58.4
	lelaka	48.1	17.0	59.1
10. P		55.1	16.8	65.6
11. J		65.0	6.5	70.4

Boleh jadi saya silap, boleh jadi saya kurang lalu, hampir tidak masuk akal, ke mana larinya undi yang banyak itu? Misalnya sahaja undi tahun 1969 yang diperdapat Perikatan di Kelantan 47.5 peratus dan PAS mendapat 52.2 peratus. Kalau jumlah pengundi tetap sama banyaknya ditahu 1974 dengan tahun 1969, dan kesemua orang itu tetap menilih Barisan Nasional, maka peratusnya akan menjadi 99.7, tetapi hasil pilihanraya tahun 1974, Barisan Nasional cuma dapat 73.9 peratus dari jumlah undi. Beeitti jusa hasil undi dilain-lain negeri, pada-

hal selain pada Perikatan dan PAS, maka Barisan Nasional itu mempunyai lagi Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GRM) dan Parti Kemajuan Rakyat (PPP) sebagai anggota dan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu serta SUPP tidak kita masukkan dalam hitungan, kerana dinegeri yang 11 itu, pemilihnya tak ada yang memberikan undi.

Hal yang demikian patut jadi pemikiran, boleh jadi tentu ada cara menghitungnya yang lain, tetapi memberikan penjelasan kepada orang ramai, tentang kedudukan hasil undi yang diperoleh Barisan Nasional sedemikian rupa, di manu UMNO dan PAS telah bersatu yang jadi inti dan terasnya, memang diperlukan kepintaran yang luar biasa.

Kalau tak berjaya menjelaskan cara hasil undi tahun 1974 itu, bahwa kemenangan Barisan Nasional adalah wajar, dan rakyat boleh dan patut meletakkan harapannya lagi pada Barisan Nasional, maka rakyat akan kecewa dan UMNO sendiri akan lebih kecewa.

Memikirkan cara menghadapi pilihanraya yang akan datang, mengatur sistem kepennya, menambah kuat perpaduan, mengurangi salah faham dan salah pengertian, mungkin salah satu lagi jalan untuk menyuruh malaikat maut jauh-jauh, sehingga UMNO berjaya lagi untuk kesekian kalinya melintasi krisis yang menurut sangkaan orang, boleh jadi dulunya membawa UMNO maut.

Syukur alhamdulilah orang politik akan tetap berpikir secara politik, dia akan menghadapi hasil pilihanraya itu dengan sikap politik dan berharap bahwa orang politik kerana salah perkirana tidak dimakan oleh politik terlampau percaya diri sendiri, tanpa menyedari kenyataan-kenyataan yang hidup dihadapannya. Begitu pula pandangan julu kehadapan, yang bukan hanya untuk satu kali lagi pilihanraya, tetapi orang politik hari ini, paling sedikit mesti melihat kepada Tahun 2000, entah apa yang sudah terjadi tahun 2000 ttu didunia ini, khususnya di Asia Tenggara dan lebih khusus lagi di Malaysia

dan kalau mau tanya yang lebih khusus lagi, apa yang terjadi dengan anda masing-masing agaknya?

Semoga Allah memberi kita taufik dan hidayahnya, sehingga yang terjadi atas kita semua, ialah yang baik-baik sahaja, iaitu rahmat dan Nikmat Illahi Rabbi, Amiin, Ya Rabbal Alamiiin!

KEPEMIMPINAN DATUK HUSSEIN ONN

"Satu keputusan yang tegas, samaada bijak atau tidak pada pandangan setengah orang, adalah lebih baik daripada tidak membuat keputusan langsung."

(ucapan Datuk Hussein Onn dibeberapa tempat dalam lawatan beliau ke Johore - Utusan Zaman 25.4.1976)

Karir politik Datuk Hussein Onn bermula sebagai Setia Usaha Agung UMNO dan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO sewaktu ayahanda beliau menjadi Yang Di-Pertua Agung UMNO sampai 1951.

Kembalinya beliau kedalam UMNO, langsung menjadi salah seorang tangan kanan Allah Yarham Tun Razak, setelah berpulangnya Tun Dr. Ismail kerahmatullah.

Pembawaannya yang lemah lembut dan ucapanucapannya yang tidak bersifat agitasi, menimbulkan kebimbangan bagi sebagian orang dalam menyorot serta meneropong kepemimpinannya dalam melanjutkan warisan kepemimpinan Allah Yarham Datuk Onn, ayahanda beliau, Allah Yarham Tun Razak serta kepemimpinan Tunku Abdul Rahman Putera, yang pernah jadi Yang Di-pertua Agung UMNO itu "Saya bertindak atas keputusan yang bersih dan tidak terpengaruh oleh keinginan menganiaya," kata Datuk Hussein lagi.

Saya mengakui 'erus terang, bahwa kecemeran riwayat ketokohan Datuk Hussein Onn dalam pergerakan politik belum terlalu banyak untuk disebut satu persatu, tetapi perkembangan ketatanegaran dan sistem pemerintahan yang jul diberbagai negara Asia dan Afrika sejak tahun 1955, membawa satu corak yang patut mendapat pertimbangan dan kajian bagi berbagai pilak.

Banyak pemimpin tentera yang telah mengambil alih atau merampas kekuasaan, di mana mereka tidak mempunyai atau sedikit sekali mempunyai pengetahuan pribadi tentang undang-undang. Sebagian di antara mereka berjaya, sebagiannya pula menerima nasib malane berbagai macam reaam pula.

Suatu hal yang biasa berlaku sejak beratus tahun, orang-orang pintar dan berkelayakan memimpin partai dan pemerintahan, tetapi mereka tidak mempunyai pengetahuan ketenteraan, tidak memahami jiwa dan disiplin ketenteraan, sehingga mereka selalu memerlukan sokongan tentera.

Begitu juga, sebagian di antara mereka telah berjaya dengan sangat cemerlang, tapi tidak kecil pula jumlahnya yang telah hanyut dibawa arus, hilang tak tentu rimbanya, mati tak tentu kubur dan pusaranya.

Bila Datuk Hussein Onn muncul jadi orang pertama sebagai Pemangku Presiden UMNO dan jadi Perdana Menteri sesudah kematian Allah Yarham Tun Razak, berbagai pandangan telah diberikan orang, di dalam dan di luar negeri kepada beliau.

Saya mencuba mempelajari riwayat hidup ayahanda beliau Datuk Onn bin Jaafar yang saya ikuti perjuangan beliau ala-kadarnya. Saya renungkan sikap politik dan gaya tindakan yang diambil serta dilaksanakan oleh Tunku Abdul Rahman Putera. Saya tiba pada kesimpulan, bahwa di dalam diri Tun Razak terhimpun kembinasi cara berpikir, cara bertindak, yang pernah dibawakan oleh Allah Yarham Datuk Onn dan Tunku Abdul Rahman Putera.

Itulah sebab saya, atas sentilan Menteri Luar Negeri Adam Malik, saya mencuba menyelesaikan sebuah buku tentang TUN RAZAK SEBAGAI NEGARAWAN DAN POLITISI, yang sayang tidak jadi terbit itu.

Ketika nama Datuk Hussein Onn tampil penganti dan pelanjut kepemimpin Datuk Onn, Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak, saya juga mencuba mengkaji sejarah Ketua-Ketua Pemerintahan dibagai negara yang sedang membangun. Makka saya dapatilah pemimpin-pemimpin politik yang memerlukan jiwa tentera dan disipin tentera, yang memerlukan sokongan tentera, di samping itu saya jumpai pula pemimpin-pemimpin tentera yang tidak menpunyai pengatahuan politik, tidak berjiwa partai politik, sehingga mereka memerlukan sokongan dari partai politik.

Datuk Hussein Onn telah ditakdirkan Tuhan adalah seorang karir tentera, karir politik, dua corak yang saya bincangkan dan saya jadikan pangkal tolak dari mengarang buku ini.

Sebagai orang politik dan kari tentera, begitu selesai beliau memegang teraju pimpinan Malaysia, negara-negara jiran beliau kunjungi. Beliau memberi-kan pengertian, mengulurkan tangan persahabatan, di samping beliau juga mencari persefahaman dan membina persahabatan yang telah sedia ujud dari pemimpin Malaysia sebelum beliau.

Datuk Hussein Onn memberikan kenyataankenyataan yang menarik hati untuk perjuangan pemeliharaan perdamaian serta meneguhkan persefahaman antara-bangsa serta memperkokoh perjuangan diplomasi. Di dalam negeri, ke dalam pertainya sendiri partai UMNO - dan di dalam pemerintahan, beliau mengambil tindakan-tindakan tegas, tindakan-tindakan yang oleh sebagian orang diperkatakan tidak mungkin, tidak munasabah, tidak pada tempatnya atau belum munasabah ataupun belum pada tempatnya.

Tindakan-tindakan itu disusul dengan lawatan keseluruh ceruk rantau negeri ini, dengan bekerja keras, siang dan malam, menghadiri perjumpaan dan musyawarat yang kadang-kadagn lebih dari 4 kali dalam sehari semalam.

"Satu keputusan yang tegas, samaada bijak atau tidak, pada pandangan setengah orang, adalah lebih baik daripada tidak membuat keputusan langsung," kata Datuk Hussein Onn. Sebagai seorang wartawan dan pengarang, yang telah sering mengadakan pertemuan dan wawancara dengan pemuka politik dan pemimipin pemerintahan yang berbagai corak ragamnya, saya dapat memahami, bahwa ucapan Datuk Hussein Onn itu membimbangkan sebagian orang, tetapi dengan kelanjutan ucapan beliau, duduk perkara lebih jelas, iatiu: "Saya bertindak atas keputusan yang bersih, tidak terpengaruh oleh keinipian meneganjaya;"

Bagaimana kepemimpinan Datuk Hussein Onn dimasa datang?

Mengemukakan sesuatu adalah menggongcangkan, lebih dari itu adalah berbahaya untuk seorang wartawan, membahayakan kepada pandangan masyarakat dan membingungkan segala perkembangan. Tetapi tidak mengemukakan ramalan, menun-

jukkan suatu kebohongan yang besar dan pendustaan yang tiada ternilai bagi sikap seorang wartawan atau pengarang, walaupun TIDAK membuat ramalan itu, juga dapat dikatakan sikap membuat ramalan.

Adapun pandangan dan sikap saya tentang kepemimpinan Datuk Hussein Onn dihari yang akan datang, lebih banyak terletak pada orang-orang sekitar beliau. Datuk Hussein Onn sendiri telah mempunyai bekal yang diperlukan untuk zaman abad ini, iaitu zaman negara yang sedang membangun. Kombinasi karir politik dan karir militer!

Sebagai manusia biasa, sebagai seorang anak, saya percaya, bahwa Datuk Hussein Onn pasti ber-'azam membuat kejayaan-kejayaan yang gemilang dan cemerlang, terutama yang dimasa ayahanda eliau memimpin UMNO, tak sempat serta tak sampai berjaya dikerjakan. Ini keyakinan setiap anak, bagi

melanjutkan perjuangan ayahnya.

Berkenaan dengan orang sekitar beliau, berlaku juga hukum sejarah dan pengalaman. Bukan sedikit penganjur yang jujur dan bersih sejak semula ia memperjuangkan kepentingan rakyat, tetapi berkat pengaruh orang sekelilingnya, desakan anak dan isteri tuntutan keluarga dan saudara-mara, telah menyebabkan pemimpin yang jujur "lupa diri" dan "lupa daratan" serta "lalai bertindak!"

Siapa vang menghendaki contoh dalam halhal yang saya sebutkan di atas, dalam saat seperti sekarang ini, samalah ertinya dia menghendaki satu cermin yang tidak bersih untuk dirinya, disaat matanya sedang kabur atau rabun pula akan sejarah.

Sebagai seorang yang mencintai kejujuran, keadilan dan kebenaran, yang mencinta rakyat serta negeri ini, saya hanya berdoa kepada Tuhan, bersama dengan kumpulan mereka yang benar dan beriman, semoga kepemimpinan nasional di Malaysia yang kaya ini, senantiasa kokoh, tahan uji dan terpuji, selalu dilindungi Allah, diberikan limpahan rahmat serta nikmatnya yang lebih banyak dari yang sudahsudah Amiin Ya Rabbal Alamiin!

Semoga UMNO selalau berjaya MELINTASI SIKRATII MALITI

